

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

Bil. 11

Selasa

27 Julai 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman
Perumahan (Pindaan) 2004 (Halaman 26)

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 (Halaman 72)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 27 Julai 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Chiam Yong Tee** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah program-program pembangunan sumber manusia yang telah dilaksanakan pada tahun ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:

Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia menerusi jabatan, agensi di bawahnya terus berperanan terhadap pengukuhan program pembangunan sumber manusia dalam menghadapi cabaran-cabaran baru menerusi pembangunan dan meningkatkan pengeluaran tenaga mahir negara. Tenaga kerja yang dibangunkan haruslah berupaya menghadapi cabaran ekonomi baru supaya dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi.

Salah satu strategik utama Kementerian Sumber Manusia ialah menyediakan tenaga kerja mahir bagi membolehkan industri berdaya saing di peringkat antarabangsa. Kementerian ini meneruskan program meningkatkan kapasiti institusi latihan kemahiran menerusi penaiktarafan institusi latihan sedia ada serta pembinaan institusi latihan baru di bawah Jabatan Tenaga Manusia. 20 buah institut latihan yang sedia ada mempunyai kapasiti melatih 17,000 pelajar pada sesuatu ketika. Enam buah lagi Institut Latihan Perindustrian (ILP) dijangka akan siap pada hujung tahun 2004 dan ini akan meningkatkan lagi kapasiti latihan sebanyak 5,640 pelatih lagi.

Kursus-kursus baru berkaitan dengan teknologi baru atau tinggi terutama di sektor pembuatan turut ditawarkan. Kursus-kursus baru yang ditawarkan ialah seperti berikut:

- (i) IT Interactive Multimedia

- (ii) IT Software Development;
- (iii) IT System Integrity and Security
- (iv) IT System and Network;
- (v) Microelectronics;
- (vi) Wafer;
- (vii) Fabrication Process Technology;
- (viii) Advance Packaging Technology
- (ix) Advance Material Technology Ceramic;
- (x) Advance Material Technology Composite;
- (xi) Cyber Manufacturing Design; and
- (xii) Advance Digital Control.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Tenaga Manusia juga berusaha untuk melaksanakan program *double shift* di institut latihannya bagi memberi peluang kepada lebih ramai orang mendapat atau mengikuti latihan. Jabatan Tenaga Manusia juga sedang memperkenalkan modul *e-training* di institusi latihan. Adalah dianggarkan ianya akan memberi manfaat kepada kesemua 15,000 orang pelatih ILJTM dan 23,500 orang awam termasuk pekerja industri, pelajar institusi pengajian tinggi dan individu pada setiap tahun.

Dalam usaha memastikan program latihan selaras dengan keperluan industri dan memberi peluang kepada lebih ramai orang mengikuti kursus kemahiran, kementerian ini menerusi Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) bertanggungjawab menyelaraskan pembangunan latihan kemahiran termasuk menetapkan standard dan membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau National Occupational Skills Standard (NOSS) yang meliputi pelbagai bidang pekerjaan. MLVK telah merancang mempergiatkan pembangunan NOSS dalam sektor industri termasuk pembuatan, perhotelan, ICT, pelancongan, pertanian dan sebagainya.

Sehingga kini, 7,018 NOSS yang meliputi 41 bidang pekerjaan dari tahap satu hingga tahap lima telah dibangunkan. Di samping itu, pihak kerajaan juga bersetuju supaya MLVK memainkan peranan sebagai agensi pelaksana, latihan *dual* serta pembangunan dan pengukuhan MLVK menerusi latihan dan pendedahan kepada pelaksanaan, penyelarasan dan pengawalseliaan sistem latihan *dual*. Pelaksanaannya akan bermula pada tahun 2005. Sistem latihan *dual* ini merupakan

sistem latihan yang melibatkan pengendalian latihan di dua tempat iaitu di institut latihan dan di tempat kerja. Sistem latihan ini berupaya mengeluarkan sumber manusia mahir selaras dengan keperluan industri di mana pelatih lepasan sistem *dual* ini akan memperoleh kemahiran dalam sesuatu bidang secara khusus.

Di samping itu, kementerian ini menerusi pembangunan sumber manusia berhad yang berperanan menggalakkan latihan semula dan meningkatkan kemahiran pekerja terus melaksanakan pelbagai skim latihan termasuk Skim Perantisan dan Skim Latihan Graduan. Sehingga kini, sebanyak 4.2 juta tempat latihan telah diluluskan dengan bantuan kewangan sebanyak RM1.43 bilion. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya, Kementerian Sumber Manusia itu ada merancang banyak program bagi pembangunan sumber manusia. Soalan tambahan saya, adakah kementerian juga membuat tinjauan tentang peluang-peluang pekerjaan yang diperolehi oleh pelatih-pelatih yang telah lulus kursus-kursus itu kerana kita latih ramai tetapi dari segi pekerjaan, saya ingin tahu apakah pemantauan yang telah dibuat dan adakah semua yang lulus itu telah mendapat pekerjaan? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Satu soalan yang sangat baik. Pihak kementerian telah pun membuat kajian terhadap lulusan pelatih-pelatih. Didapati sebanyak 74% pelatih-pelatih yang keluar daripada pusat latihan ini memperoleh pekerjaan dalam lingkungan masa enam bulan. Apabila lingkungan masa itu meningkat kepada satu tahun, lazimnya boleh dikatakan 90% lebih pekerja-pekerja itu mendapat latihan. Di samping itu, pihak Kementerian Sumber Manusia juga terus menerus berhubung dengan syarikat-syarikat besar terutama syarikat-syarikat gergasi, *big player* untuk memastikan majikan-majikan tersebut mengutamakan pelatih-pelatih yang berkemahiran dan berkelulusan yang telah dilatih oleh Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada kementerian yang telah banyak merancang untuk melatih pekerja-pekerja negara ini terutama sekali mereka yang lepasan sekolah dari segi kemahiran dan sebagainya. Soalan saya, saya ingin mengetahui iaitu soal *in-job training* iaitu latihan masa bekerja. Adakah mendapat sambutan dari pihak majikan? Kita tahu

sesetengah majikan lebih mementingkan keuntungan dari melatih pekerja-pekerja mereka untuk menjadi pekerja mahir. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang pihak majikan sentiasa mengambil pekerja-pekerja yang dilatih oleh pihak Kementerian Sumber Manusia *in-job training program* ini dan kita dapati sambutan yang diberikan oleh pihak majikan cukup baik dan kelulusan kepada latihan *in-job training* ini akan dibuat terus menerus dari masa ke semasa, memandangkan sambutan yang diterima begitu baik sekali. Terima kasih.

2. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Operasi (C.O.O.) dan Ketua Kewangan (CFO) mengikut kaum di kalangan syarikat besar swasta, perhotelan dan syarikat-syarikat yang disenaraikan di dalam Bursa Saham Malaysia (Papan Utama dan Papan Kedua) dan
- (b) daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah yang terdiri daripada pegawai warganegara asing mengikut negara masing-masing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Ahli Yang Berhormat Datuk Yaakob adalah terlalu spesifik mengenai perangkaan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Ketua Pegawai Operasi (C.O.O.) dan Ketua Kewangan (CFO) syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Malaysia mengikut pecahan industri kaum dan warganegara Malaysia dan asing. Pihak Bursa Saham Malaysia memerlukan masa yang panjang untuk menyediakan maklumat tersebut. Oleh yang demikian, saya akan memberikan jawapan tersebut secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan yang ada, untuk menjawab soalan ini, BSKL terpaksa melihat satu-persatu syarikat-syarikat yang telah pun disenaraikan di Bursa Saham. Saya lihat di sini ada 936 syarikat yang telah disenaraikan. Di antaranya 612 di *main board* dengan izin, 238 di *second board* dan MASDEQ 46 syarikat. Bagi tahun ini sahaja Tuan Yang di-Pertua sehingga 6 Julai, terdapat tambahan 36 syarikat baru yang telah pun disenaraikan iaitu lapan di *main board*, 14 di *second board* dan MASDEQ ada 14.

Kalau ikut perangkaan yang ada Tuan Yang di-Pertua, ekuiti bumiputera yang dikehendaki, maklumat yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob, kalau lihat di sini perangkaan yang ada, tiap-tiap tahun memang bertambah syarikat-syarikat bumiputera. Saya bagi contoh, tahun 1995 syarikat bumiputera yang disenaraikan - 19, syarikat bukan bumiputera - 93. Jadi peratusannya 16.9%. Tahun 2000 syarikat bumiputera yang disenaraikan - 13, yang bukan bumiputera - 46. Jadi, peratusannya 22%. Tahun 2003 contoh saya bagi, syarikat bumiputera yang disenaraikan - 5, yang bukan bumiputera - 50. Jadi, peratusannya 10%.

Purata pegangan sekarang ini sehingga Disember 2003 ialah peratusan syarikat bumiputera yang didaftarkan ialah 21.4% yang telah disenaraikan dalam papan tanda Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Setiausaha Parlimen di atas jawapan yang diberi tersebut, walaupun tidak begitu sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dihebohkan oleh pihak pembangkang baru-baru ini, yang mempersoalkan kedudukan jawatan CEO di beberapa anak-anak syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan, tidak diisi dengan bukan bumiputera, dan saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Dato' Seri tentang bagaimana kedudukan jawatan-jawatan penting seperti yang saya bangkitkan tadi, di syarikat-syarikat yang besar-besar di negara kita, yang dimiliki oleh bukan bumiputera.

Adakah ribuan daripada mereka terdiri daripada bukan kalangan bumiputera, tetapi kenapakah mempersoalkan segelintir jawatan yang ada di dalam syarikat-syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan. Apa pandangan Yang Berhormat Dato' Seri? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, pada amalan kebiasaannya, kalau syarikat itu bertaraf bukan bumi, maknanya biasanya semua jawatan tertinggi ataupun sebahagian besar daripada jawatan tertinggi tentulah dipegang oleh bukan bumiputera, jadi saya amat bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Yaakob tentang memang terdapat lebih ramai, *overwhelming*, dengan izin, jumlah CEO dan jawatan-jawatan yang pentinglah, yang dipegang oleh bukan bumiputera, jadi tidak perlulah dipersoalkan sama ada berapa ramai yang bukan bumi yang memegang jawatan-jawatan dalam syarikat-syarikat kerajaan.

3. Puan Wan Ubaidah binti Omar minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang akan diambil oleh pihak kementerian bagi melahirkan generasi pelapis yang berdaya maju bagi memperkasakan bidang pertanian negara serta bagaimanakah kerajaan berusaha memupuk minat generasi muda supaya meminati bidang pertanian dan menjadikannya sebagai satu kerjaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun mengatur rancangan dan kerajaan telah pun meluluskan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) dalam bulan Julai 2002.

Kementerian juga melalui Jabatan Pertanian telah melatih para belia dalam Program *Incubator*, sementara Jabatan Perikanan pula Program Nakhoda. PLKPK akan memberi peluang latihan kepada bakal pengusaha dan juga mereka yang telah menceburi bidang pertanian dan industri berasaskan pertanian. Mereka akan dilatih dengan kemahiran dari peringkat pengeluaran sehinggalah pengurusan atau keusahawanan bergantung kepada pilihan dan keperluan mereka.

Program Incubator Jabatan Pertanian menyediakan peluang latihan kepada pelatih terpilih dan kemudian mereka ini ditempatkan di projek-projek tertentu seperti taman kekal pengeluaran makanan.

Program Nakhoda pula di bawah Jabatan Perikanan menyediakan peluang latihan kepada pelatih untuk menjadi nakhoda, dan pada masa yang sama dilatih dengan kemahiran sebagai nelayan.

Selain daripada itu, penggunaan teknologi moden juga ditekankan untuk meningkatkan produktiviti, keselamatan dan keselesaan yang akan menarik minat generasi muda untuk menceburi bidang ini.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan pula telah menyusun semula semua kurikulum dan pendekatan latihan supaya mencapai tahap pengiktirafan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Sijil yang diperolehi akan membolehkan peserta diiktiraf mencapai tahap kemahiran yang diperlukan.

Agensi di bawah kementerian juga turut mengadakan sesi ceramah, pameran, seminar, lawatan, serta pertunjukan di mana di antara kumpulan sasarannya adalah pelajar-pelajar sekolah dan golongan belia dalam usaha untuk memberikan

pendedahan kepada mereka tentang kerjaya dan peluang pelaburan dalam sektor pertanian.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah, saya ingin tahu sejauh mana kejayaan program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan dan saya juga ingin tahu, adakah masih wujud di institut latihan pertanian dan berapa peratuskah daripada graduan-graduannya yang melibatkan diri secara terus dalam bidang pertanian?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat di atas persoalan tersebut, sebab kebanyakan dari program-program ini adalah secara berterusan di mana tadi soalan Yang Berhormat mengatakan setakat mana kejayaan belia-belia yang dilatih di bawah institut pertanian ya, ada lima buah institut pertanian di Semenanjung Malaysia dan latihan yang diberikan adalah yang secara tidak formal, iaitu satu sehingga lima hari di pusat-pusat latihan tersebut. Dan alhamdulillah, Yang Berhormat, sekarang ini memandangkan kita rancang dengan sedemikian rupa, di mana kita mewujudkan skim-skim baru di bawah program-program pertanian seperti taman kekal pengeluaran makanan.

Jadi, pelatih-pelatih ini diserapkan di dalam semua taman kekal pengeluaran makanan, bahkan tidak mencukupi, Yang Berhormat, kalau kita mengikut dari segi statistik, mereka ini memang semua diserapkan dan kalau mengikut program-program spesifik kepada taman kekal pengeluaran makanan usahawan belia tani ada didapati negeri-negeri yang kita telah pilih khas seperti di Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Pulau Pinang, kebanyakan mereka ini memang diserap dan sebenarnya juga tidak mencukupi, sebab mereka ini keluaran dalam 20 sekali sesi dan sebagainya, diserap kesemuanya. Dan oleh yang demikian, kita menggalakkan juga supaya memastikan bahawa bidang pertanian ini adalah sebuah bidang yang memberi pulangan yang baik, di mana kita mensasarkan kalau segala program itu diikuti, kita mensasarkan bahawa pendapatan bersih seseorang itu menjurus dalam RM3,000 sebulan. Tetapi Yang Berhormat, memang belum mencukupi, dan itu dalam bidang pertanian, perikanan lagi ada juga bidang-bidang yang lain.

Jadi, kita berharaplah, kita semua ini bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada anak-anak atau generasi muda kita bahawa bidang pertanian adalah sebuah bidang yang akan memberi pulangan yang lumayan. Terima kasih.

4. Dato' Omar bin Faudzar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah unit-unit perumahan kos rendah yang masih belum dijual serta apakah sebab ianya berlaku kerana pada masa kini terdapat banyak yang tidak dapat dijual di seluruh Malaysia.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang menyoal soalan.

Yang pertama, mengikut laporan daripada Lembaga Hartanah Kebangsaan (NAPIC) sehingga suku keempat tahun 2003, terdapat sejumlah 9,816 unit rumah kos rendah yang telah siap dibina yang belum dijual di seluruh negara.

Antara punca utama yang dikenal pasti ialah *mismatch*, dengan izin, dari segi pembinaan dengan keperluan penduduk. Justeru itu, langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi rumah kos rendah yang tidak terjual adalah, Jemaah Menteri telah pun mengarahkan supaya negeri-negeri yang menghadapi masalah rumah kos rendah yang tidak terjual, mengadakan ekspo perumahan secara agresif dengan mewajibkan semua pemaju-pemaju yang terlibat dalam masa yang terdekat.

Yang kedua, Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) berkomputer yang menjadi asas kepada pemilihan pembeli rumah kos rendah dikemas kini dan diguna pakai secara seragam oleh semua negeri dalam mengenal pasti pembeli yang berkelayakan.

SPT juga akan menjadi panduan kepada semua pihak dalam menentukan lokasi pembinaan rumah kos rendah pada masa hadapan, berdasarkan permintaan pembeli.

Yang ketiga, kuota 30% rumah kos rendah disesuaikan dengan membina rumah kos sederhana rendah di kawasan-kawasan yang kurang permintaan rumah kos rendah.

Yang keempat, kerajaan sedang mengkaji kaedah yang sesuai di mana di kawasan yang tidak mempunyai permintaan, pemaju tidak perlu membina rumah kos rendah, tetapi perlu membayar wang sumbangan kepada kerajaan dengan kadar yang

sesuai bagi membiayai pembinaan rumah kos rendah di kawasan yang sesuai. Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat bersetuju dengan apa yang telah dicadangkan oleh kementerian tadi, iaitu di sesetengah kawasan kita tidak perlu membina rumah-rumah kos rendah sekiranya tidak ada pembeli. Soalan saya sekarang ialah di sesetengah kawasan, saya ambil contoh di kawasan Banting, rumah murah mungkin kita boleh jual, tetapi disebabkan oleh jenis rumah mungkin kalau kita buat rumah pangsa, kita tidak dapat jual, tetapi kalau kita buat rumah teres, RM25,000 ataupun RM30,000 mungkin ramai pembeli yang ada, yang mampu membeli, sebab ramai pembeli di kawasan-kawasan tertentu lebih suka kepada rumah-rumah seperti rumah-rumah tender *properties*, dengan izin.

Tetapi kalau kita bina rumah pangsa kita tidak dapat jual, jadi adakah kementerian bercadang untuk membuat satu program yang baru supaya di sesetengah kawasan, selain daripada kita memerlukan 30% rumah kos rendah, mungkin kita kurangkan kepada 10% ataupun 15% rumah kos rendah dan kita mensyaratkan supaya mereka ini membina rumah teres, tidak lagi rumah pangsa.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memang sekarang ini kementerian sedang membuat kajian tentang usaha-usaha bagaimana kita boleh menangani masalah rumah yang tidak terjual ini. Tetapi di antara rumah-rumah yang tidak terjual ini termasuklah juga rumah-rumah teres di tempat-tempat tertentu seperti di Johor, Negeri Sembilan, dan di Kedah. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat tadi supaya kita mengkaji untuk dibina rumah-rumah teres selain daripada rumah pangsa supaya dapat dibeli oleh pembeli-pembeli yang inginkan rumah teres itu, kita akan ambil kira dan masukkan dalam kajian yang akan kita lakukan. Terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedar yang pembeli-pembeli rumah kos rendah ini ada yang telah mempunyai rumah dan apakah tindakan yang diambil ke atas mereka yang telah mempunyai rumah, tetapi membeli rumah kos rendah. Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti yang telah saya katakan tadi, kementerian sedang membuat kajian pada masa ini kerana kita juga mendapati, kita mendapat maklumat bahawa terdapat mereka yang membeli ini sudah pun mempunyai rumah, oleh sebab itu kita sedang dalam kajian untuk mengemas kini ataupun memperbaiki lagi Sistem Pendaftaran Terbuka ini supaya ia lebih telus lagi dan kita memerlukan sebenarnya, kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri untuk memastikan Sistem Pendaftaran Terbuka itu dibuat secara telus untuk memastikan mana-mana nama yang didapati sudah pun mempunyai rumah dikeluarkan daripada Sistem Pendaftaran Terbuka, supaya mereka yang sebenarnya memerlukan rumah dan belum lagi mempunyai rumah itu dapat dimasukkan dan boleh mendapat rumah yang kita sediakan ataupun disediakan oleh pihak swasta. Terima kasih.

5. Tuan M. Krishnan minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) statistik jenayah pelajar seluruh negara mengikut negeri dari tahun 2000-2003; dan
- (b) jenis jenayah yang dilakukan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan M. Krishnan di atas soalan yang dikemukakan. Bagi menjawab jawapan:

- (a) Statistik jenayah yang melibatkan pelajar bagi seluruh negara mengikut negeri dari tahun 2000 sehingga 2003 adalah seperti berikut:

Negeri	Tahun 2000	Tahun 2001	Tahun 2002	Tahun 2003
Perlis	30	19	17	50
Kedah	101	115	126	184
Pulau Pinang	137	86	63	66
Perak	176	107	161	181
Kuala Lumpur	65	59	37	44
Selangor	191	234	177	156
Negeri Sembilan	154	109	39	69
Melaka	24	26	24	68
Johor	169	112	63	106
Kelantan	91	134	95	156

Terengganu	132	140	133	138
Pahang	119	75	77	80
Sabah	77	37	44	64
Sarawak	36	74	80	68
JUMLAH	1,502	1,327	1,136	1,429

(b) Jenis-jenis jenayah yang dilakukan oleh pelajar-pelajar berkaitan umumnya adalah seperti berikut:-

- bunuh,
- rompak,
- rogol,
- mendatangkan cedera,
- pecah rumah,
- mencuri,
- merusuh,
- menggunakan kekerasan jenayah,
- mencabul kehormatan,
- pemerasan,
- menerima harta curi dengan curang, menipu dan khianat.

Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan kepada seriusnya jenayah pelajar ini sampai puratanya empat hingga lima kes satu hari, saya hendak tahu, apa sebabnya, faktor-faktor yang menyebabkan jenayah pelajar itu dan juga bagaimana hendak mengatasi faktor-faktor tersebut supaya kes-kes ini boleh dikurangkan. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada yang bertanya, faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kes-kes jenayah di kalangan pelajar-pelajar mungkin timbul daripada kenakalan budak-budak yang masih dalam lingkungan umur persekolahan ini. Kalau dilihat daripada jumlah umur daripada 13 ke-15 dan juga daripada 16 ke-18, bagi tahun 2000 kita lihat bahawa kes yang dilakukan oleh pelajar-pelajar dalam lingkungan ini yang sedang membesar iaitu kalau umur daripada 13 ke-15 – 1,155. Kalau umur daripada 16 ke-18 – 1,389.

Begitu juga bagi tahun 2001 umur dalam lingkungan 13 ke-15, mereka yang terlibat dalam lingkungan umur ini adalah 1,058. Kalau dalam lingkungan 16 ke-18 – 1,126; dan seterusnya kelihatan bahawa pelajar-pelajar dalam lingkungan 13 dan 15 serta 16 dan 18 yang terlibat dalam kes ini.

Jadi, untuk mengatasi masalah ini bagi pihak polis, bagi memastikan supaya masalah ini dapat diatasi, pihak polis telah mengadakan ceramah berkaitan dengan kesedaran tentang jenayah dan dadah dan juga pameran di sekolah-sekolah berkaitan dengan bahaya penglibatan dalam kegiatan jenayah dan juga berkaitan dengan dadah. Di samping itu pihak polis juga menggalakkan supaya sekolah-sekolah mengadakan Kadet Polis di mana dalam penglibatan Kadet Polis ini, pihak polis dapat menyerap dan memberi kesedaran kepada mereka ini tentang bahaya dadah dan juga jenayah-jenayah ini.

Di samping itu juga bagi tempat-tempat hiburan yang dikenal pasti dilawati oleh pelajar-pelajar ini, polis juga mengadakan operasi-operasi tertentu bagi membanteras dan mencegah penjenayah-penjenayah dan juga membanteras mereka ini daripada terjebak dengan dadah. Bagi mereka yang ditangkap oleh pihak polis, pelajar-pelajar yang terlibat ini diberi kaunseling oleh kaunselor yang diiktiraf. Itu di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak polis. Terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita melihat kes-kes jenayah di peringkat remaja ini kian meningkat dan membimbangkan dan tidakkah pihak kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan juga terhadap ibu bapa yang gagal mendidik dan membimbing anak-anak mereka supaya secara tidak langsung kita dapat membendung perkara ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Syed Ali. Berkaitan dengan tindakan ke atas ibu bapa, apa yang telah dilaksanakan oleh pihak polis bahawa pihak polis menghubungi sekolah-sekolah yang terlibat yang dikenal pasti ada pelajar-pelajar yang terlibat dalam kegiatan jenayah ini dan pihak polis mengadakan dialog di antara ibu bapa dengan polis dan juga di antara polis dengan pihak sekolah. Jadi, pada ketika ini belum ada cadangan untuk mewujudkan undang-undang untuk mempertanggungjawabkan kepada ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka ini supaya mengelak daripada jenayah daripada aspek undang-undang.

6. **Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah peminjam TEKUN di seluruh negara mengikut pecahan negeri-negeri; dan
- (b) apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian kepada peminjam TEKUN yang tidak membayar hutang mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, Program Pinjaman TEKUN yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Yayasan TEKUN Nasional (YTN) adalah untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera kecil mendapat modal tambahan bagi meningkatkan perniagaan sedia ada. Program Pinjaman TEKUN menawarkan pinjaman dari RM1,000 hingga RM10,000 bagi pinjaman peringkat pertama.

Bagi peminjam yang telah menyelesaikan pinjaman peringkat pertama dan mempunyai rekod bayaran balik pinjaman yang cemerlang, mereka juga boleh memohon pinjaman seterusnya sehingga RM20,000. Sejak Program Pinjaman TEKUN dilancarkan pada 25 Mei 1999 sehingga 31 Mei 2004, Yayasan TEKUN Nasional (YTN) telah mengeluarkan pinjaman bernilai RM420,399,000 kepada seramai 92,034 peminjam di seluruh negara.

Pecahan pinjaman tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Negeri	Bil. Peminjam	Jumlah Pinjaman
Johor	8,966	RM41,861,500
Kedah	10,333	RM43,777,500
Kelantan	11,150	RM43,089,000
Melaka	1,914	RM9,591,000
Negeri Sembilan	3,303	RM13,638,500
Pahang	7,420	RM32,261,000
Perak	5,566	RM 21,145,500
Perlis	783	RM 2,437,000
Pulau Pinang	4,726	RM 20,264,500
Sabah	7,231	RM 22,227,500
Sarawak	6,390	RM 21,596,500

Selangor	5,539	RM 27,181,500
Terengganu	17,537	RM115,818,500
Wilayah Persekutuan	1,176	RM 5,509,500
Jumlah Peminjam seluruh Negara Sejak 5 tahun yang lalu)	92,034	RM420,399,000

Tuan Yang di-Pertua, Yayasan TEKUN Nasional (YTN) telah mengambil beberapa langkah bagi mendapatkan balik bayaran yang tertunggak iaitu melalui peringatan lisan, surat amaran dan jasa baik pemimpin tempatan. Di samping itu, YTN menyiarkan notis bergambar mereka di pejabat TEKUN kawasan. YTN juga sedang menimbang untuk menyiarkan nama peminjam-peminjam yang gagal membuat bayaran balik pinjaman di akhbar-akhbar utama. Sekiranya langkah-langkah ini gagal, YTN akan boleh mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut kembali jumlah pinjaman tersebut. Terima kasih.

Puan Hajah Shamsiah binti Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah sejauh manakah kejayaan peminjam-peminjam TEKUN ini di dalam perniagaan mereka dan siapakah yang memantau mereka ini.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Sebagaimana yang telah dinyatakan sebentar tadi, ianya bertujuan untuk membantu peniaga-peniaga bumiputera dan setakat ini kita melihat sedikit usaha yang telah berjaya dilakukan oleh usahawan-usahawan tersebut. Bagaimanapun, kita tidak juga menafikan adanya usahawan yang gagal yang disebabkan oleh beberapa faktor dan peluang ruang niaga yang tidak berpotensi. Dari segi kejayaan keseluruhannya setakat ini, daripada kegagalan hendak membayar balik pinjaman tersebut kita menjangkakan bahawa keseluruhannya adalah berjaya iaitu dari segi nisbah peminjam yang gagal membayar semula adalah di sekitar bilangan 1.7% dan nisbah jumlah 0.8% dan keseluruhannya bagi tempoh tersebut iaitu nisbah bilangan seramai 45,000 orang dengan nisbah bilangan jumlah sebanyak 23.1%.

Bagi tujuan pemantauan selain daripada Unit TEKUN setiap daerah, maka di pejabat-pejabat kawasan ada diletakkan pegawai dan kakitangan yang memantau pembayaran balik dan juga aktiviti-aktiviti mereka ini dan laporan kita terima setiap

bulan dari peminjam-peminjam dan juga daripada pegawai-pegawai di setiap kawasan. Terima kasih.

7. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan hak pengguna dan tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk mengurangkan kekotoran dalam bekalan air ke rumah-rumah supaya kesihatan rakyat dan imej negara tidak terjejas.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Wan Nordin bin Che Murat bertarikh 29 Julai 2004 bersama-sama dengan pertanyaan ini kerana ia menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ahli-ahli Yang Berhormat, secara umumnya hak pengguna terhadap bekalan air ialah untuk mendapat bekalan air yang berterusan, kadar yang berpatutan, mutu air yang berkualiti dan selamat untuk diminum. Di negara ini bekalan air adalah dirawat mengikut garis panduan Air Minum Kebangsaan, Kementerian Kesihatan 1983 (Pindaan) 2000. Bagi memastikan bahawa kualiti air sentiasa mematuhi garis panduan yang ditetapkan, satu program Pemantauan Kualiti Air telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa air negeri dan Kementerian Kesihatan.

Pihak berkuasa air negeri memantau kualiti air yang dibekalkan dengan menjalankan ujian dan analisis di loji pembersihan dan sistem agihan air secara berterusan. Manakala Kementerian Kesihatan pula, melaksanakan program pemantauan seperti yang digariskan dalam Manual Pemantauan Kualiti Air Minum 1983 (Pindaan) 2000. Di bawah program ini pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan akan mengambil contoh air dan membuat ujian di pelbagai peringkat pembekalan air bermula dari loji pembersihan air hinggalah ke sistem agihan air secara berjadual. Sebarang pelanggaran ke atas parameter-parameter yang diuji akan dimaklumkan kepada pihak berkuasa air negeri berkenaan untuk diambil tindakan pemulihan secepat mungkin.

Punca utama kekotoran dalam bekalan air adalah disebabkan oleh paip simen asbestos yang usang dan mengalami tahap kebocoran yang tinggi serta sering pecah. Oleh yang demikian, tindakan sedang diambil oleh pihak berkuasa air negeri untuk

menggantikan paip simen asbestos yang usang dan uzur ini. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak 132 projek baru bekalan air telah diluluskan di seluruh negara dengan peruntukan RM3,968 juta. Dari jumlah tersebut hampir RM900 juta telah diperuntukkan bagi menggantikan paip-paip yang usang dan mengalami tahap kebocoran yang tinggi terutamanya paip-paip jenis asbestos.

Melalui pelaksanaan projek tersebut pengguna-pengguna akan mendapat bekalan air yang lebih terjamin dari segi pembekalan yang berterusan dan berkualiti bagi menjamin kesihatan rakyat. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kita dapati Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi telah mengumumkan bahawa Malaysia akan menggunakan piawaian dari Wales dan England sebagai satu garis panduan kita. Jadi, tentang kekotoran itu dalam bekalan air, bagaimana mereka menguruskan perkara ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana Yang Berhormat ketahui bahawa hari ini bidang kuasa air masih di bawah kerajaan negeri. Tetapi melalui Majlis Tindakan Air pada bulan Julai 2003 telah memutuskan bahawa kuasa air akan dipindahkan kepada Kerajaan Pusat. Pada hari ini di bawah kementerian ini, kementerian telah mencadangkan menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan apabila tertubuhnya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini, maka dari segi kualiti air, tarif air dan juga dari segi urusan dengan pengguna akan ditentukan oleh suruhanjaya ini dan masa yang sama pada tahap hari ini, kementerian telah melantik satu konsultan yang sesuai untuk memastikan bagaimanakah kualiti air di negara ini dapat ditentukan supaya dapat memenuhi kehendak ataupun piawaian yang ditetapkan oleh WHO. Sekian, terima kasih.

8. **Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan jawatan warden tetap (bukan dari kalangan guru) untuk bertugas di mana-mana asrama sekolah secara penuh masa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, warden merupakan jawatan yang diwujudkan di sekolah-sekolah yang mempunyai asrama. Jawatan ini bukan merupakan jawatan hakiki dan penyandanginya dilantik daripada kalangan guru sekolah berkenaan oleh pihak

pengurusan sekolah dengan diberi elaun bulanan. Warden ini dilantik dengan syarat mereka hendaklah menginap di tempat tinggal yang disediakan di asrama atau di kawasan sekolah. Pemilihan warden dari kalangan guru adalah dibuat berdasarkan kepada faktor seperti berikut:

- (i) guru bertugas sebagai pendidik dan pembimbing;
- (ii) sentiasa berada dekat pelajar dan dilihat berperanan besar dalam membentuk keperibadian serta menjaga kebajikan pelajar;
- (iii) guru lebih memahami sikap dan kelakuan pelajar yang tinggal di asrama kerana guru sentiasa berhadapan dengan murid sepanjang masa, ketika berada di sekolah; dan
- (iv) guru lebih dihormati oleh pelajar dan ibu bapa dan lebih memahami masalah pelajar, bukan sahaja berkaitan dengan akademik tetapi juga terhadap keperluan perkembangan diri pelajar.

Oleh itu, pelantikan warden dari kalangan guru didapati lebih sesuai dibandingkan dengan pelantikan warden bukan dari kalangan guru. Di samping jawatan warden terdapat jawatan Penyelia Asrama yang diwujudkan secara hakiki dan mereka ini dilantik daripada kalangan bukan guru. Tugas serta tanggungjawab mereka ini lebih menjurus kepada urusan pentadbiran, kewangan dan infrastruktur. Mereka tidak berhubung secara langsung dengan para pelajar, justeru mereka kurang memahami masalah, keperluan serta kebajikan pelajar. Di sinilah terletaknya keperluan warden yang terdiri daripada kalangan guru iaitu untuk memahami masalah keperluan serta menjaga kebajikan para pelajar di asrama. Terima kasih.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Apakah usaha-usaha ataupun kemahiran-kemahiran yang diberikan kepada guru-guru yang menjadi warden ini kerana mereka berhadapan dengan pelajar-pelajar yang tinggal di asrama dan mempunyai pelbagai karenah. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan warden ini dipilih daripada kalangan guru, mereka ini pernah menerima latihan dari segi macam mana mengurus dengan pelajar-pelajar. Dari masa ke semasa Kementerian Pelajaran

mengadakan pelbagai kursus untuk melengkapkan warden ini dengan keperluan dan kemahiran yang perlu untuk menjalankan tugas masing-masing.

9. **Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk menaikkan elaun latihan tahunan serta imbuhan kepada anggota pasukan sukarelawan simpanan seperti RELA dan sukarelawan polis di semua peringkat bagi memastikan kemantapan tenaga sukarelawan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sememangnya telah mengambil tindakan memohon kenaikan elaun kepada anggota Pasukan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA). Permohonan masih lagi dalam pertimbangan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam: Terima kasih Yang Berhormat. Adakah pihak kementerian bersetuju bahawa...*[Bercakap tanpa pembesar suara]*... pihak berkuasa untuk membanteras jenayah. Jika ya, adakah kementerian bercadang untuk menawarkan imbuhan-imbuhan yang lebih menarik bagi menghargai masa dan pengorbanan mereka seperti menyediakan skim pencen selepas tamat perkhidmatan bagi menarik minat lebih ramai belia-belia kita untuk menyertai sebarang pasukan sukarelawan beruniform. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RELA memang ada setiap masa bersedia untuk memberi bantuan kepada agensi-agensi keselamatan khususnya pihak Polis Diraja Malaysia dalam membanteras jenayah di seluruh negara kerana pada masa sekarang RELA berada di mana-mana pelosok tanah air, yang mengetahui situasi keselamatan dan orang-orang yang tinggal di tempat masing-masing. Jadi, mereka boleh memberi bantuan dalam bentuk rondaan atau operasi bersama dengan pihak Polis.

Pertanyaan yang kedua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita sudah memohon supaya inisiatif atau kenaikan elaun boleh ditambah untuk anggota RELA. Ini termasuk elaun bagi kursus atau latihan operasi dan elaun-elaun yang lain. Jadi, saya mohon Yang Berhormat bersabar, kita tunggu jawapan dari Kerajaan Pusat.

10. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha Kementerian untuk memastikan negara dapat melahirkan pakar-pakar sains dan teknologi di negara ini; dan
- (b) apakah Kementerian menyediakan pakej rangsangan yang menarik bagi pakar-pakar sains dan teknologi luar negara untuk berkhidmat di negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk melahirkan pakar-pakar dalam bidang sains dan teknologi sudah semestinya merupakan satu proses pendidikan dan latihan yang panjang, kompleks dan juga berperingkat. Kita semua tahu antara peringkat-peringkatnya Tuan Yang di-Pertua dari peringkat awal persekolahan kanak-kanak kita di peringkat rendah dan menengah dan di pertengahan pula di peringkat universiti dan juga di peringkat yang tertinggi iaitu menyediakan kemudahan biasiswa dan peluang latihan lanjutan dalam bidang sains dan teknologi bertujuan untuk memantapkan lagi kepakaran, minat dan kemahiran pakar-pakar sains di peringkat pengajian ijazah tinggi dan pasca kedoktoran.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucap utamanya di Persidangan Inovasi Kebangsaan 2004 pada 29 April dan juga baru-baru ini dalam kenyataan beliau semasa beliau membuat lawatan ke Eropah, London baru-baru ini bahawa beliau masih mahu negara kita merancang satu usaha *brain game* ataupun usaha kita untuk menarik mereka-mereka ini pulang untuk meningkatkan lagi jumlah pakar-pakar saintis di negara kita.

Kerajaan sentiasa menggalakkan pakar-pakar sains dan teknologi yang terdiri daripada saintis warganegara Malaysia di luar negara dan juga Tuan Yang di-Pertua saintis-saintis asing supaya mereka ini dapat kita tarik mereka untuk berkhidmat di negara kita.

Bagi menarik minat para saintis berkenaan supaya berkhidmat di negara kita, kerajaan telah memperkenalkan pada tahun 1995 satu skim penarikan balik saintis warganegara Malaysia di luar negeri dan pengambilan saintis asing. Namun demikian prestasi daripada skim ini tidak memberangsangkan. Oleh kerana itu Kabinet telah

mengarahkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi supaya mengkaji kembali skim tersebut.

Skim tersebut sedang dalam kajian oleh kementerian, di antara opsyen-opsyen yang sedang dikaji kembali seperti yang diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam media massa dan skim tangga gaji sama ada tangga gaji itu sepenuh masa atau separuh masa. Insentif yang patut beri kepada mereka dan juga kemudahan-kemudahan R&D kemudahan-kemudahan kajian mereka di makmal-makmal di universiti kita supaya ia setaraf dengan dunia dan antara yang sedang dikaji oleh kementerianlah ialah kita melihat bagaimana skim-skim negara luar sama ada di negara China, di negara Taiwan, Jepun dan juga bukan sahaja di negara-negara yang membangun sahaja, tetapi negara barat sendiri seperti Perancis, Germany, Amerika. Mereka juga ada skim-skim mereka untuk menarik warga dunia untuk berkhidmat ke negara mereka. Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk soalan tambahan. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana datang sendiri untuk menjawab [*Tepuk*] soalan secara tidak langsung ini memberi penghormatan yang amat besar kepada Dewan Negara yang saya rasa, kementerian lain pun boleh mencontohi [*Tepuk*] pengorbanan beliau. Soalan tambahan saya apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh kementerian untuk membawa balik pakar-pakar sains ke negara ini dengan menawarkan pakej dan insentif yang sesuai yang dapat dinyatakan agar *profit sharing* ini ataupun atas kajian penyelidikan ini dapat dijadikan harta intelek. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat kata-kata yang memberangsangkan kepada kami. Usaha untuk menarik para-para saintis kita satu, jumlah peringat awal kita antaranya 20,000, 30,000 warga Malaysia yang berada di dunia sama ada mereka ini di negara barat seperti di makmal-makmal sains atau R&D di Amerika atau Eropah ataupun Timur itu sendiri dan kalau kita lihat juga daripada mereka yang ada di negara kita lebih kurang dalam 3,000 yang ada kelulusan Ph.D dan tadi Yang Berhormat ada menyatakan ini merupakan harta intelek, memang benar sekali sebab apa kalau kita lihat sebagai satu contoh bagaimana kos untuk kita membiayai harta intelek itu. Sebagai contohnya satu warga anak Malaysia yang kos untuk dibiayai oleh negara sama ada oleh kerajaan

ataupun keluarga mereka, sebagai contoh mereka keluar dua tahun untuk mereka buat kursus A Level, tiga tahun ijazah *on average*, lepas itu dua tahun atau setahun untuk *master* dan tiga tahun PHD, bermakna untuk mendapatkan ijazah PhD sembilan atau sepuluh tahun. Kalau anggarannya sekarang ini ialah satu juta untuk kita belanja untuk membimbing atau melatih seorang anak muda lepas tingkatan lima sehingga mereka mendapat PhD yang dijangka sembilan, sepuluh tahun, perbelanjaan yang dianggarkan dilabur untuk anak muda ini kira-kira satu juta. Bermakna di Malaysia kalau kita anggarankan ada tiga ribu warga anak kita yang ada PhD, bermakna kita ada tiga bilion harga yang kita labur sebagai harta intelek. Dan kalau kita lihat pula kepada 30 ribu katakanlah anggarannya, warga Malaysia yang dilatih atas pembiayaan kita, negara kita sendiri sama ada kerajaan ataupun keluarga mereka, kalau 30 ribu warga Malaysia, bermakna kita ada 30 bilion harta intelek yang duduk di merata-merata dunia yang boleh kita bawa kembali untuk menjadikan ini sebagai satu aset kita untuk memupuk satu industri yang akan datang.

Industri-industri akan datang seperti industri ICT Tuan Yang di-Pertua ataupun industri *bio teknologi* atau industri-industri lain yang modalnya bukan lagi modal berasaskan kepada murahnyanya harga upah ataupun murahnyanya bekalan harga sumber, tetapi sumber yang penting sumber intelek.

Oleh kerana itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri merasakan ini amat penting sekali, bahawa kita gembelngkan rakyat kita Malaysia yang berada di Malaysia lebih kurang tiga ribu mereka, memberikan mereka insentif untuk mereka ini menceburi dalam bidang R&D kajian dalam bidang-bidang industri yang akan datang seperti ICT atau *bio teknologi* atau menarik 30 ribu antara mereka yang di dunia ini supaya kembali ke Malaysia sama ada sepenuh masa atau tidak, sebab apa untuk pentingnya bukan kita menarik mereka ini tubuh badannya semestinya berada di Malaysia, apa yang kita mahu pada mereka, mereka datang ke Malaysia kembali ke Malaysia mungkin dua, tiga bulan setahun tetapi membawa kepakaran mereka itu ke negara kita dan memulakan kajian-kajian di makmal-makmal di negara kita, di universiti kita untuk kita membentuk satu produk akan datang Insya-Allah. Dalam bidang-bidang seperti ICT dan *bio teknologi* dan industri-industri yang berasaskan harta intelek. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk satu lagi soalan tambahan dan penghargaan saya juga kepada

kehadiran Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak kerajaan untuk melindungi hak cipta intelek ataupun *intellectual property right* dengan izin, di Malaysia oleh sebab saya percaya salah satu sebab pakar-pakar sains enggan pulang ke Malaysia ialah mereka ada sedikit bimbang bahawa apa-apa yang dicipta oleh mereka di sini ataupun *invention*, mudah dirampas oleh firma-firma multinasional di negara-negara lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Terima kasih Yang Berhormat, memanglah isu hak cipta ini merupakan isu penting bila kita berhadapan dengan isu untuk membentuk aset intelek untuk industri akan datang. Oleh kerana itu kementerian saya bersama Kementerian *Domestic Trade* ataupun dalam negara iaitu kita sedang mencari kaedah supaya bagaimana kita boleh terus melindungi hak cipta bagi para-para saintis yang membuat kajian-kajian mereka di negara ini. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua perkara yang kedua kadang-kadang saintis-saintis kita mereka melabur banyak masa untuk membuat kajian-kajian dan sama ada sumber itu daripada universiti ataupun sumber daripada kementerian-kementerian saya.

Namun demikian kadang-kadang peruntukan yang diberi untuk membuat kajian itu tidak meliputi peruntukan untuk mendaftar hak cipta. Kadang-kadang banyak ciptaan yang kita buat di makmal-makmal di negara kita sama ada di universiti atau swasta, mereka tidak didaftarkan sebagai hak cipta kerana proses untuk mendapatkan hak cipta itu agak kompleks juga, bukan sahaja perlu mendapat hak cipta negara kita, tetapi perlu mendapat hak cipta juga di negara-negara luar.

Oleh kerana itu kementerian saya sedang mengkaji kembali di mana sumber-sumber yang kita beri Tuan Yang di-Pertua untuk membiayai R&D, insya-Allah nanti akan kita pastikan ia meliputi sumber ataupun pembiayaan untuk mendapatkan hak cipta, di bawah hak cipta negara atau juga hak cipta dunia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang cukup jelas.

11. Datuk William Lau Kung Hui minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan perkembangan terkini Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan Pengurusan Polis Diraja Malaysia dan sama ada akan diberikan pertambahan peruntukan tabung perkhidmatan polis. Adakah pertambahan peruntukan tersebut akan memberikan kesan ke atas keberkesanan tugas PDRM, terutamanya bertindak cepat terhadap panggilan-panggilan kecemasan, lebih-lebih lagi orang awam rasa selamat sama ada di jalan raya atau di rumah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Datuk William Lau, bahawa sehingga ini Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia telah mengadakan *inquiry* awam ke seluruh negara.

Suruhanjaya memahami akan masalah dan aduan yang dihadapi oleh orang awam terhadap pasukan polis. Daripada aduan dan maklum balas yang diterima ia dibahagikan kepada tujuh kategori seperti berikut:

- (i) tiada tindakan susulan;
- (ii) rasuah;
- (iii) kematian dalam tahanan;
- (iv) tidak cekap dan tidak telus;
- (v) layanan buruk;
- (vi) salah guna kuasa; dan
- (vii) cadangan.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh orang awam ini, telah dikemukakan oleh Suruhanjaya kepada pengurusan tertinggi PDRM untuk diambil tindakan segera, terutama yang tidak melibatkan perubahan peruntukan undang-undang dan tambahan peruntukan kewangan serta penstrukturan PDRM. Pihak polis telah mengambil beberapa tindakan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan untuk memastikan rakyat diberikan perkhidmatan yang cepat dan berkesan serta keselamatan rakyat diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mendapat input daripada orang awam dan pertubuhan bukan kerajaan, Suruhanjaya juga telah mendapat taklimat khusus daripada PDRM secara menyeluruh. Dalam taklimat tersebut dan perbincangan khusus, PDRM telah mengutarakan beberapa masalah yang dihadapi oleh mereka sekarang. Masalah-masalah yang dihadapi itu menjejaskan prestasi kerja dan imej Polis Diraja Malaysia. Di antara masalah kritikal yang dihadapi ialah kekurangan sumber manusia dan kewangan.

Mengenai keperluan terhadap peruntukan kewangan, Suruhanjaya mengenal pasti ini adalah perkara yang penting, yang perlu diberi perhatian untuk melengkapkan

PDRM daripada aspek logistik. Suasana kerja yang selesa, peralatan pejabat yang mencukupi dan menyediakan perumahan untuk pegawai dan anggota polis.

Perkara-perkara ini amat perlu bagi tujuan meningkatkan lagi prestasi kerja PDRM dan untuk membolehkan polis bertindak dengan cepat terhadap perkara-perkara atau laporan-laporan yang dikemukakan oleh orang awam kepada polis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kita diberitahu dengan lebih terperinci perakuan-perakuan Suruhanjaya yang telah dilaksanakan setakat ini, dan apakah kesan-kesan yang telah dilihat selepas dilaksanakannya. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan perkara-perkara yang dibawa ke pihak PDRM untuk tindakan segera, di antaranya:

- (i) keengganan menerima laporan daripada orang awam;
- (ii) tiada tindakan atau *inaction* di dalam penyiasatan;
- (iii) kegiatan untuk memaklumkan ahli keluarga terdekat mengenai penambahan, penangkapan suspek;
- (iv) kegagalan membenarkan ahli terdekat melawat suspek yang ditahan;
- (v) kegagalan membenarkan suspek mendapat khidmat peguam ataupun *access to council*;
- (vi) kegagalan memaklumkan kepada suspek yang ditahan sebab-sebab atau alasan mereka ditahan;
- (vii) keadaan lokap yang sesak;
- (viii) kegagalan CCTV berfungsi dengan baik;
- (ix) salah guna Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah;
- (x) salah guna kuasa;
- (xi) layanan buruk ataupun *inhuman treatment*;
- (xii) kurang kemahiran atau di dalam perhubungan awam;
- (xiii) kematian dalam tahanan ataupun *death in lock-up* ataupun *custody*;
- (xiv) rasuah; dan

- (xv) kurang kepakaran menyelesaikan kes-kes jenayah perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh pihak Suruhanjaya berkenaan, boleh dikatakan kebanyakan telah dilaksanakan, di mana pihak polis telah mengeluarkan beberapa Arahan Pentadbiran ke pusat-pusat polis di negeri-negeri dan juga di daerah-daerah. Di antaranya adalah berkaitan dengan enggan menerima *report* daripada orang awam dan juga arahan berkaitan kegagalan polis memaklumkan dan memberi kebenaran kepada keluarga terdekat melawat setelah penahanan suspek dan dilayan buruk di dalam lokap.

Seterusnya arahan yang diberikan kepada anggota-anggota di bawah adalah arahan berkaitan dengan tahanan dan tangkapan suspek, dan juga arahan mengenai pengelasan laporan polis dan memaklumkan pengadu ataupun mangsa mengenai kedudukan laporan siasatan polis.

Begitu juga berkaitan dengan arahan pelaksanaan pelupusan barang-barang kes dan juga arahan berkaitan kegiatan sebagai *tout* kes kemalangan jalan raya dan begitu juga kemalangan tiada meletakkan pesalah *juvana* bersama dengan pesalah dewasa. Dengan adanya arahan-arahan ini, kita lihat bahawa sambutan daripada anggota-anggota begitu positif dan ini menampakkan positif ataupun kesan yang baik kepada imej polis dan saya percaya apabila laporan ini lengkap dan akan dikemukakan kepada peringkat *preliminary* ataupun awal, pada 4 Ogos 2004 dan *final report* pada 4 Februari 2005, bahawa pihak polis mungkin akan melaksanakan semua cadangan yang baik yang dikemukakan oleh Suruhanjaya ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pertanyaan lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN
(PINDAAN) 2004****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" **[26 Julai 2004]**

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya minta Yang Berhormat Dato' Dr Chin Fook Weng menyambung ucapan.

11.20 pagi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya telah membahaskan tentang isu yang disebutkan sebagai isu utama yang telah diterima pakai dalam situasi ini untuk melaksanakan satu sistem baru untuk mendapatkan modal dalam pasaran modal itu dan ini ialah dengan menggunakan stok perumahan yang telah dibeli daripada pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada kakitangannya.

Dengan tinjauan yang telah dibuat lebih mendalam oleh saya semalam, saya dapati agensi yang digunakan untuk tujuan ini adalah Cagamas dan Cagamas ini ditubuhkan pada tahun 1986 dan setakat ini telah membeli pinjaman *mortgage* daripada institusi kewangan dan pada 25 Mei 2004, jumlah sekuriti hutang yang dipegang oleh Cagamas ini sudah meningkat sehingga RM27 bilion, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu amaun yang besar.

Dengan bertambahnya amaun daripada stok perumahan yang dianggarkan sebanyak RM20 bilion, maka jumlah hutang akan meningkat kepada RM52 bilion pada keseluruhannya. Sungguhpun kerajaan akan diberi wang tunai untuk menggantikan aset ini, maka saya berharap sangat bahawa wang tunai yang akan diperolehi itu akan diguna dengan baik dan bijaksananya. Ini adalah penting kerana kita sekarang telah membuka *Asset-Backed Security* kita iaitu satu stok perumahan yang nilainya telah meningkat begitu tinggi dan tukar ini kepada wang tunai.

Kalau kita tidak menggunakan ini dengan baik, maka pada pendapat saya akan mewujudkan banyak masalah pada masa hadapan kerana ini adalah satu aset kita

yang sekarang telah diguna pakai untuk mendapatkan wang dan kemudian akan digunakan untuk projek-projek tertentu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya melihat bahawa ini adalah satu cabaran baru kepada negara dan oleh kerana pelaksanaannya itu begitu baru, saya harap kalau ada peluang, maka semua Ahli Dewan Negara itu dijemput untuk menghadiri satu taklimat berkenaan dengan bagaimana isu semacam ini akan membantu dalam pembangunan seterusnya negara dan bagaimana kita akan memperoleh model untuk projek-projek pembangunan dan sebagainya yang mencukupi dan bagaimana kita tidak perlu bimbang tentang hutang-hutang yang wujud daripada *exercise* ini. Bagi saya, ini adalah satu pengajaran yang penting supaya kita di sini lebih memahami proses ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

11.25 pagi.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberikan kebenaran kepada saya untuk turut serta bagi membahaskan rang undang-undang untuk meminda satu Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira pembentangan rang undang-undang ini adalah merupakan satu perkara yang penting bagi kerajaan terutama sekali untuk meningkatkan simpanan wang yang ada bagi membolehkan kerajaan menjana perkembangan ekonomi dalam negara kita.

Seperti mana yang telah diterangkan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan bahawa kerajaan bercadang untuk menjual bon-bon kepada pihak-pihak yang tertentu dan juga orang awam, khususnya yang berminat untuk membeli bon-bon yang sedemikian rupa bagi mengumpul dana wang negara sebanyak RM25 bilion. Dengan penjualan bon yang sedemikian, ianya akan dapat menambah simpanan rizab kerajaan dan dalam masa yang sama, kerajaan tidak bersandarkan kepada pinjaman-pinjaman yang lain yang biasa dilakukan pada masa-masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira juga dengan pinjaman yang sedemikian, ianya akan dapat menolong kerajaan mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat terutama

sekali untuk memiliki rumah, 'satu keluarga satu rumah' dalam negara kita. Dengan lain perkataan, *we have roof to stay* atau satu bumbung untuk satu keluarga tinggal dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya rang undang-undang ini harus disokong dan diberikan sokongan yang penuh bagi memastikan ia dapat dilaksanakan, bukan sahaja kelulusan daripada kedua-dua Dewan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara, tetapi juga dari segi pelaksanaan dan kempen yang akan dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan penjualan-penjualan bon yang dicadangkan dapat dibeli dan diterima dan juga dapat mengumpul wang yang telah dicadangkan bagi memastikan ianya berjaya seperti mana yang dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya sebelum ini telah banyak bercakap dan memperkatakan tentang isu-isu yang ada *related* dengan akta yang telah diperkenalkan. Saya ingin membahagikan selain daripada apa yang telah saya jelaskan, tujuan asal pindaan rang undang-undang ini diperkenalkan, saya ingin menambah beberapa perkara dan isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan awam yang ingin memiliki rumah kerana kerenah yang berlaku dan juga bukan sahaja kakitangan awam, malahan juga, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh orang-orang awam terutama sekali kaum pekerja yang bekerja dalam syarikat swasta yang masih lagi memerlukan rumah.

Pagi tadi kita telah mendengar dalam soal jawab, penjelasan yang telah diberikan oleh kerajaan bahawa kerajaan mendapati banyak rumah yang tidak dibeli, yang tidak boleh dijual. Penjelasan yang telah diberikan oleh kerajaan, katanya terdapat rumah tersebut jauh dan tidak selesa dan berbagai-bagai perkara yang dinyatakan oleh kerajaan, tetapi Tuan Yang di-Pertua, dalam tinjauan saya sebagai pemimpin kesatuan dan juga pandangan-pandangan yang telah saya terima dan kompelin yang saya selalu terima daripada pekerja-pekerja terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah ialah soal kemampuan bagi mereka iaitu pekerja kerajaan dan swasta dan juga pekerja dari kalangan awam.

Saya sewaktu Yang Berhormat Datuk Yaakob semalam bercakap atas isu yang sama dan beliau telah menerangkan dengan panjang lebar terhadap masalah dan kerenah yang dihadapi oleh kakitangan awam bagi memiliki rumah dan perlunya kerajaan menitikberatkan isu-isu perumahan dari kalangan kakitangan perkhidmatan awam, saya telah mencelah dalam ucapan Yang Berhormat Datuk Yaakob bahawa

yang penting dari soal gaji atau pendapatan ialah peringkat permulaan pekerja itu sendiri.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Zainal bin Rampak: Saya telah menyatakan bahawa dari segi kemampuan kedua-dua sektor iaitu kakitangan awam dan juga kakitangan swasta, saya hendak bantahkan permulaan untuk kakitangan awam terlebih dahulu. Itu perancangan peringkat awal, kita tahu kalau statistik, kita buat penyelidikan kakitangan awam cuma boleh memohon untuk pinjaman perumahan sewaktu mereka berumur 35 tahun atau 30 tahun ke atas. Setelah pendapatan mereka stabil, pendapatan mereka cukup dari perkiraan mereka, bagi membolehkan mereka dari membuat pinjaman perumahan dan mampu untuk membayar kembali dengan mengambil kira, jika sekiranya dia berkahwin atau bersuami selepas bekerja dan berumur 23 tahun ke atas barulah mereka mampu untuk membeli rumah kerana soal menanggung keluarga, anak-anak sekolah, kos dan sebagainya, ini merupakan satu faktor yang paling penting.

Jadi dalam pemikiran saya, kenapa tidak dari peringkat permulaan untuk menentukan dasar kerajaan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan kakitangan awam mempunyai rumah sendiri pada peringkat awal, kerana ia merupakan satu perkara yang penting, mereka tidak menyewa dan dengan adanya rumah sendiri di peringkat awal, setelah ada tempat mereka tinggal, barulah perancangan kedua menanggung keluarga dan sebagainya dapat dilakukan.

Jadi soalnya ialah bagaimana cara kerajaan untuk mengambil tindakan atas perkara ini, memastikan mereka mampu untuk membeli rumah ke peringkat awal dari segi pendaftar mereka sama ada kerajaan menyediakan dana yang cukup dan juga pendapatan yang cukup bagi pekerja untuk membayar kembali *installment* dengan izin, pembayaran ansuran hutang perumahan yang dibuat oleh kakitangan awam.

Jadi kalau boleh saya nyatakan kita galakkan mereka dari segi dasar, *first priority* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, waktu mereka bekerja dengan perkhidmatan awam, kita nyatakan *that is number one*, yang pertama, beli rumah dengan sistem yang mudah dibayar kembali dan dengan ini waktu mereka berumur dalam lingkungan 30 atau 40 tahun ke atas, rumah telah ada dan telah siap dibayar dan sebagainya, soal

kedua pula untuk menanggung anak dari segi kos pelajaran yang sentiasa meningkat dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, jadi ini satu cara di mana kita boleh menolong kakitangan awam memiliki rumah dan ini akan dapat menyelaraskan lagi soal-soal dan isu perumahan yang sentiasa bermain di kalangan kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah proses pinjaman. Saya ceritakan dahulu soal isu kakitangan awam. Saya telah beritahu pagi tadi, sewaktu saya hendak datang ke mari, rakan saya menelefon, seorang pemimpin Persatuan dalam CUEPACS menyatakan proses untuk mendapatkan kelulusan pinjaman perumahan adalah satu perkara yang amat sulit sekali iaitu birokrat yang berlaku. Kadangkala setiap permohonan yang dikemukakan dan keputusan yang akan diperolehi akan memakan masa yang begitu panjang selama enam bulan dan sebagainya. Kadangkala setelah kedua-dua pihak menandatangani, fail yang berkenaan terletak di pejabat peguam dan peguam tidak mengambil tindakan untuk mempercepatkan proses untuk menandatangani perjanjian-perjanjian yang sedemikian. Ini karenah-karenah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bermakna penggerak *delivery system* juga merasai kesan perlahannya *delivery system*?

Tuan Zainal bin Rampak: Itulah Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. Saya tidak tahulah, sistem yang lama masih lagi berterusan walaupun kerajaan mencadangkan ia diproses dengan secepat mungkin tetapi hendak menggerakkan fail-fail yang sedemikian, dari satu jabatan ke satu jabatan lain kepada peguam memakan masa yang begitu lama. Saya tidak tahu bagaimana perkara ini dapat diatasi walaupun kerajaan telah berkali-kali, Perdana Menteri yang lepas, Perdana Menteri yang sekarang, pemimpin-pemimpin negara menyatakan bahawa kita harus mengurangkan birokrasi dalam kerajaan, menggerakkan fail-fail yang sedemikian secepat mungkin.

Dengan adanya pergerakan secepat mungkin dapat diatasi dan segala-galanya dapat dibereskan dalam masa yang tersingkat, saya yakin ianya akan menggerakkan jentera kerajaan. Kita harus mempunyai satu jangka Tuan Yang di-Pertua, saya ingat barangkali kalau boleh kita mencadangkan kepada kerajaan, *it should be a frame time*, setiap satu permohonan itu sama ada diproses dalam masa dua bulan atau tiga bulan paling lama bagi memastikan permohonan diluluskan dengan secepat mungkin dan

pegawai kakitangan awam mengetahui permohonan yang telah diluluskan dan mereka dapat memiliki rumah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi bakal-bakal peminjam itu juga adalah di antara penggerak *delivery system*?

Tuan Zainal bin Rampak: Kadangkala betul jika di sesetengah jabatan tetapi dalam isu perumahan ini, besar kemungkinan yang memohon tersebut tidak ada kena mengena dengan fail perumahan mereka. Pada keseluruhannya, saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua, pergerakan *movement* jentera kerajaan harus bergerak bersama-sama dalam memastikan segala apa juga dasar kerajaan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau cakap orang kampung, kawan tidak boleh tolong kawankah?

Tuan Zainal bin Rampak: Itu kadangkala saya bertanya dengan pemimpin kesatuan kenapa tidak kamu cuba menghubungi pegawai yang berkenaan? Katanya: "Kalau kami tahu besar kemungkinan permohonan ini dapat cepat digerakkan." Tetapi kalau mereka ini tidak tahu dan kalau mereka pula tinggal besar kemungkinan di Temerloh ataupun di pejabat daerah yang jauh ataupun rakan-rakan saya di pedalaman Sabah dan Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, *you can imagine* berapa lama permohonan ini akan berjalan. Ini satu perkara yang harus difikirkan, dikaji oleh kerajaan dan cara mana pelaksanaan ini dapat dipercepatkan.

Kemudian isu yang kedua pula, soal bila mana permohonan telah lulus dan potongan gaji mula dibuat, rumah terbengkalai tetapi gaji dipotong pada setiap bulan. Dalam masa yang sama mereka terpaksa pula menyewa rumah, tinggal di rumah yang disewa. Jadi gaji dipotong, bayar untuk *installment* perumahan yang dibeli, kemudian dalam masa yang sama, kerana rumah ini belum siap, mereka terpaksa juga membayar sewa rumah. Jadi dengan lain perkataan Tuan Yang di-Pertua, mereka terpaksa membayar dua pembayaran dalam satu masa. Satu membayar untuk *installment* perumahan yang telah diluluskan dan satu lagi untuk oleh kerana rumah yang tersebut belum siap, belum boleh diduduki, mereka terpaksa menyewa pula, lagi satu perkara.

Tuan Yang Di-Pertua, kita bayangkanlah kalau seseorang kakitangan awam yang berpendapatan rendah, *the most* barangkali, kalau cakap paling tinggi RM800 atau RM1,000, *installment* perumahan ditolak sekian banyak, sewa sekian banyak dan

apa yang tinggal pada mereka untuk menyara anak, keluarga, makanan dan juga kenderaan dan sebagainya, berapa yang tinggal?

Maka itulah sebabnya kadang-kala kita melihat Tuan Yang Di-Pertua, saya selalu bercakap atas perkara yang sama dan saya berharap cakap saya ini didengar oleh pihak-pihak yang tertentu, kalau bolehlah jangan masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Kalau masuk telinga kanan itu simpanlah dan ambil serius atas perkara ini kerana ini satu perkara yang penting. Kita lihat banyak pekerja kakitangan awam, walaupun kerajaan naikkan gaji 10% tapi *cost of living*, harga kehidupan meningkat dari masa ke semasa mereka kena buat dua kerja Tuan Yang di-Pertua. Ada yang bawa teksi, ada yang membawa bas, ada yang bekerja *security guard part time* malam, *supermarket* selepas masa kerja, tidak lain dan tidak bukan untuk menambah pendapatan mereka bagi menanggung, menyara keluarga mereka.

Ini proses perkara sedemikian Tuan Yang di-Pertua harus kita lihat dari satu aspek yang serius. Dan rumah yang tidak siap ini kadang-kala memakan masa yang begitu lama. Bukan setahun, dua tahun dan tiga tahun, terpaksa mereka sudah membayar sewa rumah, bayar *installment* perumahan dan mereka terpaksa menanggung azab sengsara kerana angkara pihak-pihak *developers* dan sebagainya tidak menyiapkan rumah dengan secepat mungkin.

Kadang-kala kita hendak bertanya apakah tindakan yang harus diambil oleh kerajaan? Sama ada *developers* pemaju perumahan ini bila tidak dapat menyiapkan perumahan dalam masa-masa tertentu dan apakah tindakan wajar yang harus dilakukan oleh pihak berkuasa bagi memastikan kakitangan awam, rakyat biasa tidak teraniaya akibat dari tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab. Jadi ini satu perkara yang saya kira....

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih kepada Yang Berhormat dan terima kasih kepada Tuan Yang Di-Pertua. Saya amat tertarik mengenai dengan isu peminjam perumahan yang terpaksa menanggung dua bentuk *cost*. Dan memang ini berlaku dalam negara kita dan adakah Yang Berhormat tahu apakah kerajaan mempunyai satu kriteria dan satu badan yang boleh menyaring ataupun meluluskan kontraktor-kontraktor tertentu untuk menjalankan perumahan-perumahan terutamanya bagi pihak kakitangan awam ini? Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira saya mempunyai dua pandangan. Satu saya telah mencadangkan tadi supaya tindakan

mengkaji perkara ini. Bukan hanya setakat memberi amaran, bukan hanya setakat melihat dari sudut yang lain tetapi kerajaan telah belajar dari apa yang telah berlaku dan tangisan-tangisan rakyat jelata dan kakitangan awam yang tidak dapat memiliki rumah terpaksa membayar perumahan yang begitu besar. Kerajaan harus mengambil satu tindakan yang segera, sejauh mana dan bagaimana perkara ini hendak ditangani dengan satu tindakan dasar yang jitu supaya menolong rakyat yang terkena keadaan sedemikian rupa. Supaya perkara ini tidak berulang lagi di masa akan datang. Kedua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat maksudkan langkah-langkah di bawah undang-undang atau langkah-langkah pentadbiran biasa?

Tuan Zainal bin Rampak: Dua perkara Tuan Yang Di-Pertua, kita boleh lakukan sama ada dari segi tindakan undang-undang ataupun dari dasar yang harus kita lakukan tetapi kalau biasanya Tuan Yang di-Pertua negara kita ini. Kalau kita hanya memperkenalkan dasar tetapi tidak undang-undang, biasanya orang tidak akan dapat mengikuti, katanya ini cuma dasar dan boleh diketepikan dan tidak harus diambil serius. Saya ingat barangkali Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang harus diwujudkan bagi memastikan mereka yang bertanggungjawab, satu dia kena hukuman, kedua ialah kerajaan boleh senarai hitamkan *developers* yang sedemikian, mereka tidak harus lagi dibenarkan untuk mengendalikan dan mendirikan perumahan di mana-mana jua sekalipun. Tindakan yang lagi satu ialah undang-undang sama ada mereka harus dikenakan hukuman yang berat dan sebagainya. Kalau ini tidak dapat dilakukan keadaan sedemikian akan berterusan sampai bila-bila Tuan Yang di-Pertua.

Ini dua perkara saya kira barangkali kerajaan boleh menimbangkan dan berkenaan dengan dasar seperti kata saya tadi, kalau dasar saya ingat saya ingin melihat banyak dalam negara kita ini. Kalau hanya dasar kadang-kala tidak dapat dilaksanakan dan tidak diikuti oleh pihak yang terlibat dan yang telah melakukan kesalahan dan telah ingkar perjanjian yang telah mereka persetujui.

Tuan Yang di-Pertua, kakitangan awam haruslah diberikan perhatian dari nasib mereka. Terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah dan keadaan suasana mereka ini semakin hari saya melihat semakin sempit oleh sebab beberapa faktor yang kita lihat terutama sekali dari segi soal pendapatan mereka dan juga dari segi kemampuan mereka untuk memiliki rumah yang sedemikian. Walaupun kerajaan telah

bersetuju menaikkan gaji mereka pada tiap-tiap satu ketika dan setiap tahun dan sebagainya tetapi *cost of living* semakin hari semakin meningkat semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi saya ingin membawa soalan yang telah dikemukakan berhubung rumah yang tidak boleh dijual dan tidak ada pembeli. Kata Yang Berhormat Timbalan Menteri ada beberapa sebab perkara sedemikian berlaku, jauh, tidak selesa dan ada yang mengatakan bahawa rumah teres didirikan dan sebagainya. Tetapi saya kira kalau dari segi pandangan saya kebanyakan rakyat tidak mengira sedemikian, asalnya mereka mempunyai rumah, mempunyai bilik yang cukup dan keselesaan dan pembayaran balik yang tidak begitu mahal, saya kira tidak menjadi masalah, tetapi soalnya ialah dari segi kemampuan. Saya terdengar pada satu ketika dahulu ada seorang menteri besar mengatakan bahawa kalau rakyat tidak mampu membeli rumah yang sedemikian, rumah ini hendaklah dijual kepada orang kaya dan orang kaya menyewakannya pula kepada orang miskin yang memerlukan. Saya ingat barangkali Tuan Yang di-Pertua, ini satu cadangan yang pada pandangan saya pergerakan kesatuan sekerja dan rakyat umum tidak dapat menerimanya sama sekali.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa soal penyediaan rumah yang tidak selesa tidak menjadi masalah kepada pemilik-pemilikinya. Tetapi bagi saya, saya melihat keselesaan sesebuah rumah yang dimiliki oleh seseorang itu adalah sangat penting kerana sebuah rumah yang dimiliki adalah menjadikan tempat tinggal yang kekal bagi keluarga berkenaan. Jadi apakah pada pandangan Yang Berhormat berhubung dengan pemaju-pemaju perumahan dan kita tidaklah mengharapkan pihak SPNB ini nanti akan menyediakan rumah-rumah yang tidak *substandard*. Kita mahu walaupun rumah itu bertaraf kos rendah ataupun kos sederhana ianya memberikan satu keselesaan kepada penghuninya, sekian.

Tuan Zainal bin Rampak: Itulah kehendaknya Yang Berhormat. Saya memang bersetuju keselesaan adalah satu perkara yang utama bagi sesuatu keluarga. Kita bukan lagi hidup zaman tahun 1950'an atau 1960'an. Kita hidup dalam zaman millennium, zaman seperti yang kita katakan serba maju dan kita ingin melihat rakyat negara kita ini setanding dengan negara-negara maju yang lain. Keselesaan adalah perkara utama bukan sahaja dari segi penduduk itu sendiri tetapi juga sekitar, umpamanya tempat besar kemungkinan Dewan. Kalau kita mendirikan

rumah pangsa mesti ada tempat mereka menyimpan mayat, tempat keramaian dan sebagainya. Ini satu perkara yang harus disediakan.

Ini beberapa perkara yang penting, yang harus dibuat. Saya pergi banyak tempat di dunia dan saya melihat keadaan sedemikian bertambah baik dari masa ke semasa. Kenapa tidak ianya dapat dilakukan. Macam di Singapura sahaja, tidak payah lagi hendak memasukkan telefon kena memakai wayar telefon untuk memasang, *just put the plug telephone* dan *the gas, you just put the plug, the gas is there*. Ini satu daripada beberapa perkara yang boleh diwujudkan, yang memberikan keselesaan kepada rakyat dalam negara kita.

Berbalik semula kepada apa yang telah saya terangkan tadi, iaitu kebanyakan rumah-rumah ini tidak dapat dijual dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata, "Dijual kepada orang kaya dan orang kaya menyewa kepada orang miskin". Saya memang tidak bersetuju sama sekali dan saya telah membuat catatan yang sama dan akhirnya syukur alhamdulillah Kabinet telah membuat keputusan bahawa ianya tidak harus dilakukan sedemikian rupa dan *stick* kepada dasar yang telah diwujudkan.

Saya ingin mencadangkan jika sekiranya rumah-rumah tersebut tidak boleh dibeli oleh sebab harga pembayaran balik begitu mahal dan sebagainya dari wang depositnya tidak ada kemampuan kepada pekerja yang berkenaan, kenapa tidak Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang diwujudkan oleh kerajaan dan Syarikat Perumahan Negara khususnya membeli rumah yang berkenaan dan disewakan kepada mereka yang berhajat membeli rumah tersebut, dan ditetapkan di dalam satu masa bila mana penyewaannya dibayar setiap bulan dan dikira berapa jumlah wang penyewaan telah diterima dan selepas itu ditolak dengan kos dan sebagainya dan dalam satu masa rumah ini diberikan kepada pekerja yang berkenaan.

Ini satu sistem yang telah diamalkan di masa lepas dan sesetengah pihak perbadanan ada melaksanakan satu masa dahulu dan Dewan Bandaraya juga ada melakukan sedemikian, kenapa sistem sedemikian tidak kita fikir dan lakukan. Kita jangan memikirkan bahawa kita hendak jual rumah ini, berikan kepada orang kaya dan rakyat yang miskin masih lagi tinggal dalam kawasan setinggan, sedangkan kita bertindak tidak harus ada setinggan dalam negara kita, kita harus bersih daripada setinggan, rumah haram dan sebagainya. Tetapi kalau tindakan-tindakan susulan tidak dapat kita adakan, tidak dapat kita lakukan, bagaimana kita memastikan rakyat

mempunyai perumahan, dan rakyat mempunyai tempat tinggal yang selesa dan untuk keluarga mereka dalam tempat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kakitangan swasta pula saya kira ianya lebih susah daripada kakitangan awam. Kakitangan swasta mereka terpaksa memohon pinjaman daripada bank. Pembayaran deposit untuk membeli rumah terpaksa mereka mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Dalam struktur yang ada sekarang ini KWSP iaitu tiga akaun, Akaun 1 - 60% untuk simpanan masa tua, Akaun II - 30% untuk perumahan dan pengeluaran 1/3 waktu sampai umur 50 tahun dan 10% untuk perubatan. Untuk perumahan pula dikeluarkan daripada jumlah 30% simpanan yang ada.

Sumbangan pekerja pada setiap bulan kepada KWSP sebanyak 11% dan kadangkala kerana kemelesetan ekonomi kerajaan mengurangkan kepada 9% untuk setahun, selepas itu kembali pula kepada 11% dan majikan 12%, jadi total jumlah 23%, sedangkan gaji kaum pekerja masih lagi rendah di tahap yang dikehendaki. Kita tahu sesetengah pekerja menerima purata dalam sebulan kurang daripada RM400 itu pun paling tinggi. Kita tahu sesetengah *security guard* yang bekerja hanya mendapat pendapatan RM180/- sebulan.

Jadi, kalau kita kira jumlah simpanan mereka dalam KWSP 23% sebulan, 60% untuk Akaun 1, 30% untuk Akaun II, 10% untuk Akaun III untuk perubatan. 30% ini untuk dibahagi dua satu, 1/3 waktu umur sampai 50 tahun, yang kedua pinjaman perumahan, berapalah jumlah yang mereka boleh keluarkan jika sekiranya mereka mempunyai gaji kurang daripada RM400 sebulan.

Jadi, pada mereka untuk menyediakan deposit 10%, untuk membayar pembelian rumah, terdapat ramai daripada mereka tidak mempunyai kemampuan. Itu sebab saya selalu mencadangkan supaya sumbangan KWSP ini dipertingkatkan, di naikkan iaitu pekerja 13% dan majikan 17.5%. Jadi, sumbangan sebulan 30.5%, dengan ini jumlah yang terkumpul dalam Akaun I, II dan III melebihi daripada apa yang kita fikirkan dan membolehkan pekerja tersebut mengeluarkan simpanan mereka untuk membayar deposit perumahan dan sebagainya.

Jadi, cadangan saya ini mendapat *sometimes being shoot down by the employers*, majikan menyatakan mereka tidak bersetuju, tetapi dari segi jangka panjang kita lihat ianya akan membawa satu kebaikan kepada kita semua, kerana dengan adanya jumlah yang sedemikian pekerja akan dapat memohon untuk

mendapatkan pinjaman perumahan yang lebih tinggi dan membeli rumah. Dengan ini ia akan dapat merangsang perkembangan ekonomi negara, bila perumahan-perumahan yang telah siap dibeli oleh pekerja dan ekonomi akan bertambah dari masa ke semasa.

Orang selalu memikirkan pandangan singkat Tuan Yang di-Pertua, katanya kos tinggi, kalau 17.5% majikan punya sumbangan, 13% pekerja dan 30%... jadi ini satu pembayaran yang begitu besar, yang akan ditanggung oleh pihak syarikat. Tetapi sumbangan kaum pekerja Tuan Yang di-Pertua adalah merupakan satu perkara yang penting. Kemudian dari segi soal pinjaman perumahan kerajaan, *interest* yang dikenakan sekarang ini 4%. Semalam pun Yang Berhormat Datuk Yaakob bercerita 4% masih lagi berkekalan sejak beberapa masa yang lalu. Jadi, untuk merangsangkan kakitangan mempunyai rumah sendiri mengapa tidak, *this is out of dated - 4% interest*. Kenapa tidak dikurangkan menjadi 2% dan kerajaan mengadakan subsidi.

Jadi, dengan adanya faedah-faedah yang sedemikian insentif-insentif yang dikemukakan oleh kerajaan, saya yakin dan percaya kakitangan awam memang sentiasa akan memberikan perkhidmatan yang baik dan mereka begitu tulus dan begitu yakin dengan skim-skim dan faedah-faedah yang sedemikian, ianya memberikan pertolongan kepada kakitangan awam umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lagi satu saya hendak cerita tentang isu balik semula soal kakitangan swasta. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu produktiviti adalah merupakan satu perkara yang penting, satu elemen dalam perkembangan ekonomi negara dan dalam pengeluaran ekonomi negara kita. Kalau sekiranya rumah tersebut jauh daripada tempat tinggal mereka bekerja dan kos yang akan ditanggung oleh mereka dari kenderaan dan sebagainya masa dalam perjalanan pergi dan balik kerja makan masa begitu panjang.

Saya telah mencadangkan banyak kali dalam perbincangan-perbincangan Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan iaitu majlis tripartai - kerajaan, majikan dan pekerja yang dipengerusikan oleh Menteri Sumber Manusia supaya kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat swasta dalam negara kita ini mengadakan perumahan kepada pekerja dan menjualnya kepada pekerja bagi memastikan pekerja tinggal berdekatan dengan tempat di mana mereka bekerja. Dengan ini ia akan mengurangkan kos perbelanjaan kenderaan, mengurangkan masa perjalanan,

mengurangkan kemalangan yang akan berlaku dan juga dengan secara tidak langsung ianya akan mengurangkan *demoralization* dengan izin iaitu penurunan moral kaum pekerja dan mereka kadangkala terutama sekali kaum ibu kkuatir waktu bekerja ingat anak di rumah dan sebagainya. Kalau tempat bekerja dekat waktu masa makan mereka boleh balik dan melihat. Saya melihat ini di luar negeri betapa baiknya keadaan sedemikian berlaku dan produktiviti meningkat dan sebagainya.

Bila mana saya bercerita produktiviti meningkat Tuan Yang di-Pertua, jangan pula orang beranggapan bahawa produktiviti pekerja Malaysia tidak meningkat. Saya terbaca dalam laporan National Productivity Center yang di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa bahawa produktiviti pekerja Malaysia telah meningkat pada tahun 2002, 2.7% dibanding dengan produktiviti negara Jepun yang lebih maju dari segi berbagai-bagai bidang dari kepakaran pekerja, mesin dan sebagainya di Jepun hanya 0.7%.

Jadi produktiviti negara kita adalah lebih baik daripada negara-negara lain dan sedangkan yang menjadi masalah kalau dibandingkan gaji pekerja Jepun, gaji pekerja Korea yang produktiviti lebih kurang daripada kita gaji pekerja negara kita jauh kebelakangan daripada pekerja-pekerja yang berkenaan. Jika sekiranya pendapatannya berkurangan bagaimana pula mereka harus memiliki rumah yang selesa.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Saya tertarik dengan *statement* Yang Berhormat tadi mengatakan yang produktiviti pekerja-pekerja secara purata di negara kita telah meningkat sebanyak 2.7% dan juga saranan Yang Berhormat agar pihak-pihak swasta mengadakan kemudahan perumahan dekat dengan kilang ataupun dekat dengan tempat operasi agar dapat meningkatkan moral dan motivasi pekerja-pekerja.

Saya hendak tanya juga pendapat Yang Berhormat dari segi ini dengan secara automatiknya harga sesuatu barangan atau sesuatu perkhidmatan akan naik dan kita sekarang mengalami cabaran yang hebat di dunia global ini di mana dari segi kos, daya saing kita telah kurang terutamanya berbanding dengan barangan-barangan perkhidmatan-perkhidmatan daripada negara China umpamanya dan kalau kita tengok dari segi *prediction* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *second half of this year* di

khabarkan bahawa permintaan dari luar negara barangan-barangan elektronik kita juga akan menurun.

Jadi kalau diambil secara imbangan Yang Berhormat dari segi peningkatan produktiviti dan dari segi peningkatan kos apakah pendapat Yang Berhormat, adakah ini akan dapat mengimbangkan atau menurunkan daya saing kita di pasaran global. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat juga seorang ahli perniagaan. Yang Berhormat juga biasa dengan persidangan antarabangsa WTO dan sebagainya. Apa yang berlaku di China yang menjadi musuh ketat kita dalam senario ekonomik, perkembangan ekonomik adalah merupakan satu perkara yang kita anggap *temporary*, sementara waktu.

Oleh kerana kebanyakan industri berlumba-lumba untuk melaburkan boleh dikatakan kos di China lebih murah daripada kita. Saya mengatakan ini dulu kita juga pengalaman yang sama. Tahun 60'an waktu industri elektronik datang melabur di negara kita oleh kerana kita membekalkan kos yang murah daripada kos yang ada di Amerika, di Britain, di Jepun dan sebagainya orang juga banyak *jealous*, cemburu dengan kita. Tetapi apa yang berlaku pada suatu ketika dulu antara kita dengan negara-negara yang lebih maju tidaklah sehebat yang berlaku di negeri China. Saya melawat negeri China Yang Berhormat, banyak kali saya melawat dan saya mempunyai perhubungan yang rapat dengan rakan saya di sana. Jadi pada tinjauan saya bahawa di negeri China juga permintaan gaji telah bertambah dan juga *corruptionnya* begitu tinggi jika dibandingkan dengan negara lain.

Saya tahu Pepsi Cola Company tutup industri di negeri China, sebab katanya faktor yang pertama *corruption*, gaji mula naik dan produktivitinya tidaklah sehebat seperti mana yang dikatakan. Di negara kita, kita boleh bersaing Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjelaskan bahawa dengan izin *we can challenge any country in the world as far as productivity are concerned*, kita mempunyai dengan izin empat perkara yang menjadi kebanggaan kepada kita.

Satu, kestabilan politik di negara kita. Di negeri China kita belum tahu lagi. Fahaman komunis mula menurun. *People thinking more capitalistic than communization* dan orang Cina - ini kalau Yang Berhormat Datuk Nor sendiri di Beijing dia tidak mahu motokar kecil, *they want all big cars*. Negeri kita ini masih lagi sanggup

untuk memakai kereta yang kecil dan sebagainya tetapi negeri China tidak . *That was changing.*

Kemudian dari segi soal '*conglomerate*' di China dan soal ketidakstabilan politik negeri China menjadi satu masalah besar. Negara kita keharmonian 'perhubungan perusahaan', jika dibandingkan negara-negara lain sama ada di Jepun, Korea dan sebagainya, saya ingat semenjak bekerja tiga dekad lebih yang lepas Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mendengar ada satu *nationwide strike* atau dengan izin tindakan perusahaan seluruh negara berlaku dalam negara kita.

Waktu krisis mata wang tahun 1997 kita sanggup gaji dipotong, perjanjian bersama ditangguh, bonus ditangguhkan walaupun *contractual* mesti bayar dan pekerja sanggup untuk berkorban. Tapi tidak di negeri China. Jadi perbandingan kalau kita hendak ambil kira di antara kita dengan negeri China jauh berbeza. Tetapi masalah dia kita hendak meyakinkan pelabur-pelabur asing, foreign direct investment (FDI) supaya kekal dalam negara kita, melabur dan dengan keyakinan ini kita akan dapat bersaing lebih baik dengan negeri China walaupun satu kelebihan pada negeri China iaitu pasaran begitu luas dengan adanya 1.3 bilion penduduk negeri China.

Walaupun 1.3 bilion tidak keseluruhannya mampu untuk memiliki kemudahan-kemudahan pengeluaran yang baik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalnya kepada kita ialah secara mana kita harus bekerjasama. Saya selalu mengatakan bahawa mesti ada kerjasama di antara kerajaan, majikan, pekerja atas konsep 'tripartiteism' untuk kita berganding bahu, menolong di antara satu sama lain melihat kerenah kaum pekerja dalam masa yang sama melihat perkembangan ekonomi dan menstabilkan kedudukan keharmonian perhubungan perusahaan, saya yakin Tuan Yang di-Pertua kita mampu walaupun negara kita kecil, kita mampu bertanding dengan negara yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini keadaan negara kita, terutamanya pemimpin kesatuan, saya bukan hendak masuk bakul angkat sendiri tetapi keyakinan kepada kita, keyakinan kepada pemimpin kesatuan adalah lebih mendalam dari segi soal kepentingan, *sense of belonging*, dengan izin, cintakan kepada negara, kepentingan negara adalah perkara utama. Itu sebab saya selalu menyatakan bahawa pekerja-pekerja tidak harus diabaikan. Faedah-faedah, kemudahan asas harus diberikan kepada mereka, terutama sekali kita sedang membincangkan isu perumahan untuk mereka. Perumahan untuk mereka, keluarga mereka.

Di mana bila adanya perumahan yang selesa yang mempunyai tiga bilik dan sebagainya, dekat dengan tempat kerja, ada kemudahan-kemudahan asas yang lain yang dibina dan majikan mengadakan pinjaman perumahan, potongan daripada gaji mereka pada tiap-tiap bulan kepada pekerja dengan jumlah yang kecil dan syarikat mengadakan juga subsidi bagi menolong pekerja memiliki rumah, saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, peningkatan produktiviti, peningkatan *sense of belonging*, rasa cintakan kepada syarikat dari para pekerja dapat dilahirkan lebih positif pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini adalah merupakan satu perkara yang amat penting kepada kita, selain daripada bil yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita telah menyentuh isu persekitaran di atas bil tersebut, *interrelated matters*, dengan izin, atas perkara perumahan, kerenah yang di hadapi oleh kaum pekerja dari kakitangan awam dan juga swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan beberapa perkara, selain daripada kritik yang telah saya kemukakan. Saya ingin mencadangkan kalau boleh kementerian mengambil perhatian dan memandangkan perkara ini sebagai satu perkara yang datangnya daripada wakil rakyat dan kita ini tidak ada kawasan, Ahli Dewan Negara, kawasan kita dari Utara sampai Selatan, Timur sampai ke Barat, *we are the general people, we can speak*, dengan izin, banyak perkara dan mewakili semua tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan, yang pertama, memandangkan alasan yang selalu diberikan oleh pemaju ialah tidak cukup modal dan kepakaran, kementerian digesa mewujudkan satu Konsortium Syarikat Pemaju Perumahan Nasional (KSPPN), walaupun Syarikat Perumahan Negara ada tetapi kita boleh memikirkan ini sebagai satu jalan alternatif kepada cara kita untuk mengatasi masalah ini dan menggabungkan semua syarikat-syarikat pemaju perumahan negeri ini, dan mereka tidak harus memikirkan soal keuntungan, kepentingan diri sendiri dan sebagainya tetapi demi untuk kepentingan rakyat dan negara dan dengan secara tidak langsung jumlah modal serta kepakaran mereka dapat disatukan dan dipertingkatkan. Dengan ini tidak ada timbul masalah untuk mengatakan mereka tidak cukup modal dan sebagainya.

Yang kedua, menubuhkan satu unit pemantauan pemaju perumahan bagi mengenal pasti pemaju-pemaju yang bermasalah dalam projek mereka supaya

tindakan sewajarnya dapat diambil dan juga untuk mengelakkan pemaju melarikan diri tanpa dapat dikesan dan meninggalkan rumah yang didirikan tidak disiapkan dalam masa yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tinggal di Subang, saya tengok di Subang itu, kondominium didirikan dengan *shop lot*, kedai bawah, saya ingat barangkali semasa kegawatan, krisis kewangan, rumah itu tersadai, sampai bangunan kondominium itu tersadai sampai sekarang. Sehingga hari ini belum lagi disiapkan. Tiap-tiap dua bulan, tiga bulan sekali ada demonstrasi.

Orang yang beli rumah kena bayar *interest*, kena bayar beberapa jenis bayaran, datang, berhimpun sana, *protest* dan datang pegawai kerajaan berjumpa, Ahli-ahli Yang Berhormat berjumpa, *promise*, janji dibuat berkali-kali, tetapi sehingga hari ini bangunan tersebut masih lagi tinggal sedemikian rupa. Mengapa keadaan sedemikian berlaku?

Ini membawa satu mesej yang kurang sihat kepada kita semua kerana bukan sahaja dari kelalaian ataupun dari segi sikap pemaju itu sendiri tetapi kita cakap, *bounced back*, dengan izin, kepada kerajaan sendiri yang gagal untuk mengatasi masalah tersebut dan mengenakan tindakan sewajarnya kepada pemaju yang tidak dapat menyiapkan rumah tersebut dalam masa yang singkat. Bukan sahaja masa yang berlalu yang telah berlaku tetapi juga masa yang begitu panjang dan mereka terpaksa membayar *interest bank*, *installment* dan sebagainya tetapi mereka tidak dapat menduduki rumah.

Saya tidak tahu sama ada pembeli tersebut akan dapat duduk di rumah tersebut ataupun ia akan meninggal dunia dan sebagainya. Ini satu perkara yang saya kira barangkali harus kita fikirkan, itu sebab saya mencadangkan unit-unit ini bertanggungjawab mengawasi, mengawal selia projek-projek perumahan bagi menyekat sebarang bentuk penyelewengan dalam penjualan unit-unit perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak harus hanya mengeluarkan perasaan simpati dan mengeluarkan kata janji kepada rakyat, kepada mereka yang beli rumah, yang mereka mengharapkan tindakan sewajarnya diambil tetapi tidak dilaksanakan. Kadangkala saya melihat janji hanya diberi waktu kita berjumpa dengan mereka, waktu mereka mengadakan demonstrasi dan sebagainya. Lepas demonstrasi, *that is the end of the story*, dengan izin, kita sudah lupa.

Pemantauan harus dibuat, *follow-up action* dan *review* atau dikaji sebulan sekali, dua bulan sekali, *latest development*, perkembangan yang terakhir, kemajuan terkini, bagaimana perumahan tersebut dan apakah tindakan yang telah dijalankan dan sebagainya. Ini harus dilakukan oleh pihak yang berkuasa.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, kementerian yang berkenaan juga harus menubuhkan satu pusat aduan di setiap negeri, seperti mana yang dicadangkan oleh rakan saya semalam dan pagi tadi, kerenah-kerenah yang disebutkan supaya rakyat boleh mengemukakan masalah berkaitan pembelian rumah dan juga mendapatkan khidmat nasihat yang perlu sebelum membuat sebarang komitmen ataupun setelah aduan yang dibuat, apakah tindakan selanjutnya, bukan hanya kita mengadakan '*Hari Terbuka*'.

Sekarang ini *very popular* '*Hari Terbuka*', '*Hari Terbuka*' datang buat aduan tetapi dan saya tidak tahu bagaimana keadaannya. Saya pernah pergi '*Hari Terbuka*', melihat pelbagai komplain dikemukakan tetapi bagaimana *follow-upnya*. Sama ada kerajaan menubuhkan satu unit dalam Jabatan Peguam Negara, iaitu kita tahu ada *Public Complaint Bureau*, Tuan Yang di-Pertua, sama ada ini boleh disatukan, dan kita fikirkan gabungan, *what type of litigation*, dengan izin, apakah tindakan undang-undang yang harus dilakukan tanpa pembeli perumahan tersebut mengeluarkan sesen pun untuk mendapatkan peguam dan kerajaan sendiri dari segi Peguam Negara sendiri untuk satu unit, untuk mengambil tindakan kepada pihak pemaju perumahan, sambil jabatan lain mencari jalan bagaimana mengatasi dan menyiapkan rumah tersebut dalam masa yang telah dijanjikan.

Yang keempat, kementerian yang berkenaan juga harus mewujudkan satu garis panduan kadar sewa rumah yang seragam.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini satu perkara yang kita tahu ialah wujudnya kadar sewa rumah yang tidak seragam di antara satu kawasan, satu lokasi yang berlainan dan kadangkala penyewa selalu dianiayai.

Saya mempunyai seorang rakan yang juga seorang *professional golfer*. Saya hendak tukar *sport activity* saya, Tuan Yang di-Pertua, iaitu untuk YBlah, YB bukan Ahli Yang Berhormat tetapi 'yang akan bersara'. Golf merupakan aktiviti yang tidak memerlukan tenaga yang besar. Saya panggil dia, dan dia komplain kepada saya, katanya dia menyewa rumah dan tuan punya rumah, oleh sebab paip itu pecah, batang paip besar itu pecah menyebabkan airnya melimpah, dia minta tuan punya rumah

tersebut membaiki rumah yang berkenaan dan tuan punya rumah hantar SMS kepadanya, sekarang ini tidak payah hantar surat katanya, dia hantar *SMS message*, katanya, “*You* baiki rumah itu, kalau tidak *you get out from the house*”, dengan izin. Awak baiki batang paip itu, kalau tidak kamu keluar dari rumah tersebut.

Dia *consult* dengan saya bertanya apa yang boleh saya buat. Saya cakap, “*You* buat pengaduan kepada Mahkamah Tribunal Perumahan ataupun Mahkamah Pengguna supaya tindakan boleh diambil”.. Jadi, penganiayaan selalu berlaku kepada penyewa rumah dan kita tahu mereka ini terdiri daripada orang-orang kaya yang kaya mempunyai banyak rumah yang disewakan kepada orang miskin.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan satu garis panduan kadar sewa rumah yang seragam, menjelaskan syarat-syarat yang ada dikeluarkan di mana tanggungjawab tuan punya rumah dan juga tanggungjawab penyewa rumah tersebut. Dengan adanya *standardize* syarat, saya yakin mereka yang mempunyai rumah, yang kaya raya, yang menyewakan rumah itu kepada orang miskin, tidak akan teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima ialah, saya ingin mencadangkan supaya kementerian juga harus merangka satu pelan jangka panjang Dasar Perumahan Negara yang sedia ada, dan dalam Dasar Perumahan Negara ini, saya tidak tahu sama ada wakil-wakil bukan sahaja terdiri daripada mereka yang terlibat, pemaju perumahan, kementerian dan mereka yang berkenaan, tetapi juga harus datang dari pengguna dan juga besar kemungkinan dari kalangan rakyat jelata umumnya, khususnya saya mencadangkan supaya wakil-wakil daripada kesatuan juga turut dilantik untuk menduduki dalam jawatankuasa atau lembaga ini bagi menggubal dasar dan mendengar pandangan-pandangan mereka untuk dijadikan sebagai satu Dasar Perumahan Negara supaya pembeli rumah akan terpelihara nasib mereka daripada dieksploitasi oleh golongan yang tidak bertanggungjawab kepada pembeli-pembeli perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah cadangan yang kami fikirkan yang harus dipertimbangkan oleh kerajaan, walaupun ianya terkeluar daripada undang-undang yang dicadangkan oleh kementerian, tetapi ada hubung kaitnya jika sekiranya kerajaan bercadang untuk menjual bon-bon yang sedemikian untuk dikumpulkan di dalam dana yang disarankan oleh kerajaan dan kerajaan juga harus mengambil kira perkara-perkara sampingan dan perkara-perkara *related* yang menjadi suatu perkara penting di

dalam menggubal dasar negara dan hubung kaitnya dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan cadangan-cadangan ini, dengan hujah-hujah yang telah saya kemukakan dan karenah-karenah yang telah saya paparkan tadi, nasib yang dihadapi oleh kakitangan awam dan juga kakitangan swasta dan rakyat jelata umumnya, khususnya pembeli-pembeli rumah yang sentiasa dahagakan perlindungan diberi kepada mereka dapat diberikan perlindungan yang sewajarnya. Dengan ini saya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin.

12.33 tgh.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menyokong apa yang rakan-rakan saya telah bahaskan dalam Dewan yang mulia ini, saya cuma ingin mengkhususkan perbahasan saya cuma kepada isu bon-bon yang akan diterbitkan dan implikasi kewangan ke atasnya. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan bahawa apa yang diperkatakan dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika membentangkan akta ini, tujuannya ialah untuk menjual bon kepada pihak tertentu dan pihak awam untuk menambah simpanan rizab kerajaan. Inilah matlamat ataupun objektif pihak kerajaan.

Saya ingin juga memberi sedikit pandangan saya. Baru-baru ini saya juga telah terlibat secara tidak langsung dalam menjual atau dengan izin, *placement bond* di Malaysia kepada pihak-pihak luar negara dan di mana bon-bon itu adalah bercorak instrumen Islam dan kita juga tidak nafikan bahawa Malaysia adalah satu daripada negara yang paling banyak mengeluarkan instrumen-instrumen bon bercorak Islam ini. Saya ingin bertanya adakah dari segi bon yang akan diterbitkan daripada wang pinjaman perumahan ini, adakah ia akan bercorak instrumen bon Islam dan adakah ia akan diterbitkan cuma untuk pasaran di Malaysia ataupun di Malaysia dan luar negara? Sekiranya ia di luar negara, saya juga ingin bertanya adakah corak-corak atau ciri-ciri yang akan dibentuk dalam bon tersebut berbentuk *market driven*?

Umpamanya kita mengetahui, saya percaya pihak Kementerian Kewangan di sini, pegawai kerajaan mengetahui bahawa kita telah mengalami masalah di mana

bon-bon kita kebanyakannya tidak dapat diterima di pasaran Islam terutama di Kuwait, di Bahrain kerana apa yang kita syaratkan sebagai Islam umpamanya Skim Abba, umpamanya, di mana ia adalah, dengan izin, *as a backup security*, tetapi apa yang menjadi persoalan kepada skim Islam ialah, kenapakah dari segi dividennya ia adalah ditetapkan setiap tahun umpamanya 6%, 6½ peratus selama *duration* bon tersebut. Apabila kita tetapkan sesuatu pulangan ini, ia tidak diibaratkan sebagai instrumen Islam kerana dari segi keuntungan tidak ada keuntungan di dunia ini yang dapat ditetapkan selama misalannya bon itu akan disenaraikan ataupun adalah hidup selama 10 tahun. Saya percaya semuanya faham apa yang saya cakapkan ini. Saya kurang sihat sedikit hari ini. Yang keduanya ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh perlahankan.

Datuk Nor Azah binti Awin: *It's something very passionate to me*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Yang keduanya, kita ketahui juga berikutan dengan krisis 11 September di mana banyak dana Islam yang keluar dari Amerika, yang keluar dari Eropah dan ke mana perginya, *wallahu a'lam*, ada yang balik ke Timur Tengah, ada juga yang tinggal di merata tempat dan banyak juga yang ingin datang ke sini. Dan kalau kita pandang dari segi itu, dengan kedudukan kita sebagai sebuah negara Islam dengan juga kedudukan kita sebagai Pengerusi OIC, saya rasa satu terbitan sebanyak RM25 bilion ini, saya percaya kita dapat menarik dana-dana sedemikian. Dana-dana tersebut adalah cuma dapat digunakan

Tuan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit. Saya difahamkan bahawa bon-bon yang diterbitkan, di Malaysia ini tidak begitu boleh dipasarkan ke negara-negara Arab. Itu yang saya dapat tahu. Adakah ini benar, kalau tadi kerana Yang Berhormat salah seorang daripada orang yang terlibat dalam memasarkan bon-bon yang diterbitkan di Malaysia ini. Jadi, saya difahamkan kalau ada maklumat daripada Yang Berhormat, saya difahamkan tadi sebut dua negeri, negeri yang kaya Kuwait, barangkali Bahrain dan Qatar, ia tidak mahu datang sini, adakah kerana sebab untung ditetapkan sebanyak 6% atau sebab-sebab yang lain, sebab dia melihat barangkali kalau 6% ini, ini bukan bon secara Islam. Jadi, kira macam bunga juga. Terima kasih.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri. Betul pada pendapat saya. Saya tidak bolehlah menjawab macam ini, saya bukan pihak di sana. Apa sebenarnya berlaku, selain daripada umpamanya

peraturan ataupun dari segi penterjemahan sesuatu terminologi itu yang dipanggil Musyarakah, yang dipanggil Mudarabah, ada yang Sukuk, bermacam-macam ciri sesuatu bon, sesuatu instrumen bon yang berbentuk Islam itu. Dalam pada itu juga, daripada penyelidikan saya Yang Berhormat, saya dapati juga di negara kita ini, kita adalah liberal sedikit daripada pandangan kita, sama ada sesuatu itu berbentuk Islam atau tidak, terutamanya dalam jangka kita mereka cipta sesuatu bon itu umpamanya, pihak yang berkenaan, yang bertanggungjawab, termasuk juga pihak-pihak yang bukan Islam.

Maka itu, di negara kita, kita menggunakan Bank Islam sebagai authority Tuan Yang di-Pertua dengan izin, juga tidak salah saya pihak Security Commissioner pun ada menggunakan scholars daripada Universiti Islam Antarabangsa. Cuma, yang saya dapat tahu, saya difahamkan, untuk dana-dana dari Bahrain, dari Qatar, dari Kuwait, mereka memerlukan juga pandangan, pendapat scholars yang mereka iktirafkan. Saya menyarankan pihak kerajaan juga agar mendapat pengiktirafan seperti demikian. Tetapi, sekiranya bon-bon tersebut disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, maka itu mungkin tidak perlu.

Dalam konteks sedemikian, saya juga ingin bertanya pihak kerajaan, dengan terbitnya juga saham-saham KLCC yang telah diluluskan, dengan terbitnya juga beberapa IPO kebelakangan ini, adakah pasaran kita sedia menyerahkan semua senaraian, sama ada saham, sama ada bon dalam pasaran tempatan, terutama juga kalau kita lihat kebelakangan ini dari segi dana-dana luar negara, belum lagi FBI. Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak, saya mengatakan dana untuk *capital market, hot money* dengan izin, juga tidak banyak yang datang ke Malaysia pada masa sekarang ini. Kalau keadaan sedemikian, adakah perancangan kerajaan untuk memasarkan bon tersebut di luar negara.

Jika ya, adakah ia akan disenaraikan dan apakah agaknya dari segi kos kepada kerajaan, sama ada dividen, sama ada faedah, sama ada Islam atau bukan Islam dari segi bentuknya, berapakah agak-agaknya secara purata kos kepada kerajaan, kepada bon tersebut dan berapa lamakah bon tersebut akan berada di tangan pihak-pihak lain sebelum dapat *direddeem*kan oleh pihak kerajaan. Kita ketahui bahawa tadi, Tuan Zainal bin Rampak telah mengatakan bahawa pulangan kepada kerajaan daripada peminjam-peminjam ialah 4%. Adakah bon-bon tersebut akan

memberikan harga kepada kerajaan lebih daripada empat dan sekiranya lebih, apakah agaknya bebanan kepada kerajaan dari sesuatu penerbitan RM25 bilion ini?

Tuan Yang di-Pertua, juga isu yang berkaitan yang ingin saya tanya pihak kerajaan, berapakah bon-bon yang telah diterbitkan oleh pihak kerajaan selama dua tahun kebelakangan ini dan berapa banyakkah lagi bon yang akan diterbitkan dalam tiga tahun ke hadapan? Adakah kerana kita memerlukan dana untuk mencairkan ekonomi kita ataupun apakah kegunaan dana-dana yang akan diperolehi oleh pihak kerajaan daripada penerbitan-penerbitan bon tersebut. Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang yang dipanggil Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Wan Ubaidah binti Omar:

12.35 tgh.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk turut membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971, yang kita dimaklumkan ialah tujuannya untuk mendapatkan dana sebanyak RM25 bilion daripada penerbitan bon.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi yang menyatakan, bahawa adalah lebih baik sekiranya Ahli-ahli dalam Dewan yang mulia ini diberikan taklimat yang lebih mendalam mengenai dengan cara dan implikasi daripada akta ini sebab kita tidak mendapat banyak maklumat. Sebab itulah, mungkin saya akan bertanyakan beberapa persoalan untuk memberikan penjelasan yang lebih lanjut sebab saya juga difahamkan Tuan Yang di-Pertua, di Dewan Rakyat pun hanya penyokong-penyokong kerajaan sahaja yang diberikan taklimat mengenai dengan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin telah menyatakan kebimbangan mengenai dengan kos yang akan ditanggung oleh pihak kerajaan mengenai dengan pengeluaran bon yang sebanyak RM25 bilion ini. Saya turut merasakan ataupun agak musykil sedikit sekiranya kerajaan terpaksa menanggung kos hasil daripada pengeluaran bon ini, apakah implikasinya terhadap peminjam-peminjam perumahan yang rata-ratanya terdiri daripada kakitangan awam? Adakah mungkin mereka terpaksa menanggung ataupun dinaikkan kadar

pinjaman lebih daripada 4% sebab kita tahu bahawa selalunya bon itu, kadar faedahnya agak tinggi.

Sebagai contoh, yang disebutkan tadi 6%. Perbezaan 2% itu bagaimana? Adakah itu kos yang bakal ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan atau mungkin dengan ada cara untuk menyalurkan kos tersebut dan ditanggung pula oleh peminjam-peminjam? Apakah jaminan daripada pihak kerajaan bahawa, kadar pinjaman sebanyak 4% kepada kakitangan awam itu tidak akan dinaikkan ataupun mungkin dengan ihsan kerajaan, ada cadangan tadi supaya kadar tersebut diturunkan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah akta ini juga akan menyebabkan ada peraturan-peraturan baru yang akan melibatkan ataupun mungkin merumitkan lagi proses pinjaman perumahan bagi kakitangan awam. Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan bahawa RM25 bilion yang akan terhasil daripada pindaan akta ini akan digunakan untuk perumahan kakitangan awam. Adakah kerajaan boleh memberi jaminan agar wang ini benar-benar digunakan untuk tujuan tersebut ataupun dalam proses itu nanti, mungkinkah dana ini akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang lain, sebab kita bimbang dengan keadaan sekarang, negara yang berhutang sebanyak RM200 bilion dan kita terpaksa servis faedah, kemungkinan hendak pinjamkah dahulu daripada RM25 bilion ini untuk tujuan-tujuan yang lain. Jadi, apakah jaminan kerajaan bahawa RM25 bilion ini nanti, benar-benar akan digunakan untuk manfaat perumahan bagi kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, sebab kita tahu ada contohnya peruntukan yang diberikan kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad sebanyak RM100 milion tetapi tidak digunakan sepenuhnya dan selebihnya pula disimpan dalam di dalam *fixed* deposit. Jadi kita bimbang sekiranya RM25 bilion ini tidak digunakan sepenuhnya untuk diberi manfaat kepada peminjam-peminjam perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, apakah rancangan ataupun apakah kerajaan mempunyai cadangan atau perancangan untuk kakitangan swasta sebab banyak kita tahu banyak kemudahan yang telah diberikan kepada kakitangan awam terutamanya bagi kakitangan swasta yang berpendapatan rendah dan juga yang berpendapatan sederhana. Mereka ini tidak mempunyai apa-apa kemudahan selain daripada terpaksa mengharap pinjaman daripada bank-bank swasta.

Apakah pihak kerajaan terutamanya bagi yang berpendapatan sederhana, kalau yang berpendapatan yang rendah itu mungkin ada perumahan-perumahan kos rendah, yang sederhana mungkin yang bergaji RM1,000 ke atas. Adakah mereka layak untuk mendapat perumahan-perumahan kos rendah atau RM1,500 kalau tinggal di Kuala Lumpur ini mungkin tidak boleh dikatakan sebagai berpendapatan tinggi. Adakah kerajaan mempunyai apa-apa cadangan bagi memenuhi keperluan mereka untuk memiliki rumah sebab rumah adalah keperluan bagi setiap rakyat tidak kira sama ada mereka itu daripada kakitangan awam ataupun kakitangan swasta.

Tuan Osman bin Bungsu: *[Bangun]*

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Memanglah kalau boleh semua orang, Tuan Yang di-Pertua, hendak sangat bekerja dengan kerajaan sebab terlalu banyak kemudahan dan tambahan pula dalam keadaan ekonomi sekarang di mana di sektor swasta keadaannya tidak begitu menjamin masa depan tetapi oleh sebab tempat itu adalah terhad, maka saya kira bolehlah pihak kerajaan memikirkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya laluan untuk meminta penjelasan. Berdasarkan daripada pandangan Yang Berhormat tadi, apakah kerajaan boleh memberi pinjaman perumahan secara berpakej berdasarkan pendapatan. Umpamanya kalau gaji atau pendapatannya RM1,000, pegawai kerajaan ini boleh meminjam RM120,000 nilai rumah tetapi bayarannya dapat dikategorikan mengikut pakej pertama 10 tahun – bayaran rendah. Bila bekerja 15 tahun ke atas hingga 20 tahun, akan dinaikkan lagi. Kemudian pakej ketiga, 35, 45 tahun hingga pencen dan pencen itu bayarannya boleh disambung. sehingga dipotong bayaran pencennya. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat dan saya setuju dan kita lihat banyak lagi cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang mungkin boleh diambil kira dan ditimbang oleh pihak kerajaan. Sebab kita tahu tadi cadangan dari Yang Berhormat Tuan Zainal yang menyatakan bahawa mungkin pinjaman perumahan dapat diberikan kepada kakitangan kerajaan di peringkat usia yang muda supaya daripada mereka membayar sewa sebab bila dah kerja terpaksa menyewa rumah, Tuan Yang di-Pertua.

Daripada membayar sewa, kenapa tidak duit itu digunakan untuk terus membeli rumah tetapi oleh sebab polisi ataupun dasar kita membenarkan pinjaman boleh dibuat hanya pada usia 35 tahun, maka terpaksa mereka menunggu ataupun membayar sewa dalam tempoh yang begitu lama, mungkin 10 tahun sedangkan jangka masa 10 tahun itu mungkin mereka sudah boleh menjelaskan separuh daripada harga perumahan itu.

Cadangan Yang Berhormat tadi supaya potongan secara pakej, harga mengikut pendapatan, itu adalah satu cadangan yang baik dan banyak lagi cara-cara yang boleh pihak kerajaan fikirkan demi untuk memastikan semua rakyat dapat memiliki rumah. Jadi, saya hendak sambung yang tadi mengenai dengan perumahan untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna pinjam mengikut prinsip lain, bayar ikut prinsip lain. Adakah itu Yang Berhormat maksudkan tadi?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Saya kira bukan begitu, Tuan Yang di-Pertua. Yang dimaksudkan ialah bayaran itu mengikut pendapatan. Kalau mengikut kefahaman saya, masa pendapatan RM1,000, mungkin bayaran pokoknya sekian banyak. Bila pendapatannya sudah meningkat RM2,000, mungkin ditingkatkan bayaran kepada pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua: Sementara kelayakan meminjam pula berdasarkan?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Itu mungkin boleh difikirkan oleh Bahagian Perumahan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi itulah, disebabkan banyak kemudahan yang diberikan kepada kakitangan awam, bagaimana pula dengan kakitangan swasta.

Yang Berhormat Dato' Ratnam sering mengemukakan cadangan-cadangan perumahan bagi pekerja-pekerja ladang, pekerja-pekerja lombong dan banyak lagi rakyat dalam negara kita ini yang tidak mempunyai rumah terutamanya rakyat termiskin, jadi mesti ada satu cara untuk mengatasi perkara ini dan kalau kerajaan betul-betul serius memikirkan untuk memberi satu rumah kepada seorang rakyat, mesti ada jalannya, mesti ada caranya pada kadar yang munasabah. Sekiranya rakyat yang miskin tidaklah hendak meminta satu banglo, Tuan Yang di-Pertua, mungkin cukup sekadar yang sesuai dengan keadaan diri mereka tetapi penyelesaian itu seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Safinah tadi, penyelesaian itu perlu diambil kira kerana tidak selesa itulah maka kita lihat banyak unit rumah kos rendah yang tidak dapat dijual.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan satu pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Dato' Dr. Chin ini banyaklah, selalu memberi pandangan-pandangan yang bernas, cadangan-cadangan yang baik untuk difikirkan bersama iaitu supaya diadakan insurans untuk melindungi pembeli daripada kontraktor-kontraktor yang tidak dapat menyiapkan projek mereka kerana ini memang akan membebankan kepada pembeli.

Pertamanya, mereka terpaksa membayar pinjaman perumahan. Yang keduanya, dalam masa yang sama, mereka terpaksa mencari tempat untuk tinggal dan terpaksa membayar sewa. Kalau pihak kerajaan boleh mengambil inisiatif untuk mengkaji perkara ini untuk benar-benar memberi perlindungan kepada pembeli supaya mereka tidak lagi terbeban sebab dalam negara kita hari ini pun masih banyak projek yang terbengkalai dan mungkin boleh dimulakan di pihak kerajaan dengan menyenaraikan kontraktor-kontraktor yang layak untuk memajukan satu-satu projek. Cuma dari satu segi yang lain pula, Tuan Yang di-Pertua, ialah kemungkinan premium itulah pula yang takut akan membebankan. Walau bagaimanapun, ini boleh dikaji oleh pihak kerajaan.

Satu perkara lagi yang mungkin kerajaan boleh timbangkan ialah untuk memberi pinjaman tanpa faedah kepada rakyat yang termiskin sebagaimana yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Kalau Kerajaan Negeri Kelantan yang begitu terhad keadaan kewangannya boleh memberi pinjaman kepada kakitangannya tanpa faedah, mengapa tidak Kerajaan Pusat yang mempunyai dana yang begitu banyak. Jadi mungkin perkara ini boleh dipertimbangkan dahulu untuk keluarga-keluarga ataupun golongan-golongan yang berpendapatan rendah.

Saya rasa sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Safinah binti Jusoh.

12.50 tgh.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian walaupun ringkas dalam suatu Akta iaitu untuk meminda Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971. Antara keperluan-keperluan asas yang perlu dimiliki oleh seseorang itu ialah rumah. Seseorang merasa amat gembira bila ada sesuatu peluang untuk memiliki rumah sama ada secara pinjaman ataupun seelok-eloknya belian secara terus. Walau bagaimanapun, sumber untuk memperolehi rumah itu, satu keistimewaan ataupun hak yang wajar diterima oleh pemilik-pemiliknyanya

mestilah kita ambil kira, iaitu bagi saya sebuah rumah yang berkualiti dan selesa, antara ciri-ciri rumah yang berkualiti dan selesa itu ialah, dari segi pertamanya spesifikasi bahan rumah itu tidaklah seperti mana suatu masa dahulu ada rumah-rumah dibina dindingnya daripada *fibreglass* yang tidak boleh bertahan lama.

Kemudiannya, rumah itu tidak mudah retak. Rumah itu maknanya, *ventilationnya*, dengan izin, iaitu *ventilation* yang cukup maka rumah itu tidak terasa panas, baik di siang hari ataupun di malam hari. Juga ianya terletak dalam kawasan yang bukan mudah terkena banjir. Juga saya hendak tanya dalam perkara untuk memberikan wang pinjaman perumahan ini, adakah pihak Suruhanjaya Perumahan telah pun menentukan tapak-tapak perumahan, lebih-lebih lagi dalam kawasan-kawasan perbandaran baru yang hendak dicadangkan untuk dibangunkan, adakah sudah ditentukan tempat-tempat yang hendak dibuat rumah-rumah tersebut.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat langkah pihak kerajaan untuk menyediakan dana pinjaman kepada kakitangan kerajaan khususnya patutlah dialu-alukan. Kita mahu supaya Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dalam usaha untuk menyediakan rumah-rumah ini mestilah merasakan ianya sebagai suatu amanah yang diserahkan kepada mereka dan melihatnya ia adalah sebagai suatu *social obligation*, dengan izin, dan dengan itu tidaklah berlaku apa-apa penyelewengan lebih-lebih lagi menyediakan rumah-rumah yang *substandard*, dengan izin. Dengan itu saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah.

12.53 tgh.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004. Sebagaimana yang kita maklum rumah adalah satu keperluan asas sebuah keluarga dan ia menjadi tempat berlindung untuk mendidik dan membesarkan anak bagi kesinambungan generasi yang akan datang. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab kerajaan memberi kemudahan dan bantuan kepada rakyat untuk membolehkan mereka memiliki rumah terutama golongan yang tidak mampu membina rumah sendiri tanpa pinjaman atau subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Skim Pinjaman Perumahan ini kerajaan telah memperuntukkan RM25 bilion untuk pinjaman perumahan yang memberi manfaat

hampir kepada 1 juta kakitangan awam di seluruh negara. Tetapi dalam pindaan akta ini kerajaan bercadang untuk menjual bon-bon kepada pihak yang tertentu sama ada orang awam ataupun pihak yang tertentu untuk mengumpul dana negara. Saya ingin penjelasan, apakah perancangan kerajaan hasil daripada penjualan bon-bon ini dan saya ingin juga penjelasan, adakah kerajaan bercadang di masa akan datang supaya faedah ataupun bunga kepada peminjam-peminjam ini akan diturunkan atau dihapuskan terus supaya perkara ini tidak menekan para peminjam dan sekali gus memberi bantuan kepada rakyat yang memerlukan bantuan perumahan.

Saya ingin penjelasan juga daripada pihak kerajaan, sejauh manakah bantuan perumahan yang telah diberikan kepada kerajaan-kerajaan negeri mengikut negeri-negeri, dan setakat ini sejauh manakah perancangan yang dibuat oleh kerajaan telah mampu mengatasi masalah kekurangan rumah bagi rakyat mengikut negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang keperluan rumah bagi ibu-ibu tunggal yang mungkin tidak disentuh lagi oleh Yang Berhormat yang lain, yang kita lihat di antara satu golongan yang memerlukan tempat tinggal setelah mereka kehilangan tempat bergantung iaitu golongan ibu tunggal yang miskin dan terpaksa menyara anak-anak yang ramai. Jadi, adakah kerajaan menyediakan kuota yang tertentu untuk memberi peluang kepada ibu-ibu tunggal ini memiliki rumah dan apakah kemudahan-kemudahan yang telah disediakan supaya mereka ini mampu memiliki rumah selain daripada masalah pendapatan mereka yang amat menekan kehidupan mereka seharian. Saya juga amat simpati kepada golongan ini kerana mereka ini kebanyakannya menjadi mangsa kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga penjelasan apakah usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk mengatasi masalah rumah terbengkalai yang begitu banyak, dan apakah tindakan yang telah diambil oleh pemaju-pemaju perumahan yang gagal menyiapkan projek mereka. Kita lihat rata-rata di seluruh negara rumah-rumah terbengkalai ini telah disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu seperti penagih-penagih dadah untuk kegiatan-kegiatan yang negatif. Jadi, adakah sebarang tindakan yang dibuat supaya tidak wujudnya suasana ini dalam negara kita.

Begitu juga negara kita sentiasa terdedah dengan banjir apabila berlakunya musim banjir. Jadi, apakah satu perancangan yang dibuat supaya dalam pembinaan perumahan di masa akan datang, supaya rumah-rumah yang terletak di kawasan

rendah yang sentiasa terdedah dengan banjir ini dibuat satu peraturan mengadakan rumah yang tinggi, bukan rumah yang rendah supaya menyelamatkan penghuni rumah menjadi mangsa kepada banjir.

Setakat ini juga saya ingin penjelasan adakah bantuan dibuat kepada golongan nelayan. Sebab saya mendapat tahu bagaimana golongan nelayan di pantai yang menghadapi masalah hakisan ombak yang rumah mereka hanyut dipukul ribut dan sebagainya, mereka ini kehilangan rumah dan tempat tinggal. Adakah kerajaan memberi satu bantuan khas kepada golongan ini supaya keluarga nelayan ini dapat memiliki rumah yang lebih selamat dan penempatan yang lebih selamat.

Saya ingin juga menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penduduk setinggian terutama di pinggir bandar yang mereka ini masih tidak mempunyai rumah sendiri. Apakah perancangan kerajaan setakat ini di dalam membantu golongan ini dan apakah perancangan yang dibuat agar mewujudkan setinggian sifar di masa akan datang.

Begitu juga saya ingin penjelasan tentang Program Rumah Mesra Rakyat. Berapa ramai yang telah mendapat manfaat hasil daripada program ini, dan apakah syarat-syarat untuk mendapat peruntukan di bawah Program Rumah Mesra Rakyat ini dan bagaimanakah cara kerajaan untuk memastikan dalam pengagihan program ini tidak ada campur tangan orang-orang berkepentingan seperti campur tangan orang-orang politik dan sebagainya, dan sejauh manakah Syarikat Perumahan Negara Berhad setakat ini mampu menangani isu-isu perumahan rakyat dan bagaimana kuota pemilikan bumiputera di setiap kawasan perumahan. Sejauh manakah kerajaan hendak memastikan supaya tidak ada sebarang penyelewengan dan salah guna kuasa yang berlaku dalam Syarikat Perumahan Negara Berhad ini.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan kuarters kakitangan kerajaan di jabatan kerajaan yang memerlukan penglibatan kuarters pegawai berada dalam kawasan jabatan, adakah kerajaan memantau perkara ini sebab dalam pemerhatian saya masih wujud kuarters-kuarters yang terlalu uzur dan tidak mencukupi untuk keperluan keselamatan. Saya beri contohnya dalam Jabatan Penjara, kuarters Depot Tahanan Imigresen yang sangat lama, yang lebih daripada 30 tahun, yang tidak mencukupi kuota keperluan yang ada dan adakah pemantauan dibuat dengan suasana yang ada, dengan kemasukan pendapat tanpa izin yang semakin ramai, adakah perkara ini diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Sebab perkara

ini penting demi keselamatan negara. Jadi, sudah sampai masanya penilaian dibuat bukan mengikut penilaian yang berpuluh tahun supaya diadakan penilaian balik, kesesuaian rumah-rumah untuk kakitangan ini berkhidmat dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada pukul 2.30 petang nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Saya minta Yang Berhormat Siti Zailah sambung ucapan.

2.30 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung perbahasan saya dengan menyentuh berkenaan dengan kuarters kerajaan dan saya mengharapkan agar kerajaan sentiasa membuat pemantauan terhadap semua kuarters kerajaan sama ada kuarters yang didiami ataupun kuarters yang terbiar, kita didapati ada kuarters kerajaan yang terbiar yang usang yang tidak diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan di kawasan perumahan, contohnya tempat *nursery* ataupun tempat asuhan kanak-kanak yang mana perkara ini perlu disediakan seperti kemudahan seperti kemudahan yang lain seperti surau, taman permainan, rekreasi dan sebagainya. Sebab kita lihat penyediaan tempat khas untuk *nursery* ini adalah penting terutama bagi kawasan perumahan yang memang kebanyakan suri-suri rumah yang bekerja yang menghadapi isu berkenaan dengan pembantu rumah, jadi sekiranya perkara ini tidak diambil perhatian maka ini adalah menyukarkan bagi pihak terutama suri-suri rumah untuk menyediakan tempat yang sesuai untuk pembesaran anak-anak mereka. Sebab kita lihat hari ini *nursery* dibuat oleh pihak swasta atau orang perseorangan di rumah-rumah kediaman biasa yang memang tidak sesuai untuk pembesaran kanak-kanan dengan selesa.

Saya ingin juga mencadangkan agar kadar sewa yang berpatutan juga perlu diambil perhatian supaya tidak memberi peluang kepada tuan-tuan rumah untuk menaikkan sewaan mereka dengan sewenang-wenangnya dan kalau boleh diwujudkan satu standard harga yang sesuai mengikut lokasi dan jenis rumah sebab saya juga ingin tahu adakah satu peruntukan undang-undang disediakan untuk mengambil tindakan terhadap penyewa yang tidak membayar sewaan ataupun lari daripada rumah.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mencadangkan agar jumlah pinjaman perumahan yang diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan adalah tidak semata-mata tidak mengikut *rate* gaji mereka tetapi mengikut kelayakan gred jawatan mereka, sebab mereka yang baru bekerja contohnya lima tahun, tentunya gaji mereka lebih rendah daripada orang yang bekerja 20 tahun, jadi kelayakan mereka meminjam juga adalah rendah. Jadi sedangkan dalam suasana hari ini harga rumah semakin mahal, kalau dulu seorang yang dapat pinjaman RM120 ribu mungkin boleh memiliki sebuah banglo, tapi sekarang hendak dapatkan rumah teres pun tidak dapat dengan harga RM120 ribu.

Jadi oleh itu saya cadangkan agar kerajaan pertimbangkan perkara ini demi kebajikan para pekerja dan penjawat jawatan perkhidmatan awam sebab kita lihat mereka bekerja dengan kerajaan dan menghabiskan hampir lebih daripada separuh umur mereka untuk berkhidmat kepada negara, sudah sewajarnya kerajaan mempertimbangkan perkara ini dengan baik. Apa lagilah apabila kerajaan mengenakan faedah ataupun bunga kepada pinjaman mereka.

Sepatutnya sebagai sebuah kerajaan yang melaksanakan dasar Islam Hadhari dalam pentadbirannya dan melaungkan kita sebagai sebuah negara Islam sepatutnya kita sudah sampai masanya untuk mempraktikkan ajaran Islam dalam urusan kerajaan. Sepatutnya kerajaan menyelamatkan rakyat daripada dosa riba. Sepatutnya semua pinjaman perumahan tidak dikenakan sebarang bayaran faedah sebagaimana yang kita buat di negeri Kelantan.

Sepatutnya kerajaan pusat terlebih dahulu mempelopori perkara ini dan sepatutnya diberi arahan kepada semua kerajaan-kerajaan negeri supaya tidak mengenakan faedah kepada pinjaman yang dibuat oleh kakitangan awam. Jadi kalau kita lihat di mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Nor Azah, bagaimana

negara-negara Islam, negara di Timur Tengah, ia di antara mereka di antaranya Qatar, Baharin mereka Kuwait dan sebagainya, mereka tidak berminat untuk membeli Bon daripada negara kita sebab mereka melihat ada kadar faedah contohnya enam peratus yang dikenakan dan memang perkara ini pun bercanggah dengan halal haram dari segi Islam, jadi sepatutnya sebagai sebuah kerajaan yang menjadi penaung ataupun pengerusi kepada negara OIC sepatutnya kita..

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat sahabat saya Senator Siti Zailah, saya ingin mendapat penjelasan tentang dua perkara yang pertama, apakah Kerajaan Barisan Nasional mentadbir negara pada ketika ini tidak mengikut lunas-lunas Islam dan yang kedua, apakah model Yang Berhormat sebutkan tadi di Kelantan pinjaman perumahan tidak dikenakan faedah percuma, sepatutnya kita tahu untuk mentadbir sesebuah negara bukanlah mudah, terutama dari segi hasil kutipan yang dikhususkan di Kelantan. Keutamaan-keutamaan lain harus diberi umpamanya masalah-masalah kebajikan, masalah-masalah air, masalah-masalah rumah-rumah yang begitu robek di Kelantan dan tidakkah dengan tidak mengenakan faedah ini peruntukan yang sepatutnya menjadi hasil boleh diberi keutamaan yang lebih kepada *priority* masalah-masalah utama di Kelantan, umpamanya mungkin kadang-kadang daripada *report* yang terima terpaksa membuat pinjaman kepada kerajaan pusat untuk membuat pembayaran-pembayaran termasuk pembayaran gaji. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Siti Zailah bin Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua saya hendak perbetulkan. Setahu saya Kerajaan Kelantan tidak membuat pinjaman untuk pembayaran gaji malah negeri-negeri lain memang ada membuat pinjaman untuk aliran tunai dalam pentadbiran negeri mereka. Untuk menjawab apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi, untuk mengetahui adakah pentadbiran kita sesuai dengan Islam atau tidak, kita kena kembali kepada apa yang termaktub dalam Al-Quran, riba ini semua sudah tahu perkara ini adalah jelas hukumnya.

Sebab itulah kita mencadangkan supaya bukan sahaja slogan yang kita laungkan tetapi kita hendak dasar kerajaan, pelaksanaan dalam urusan ekonomi dan

sebagainya adalah bersesuaian dengan kehendak Islam. Walaupun di Kelantan kita tidak mengambil bunga daripada pinjaman perumahan, bukan itu sahaja malah daripada hasil judi kita tidak ambil, daripada hasil kelab-kelab malam dan sebagainya memang kerajaan dari segi fizikal mengalami kerugian berjuta-juta ringgit, tetapi keberkatan daripada kita melaksanakan pemerintahan yang mengikut lunas-lunas Islam Allah telah memberi keberkatan kita mampu mentadbir negeri sehingga sekarang walaupun dalam keadaan yang tidak semewah negeri lain tetapi tidaklah sampai tahap kita tidak mampu membayar gaji untuk kakitangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Ratnam.

Datuk M. Ratnam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan. Terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

Tadi Yang Berhormat kata, apabila kerajaan Kelantan pinjam wang untuk membeli rumah dan sebagainya, tidak ada kena bunga. Tidak ada kena faedah (bunga) tetapi dalam erti faham sayalah, sekiranya rumah itu RM50,000 tetapi bayaran balik hampir RM70,000. Itu RM20,000 bukankah bunga? Bukankah faedah? Apa you kata, dalam satu bahasa, bunga. Lain bahasa, apa tak ada bunga? Jadi macam mana rumah RM50,000 boleh sampai ke- RM70,000. Bolehkah Yang Berhormat memberi sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ratnam yang mengemukakan soalan mungkin tidak jelas apa yang saya terangkan.

Di Kelantan, dalam pelaksanaan pinjaman perumahan untuk kakitangan kerajaan negeri memang tidak dikenakan walaupun satu persen faedah. Maknanya kalau Yang Berhormat kakitangan kerajaan negeri, Yang Berhormat meminjam RM50,000 maka bayar balik kepada kerajaan adalah RM50,000 juga. Tidak ada penambahan. Yang kata RM70,000 itu yang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Ini yang sebenarnya.

Itulah jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya kita mengambil peluang yang ada ini supaya kita sama-sama kembali kepada penghayatan pengurusan secara Islam supaya kita dapat keberkatan. Kalau kita lihat dahulu di Terengganu sebelum daripada pilihan raya memang penekanan banyak juga dibuat dengan tidak diberi royalti dan sebagainya.

Walaupun dia katakan memang tidak mampu untuk mentadbir negeri dengan peruntukan kewangan yang sedikit tetapi apabila kita melaksanakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam, keberkatan itu datang. 'Razakat' berpuluh-puluh juta ringgit datang walaupun apa sahaja insya-Allah, maknanya dengan cara ini kita mampu mentadbir negeri.

Saya harapkanlah sebagai sebuah negara melaungkan Islam Hadhari supaya pelaksanaan hukum Islam dalam urusan kerajaan juga dipraktikkan bukan hanya slogan semata-mata.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya minta Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

2.44 ptg.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004. Banyak telah diperkatakan oleh rakan-rakan saya yang terdahulu berucap dalam membahaskan rang undang-undang ini dan kebanyakan pandangan lebih kurang sama dan saya amat bersetuju. Cuma berilah saya sedikit peluang untuk sama-sama menyumbang fikiran.

Selepas mencapai kemakmuran ekonomi hasil daripada usaha yang berterusan daripada empat orang Perdana Menteri terdahulu, kini negara kita Malaysia sudah mampu tersenyum megah kerana kita sudah boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain yang pada suatu ketika dahulu memandang rendah kepada negara kita dan selepas 47 tahun negara kita mencapai kemerdekaan, semuanya itu telah berubah.

Berubah dari berbagai-bagai segi sama ada dari segi ekonomi, politik, sosiobudaya dan sebagainya. Kesemuanya menunjukkan bahawa rakyat Malaysia sememangnya mampu untuk membangun sendiri tanpa bergantung harap kepada orang lain. Disebabkan kemakmuran inilah kita juga sekarang ini mampu memiliki harta sendiri. Memiliki kereta, memiliki rumah, ladang, syarikat dan sebagainya. Kalau dahulu kita amat payah untuk memiliki semua ini lebih-lebih lagi selepas negara kita

terbabit dengan Perang Dunia Kedua, seluruh potensi ekonomi kita lumpuh disebabkan pemerintahan Jepun yang berada di Tanah Melayu pada ketika itu. Tetapi sekarang kita sudah boleh memiliki tempat berteduh sendiri yang boleh menjamin masa depan anak cucu kita daripada apa musibah yang akan datang.

Tidak boleh dinafikan bahawa sanya semua orang memerlukan rumah sebagai tempat berteduh dan berlindung dan sekarang ini banyak jenis rumah telah diwujudkan oleh kerajaan untuk diduduki oleh rakyat, tidak kiralah sama ada ianya rumah PPRT, kos rendah, kos sederhana sehinggalah rumah yang berstatus mewah. Semuanya telah disediakan oleh kerajaan namun mengapa sehingga hari ini persoalan berkenaan dengan rumah ini masih lagi menjadi bualan di kedai-kedai kopi ataupun apabila berjumpa dengan kawan, ada yang mengatakan bahawa harga rumah terlalu tinggi. Tidak kurang juga yang berpuas hati dengan tindakan kerajaan yang mana kerajaan mampu untuk menyediakan rumah yang dirasakan boleh mereka beli dan dalam harga yang berpatutan.

Berdasarkan kepada penilaian yang diberikan oleh para pemaju dan juga juru runding harta tanah, pada waktu inilah masa yang paling sesuai untuk kita membeli aset rumah disebabkan keadaan ekonomi yang stabil dan harga bagi kebanyakan rumah adalah dalam tahap yang sederhana dan boleh dikira murah pada keadaan-keadaan tertentu.

Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada rakyat Malaysia yang berkemampuan agar bertindak dari sekarang untuk memiliki rumah kerana satu hari nanti kita akan menyedari juga peri pentingnya rumah kepada kita kerana saya lihat kepada keadaan di luar, banyak yang mengatakan rumah penting, kereta pun penting.

Sebenarnya kalau hendak buat pilihan, dua-dua pun penting. Tetapi yang mana lebih penting dan bila. Kita boleh nampak juga kadang-kadang seseorang itu memiliki kereta yang mewah tetapi apabila kita lalu di rumah-rumah yang kos sederhana, kita nampak Mercedes dipark di luar rumahnya. Bermakna kehidupan orang ini dia lebih mementingkan kepentingan kereta itu daripada kepentingan rumah.

Kenapa? Kerana gaya hidupnya sendiri. Mungkin dia seorang peniaga yang tidak perlu membawa pelanggannya ke rumah. Cara dia hidup tidak penting diketahui oleh orang luar. Tetapi gaya dia untuk keterampilan itu lebih penting. Maka ramai juga

di antara mereka yang mempunyai kereta-kereta mewah tetapi *parking* di rumah kos rendah.

Saya rasa lebih ramai lagi orang yang mementingkan rumah dahulu daripada kenderaan iaitu memastikan bahawa sanya keluarganya terlindung dalam apa-apa situasi pun, keluarganya mempunyai tempat berteduh. Kalau sayalah diberi pilihan barangkali saya akan pilih rumah lebih penting daripada kenderaan. Sebab hari ini saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana *public transport* kita begitu efisien kalau pun kita tidak ada kenderaan sendiri, kemudahan awam untuk pengangkutan begitu baik.

Apa yang ingin saya sampaikan juga dalam perbincangan ini ialah mengambil kira semasa sesi soal jawab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi penjelasan dalam menjawab soalan bahawa sanya wujud 9,815 buah rumah yang tidak dapat dijual di seluruh negara. Ini adalah di antara sebab yang dikatakan *mismatch*. Apabila kita bilang *mismatch* maknanya pertama mungkin rumah itu tidak diperlukan di negeri itu. Kedua, mungkin terlalu jauh. Mungkin tidak selesa, tidak sesuai dan mungkin harga terlalu mahal. Jadi, macam-macam lagi sebab musabab yang boleh kita katakan sebagai *mismatch*.

Tetapi kalau ada penelitian yang dibuat oleh kementerian, ini tidak akan berlaku. Saya ingin mencadangkan supaya kepada kes-kes seperti ini, kementerian meninjau semula dasar yang memastikan sekurang-kurangnya 30% daripada projek itu diperuntukkan kepada rumah murah. Kalaulah dikatakan negeri itu tidak memerlukan 30% itu, seharusnya dikurangkan, kalau pun ditiadakan, mungkin keterlaluan, tetapi dikurangkan daripada jumlah yang telah dikatakan iaitu 30%. Mungkin ada negeri yang hanya memerlukan 10%, ada negeri yang hanya memerlukan 30% dan ada negeri yang memerlukan 90%. Jadi, keperluan itu berbeza-beza.

Saya ingin mengutarakan dalam perbincangan ini supaya kementerian menyelidik atau mengkaji semula dasar ini supaya tidak timbul lagi *mismatch* ini. Saya juga berbangga dan bersyukur kepada Allah kerana kementerian juga tadi menyampaikan hasrat mereka untuk mengemaskinikan cara pendaftaran terbuka dilakukan. Sebenarnya rata-rata boleh dikatakan di seluruh negara, tetapi saya di Sabah memang banyak soalan ataupun ketidakpuasan hati rakyat yang mana mereka mengatakan bahawa orang yang sudah mempunyai rumah pula mendapat keutamaan

ataupun ada di antara orang kaya yang memohon rumah kos rendah dengan tujuan bukan untuk tinggal tetapi untuk disewakan sekali lagi.

Jadi, mengemaskinikan cara pendaftaran ini amat penting kerana kalau tidak, kerajaan dilihat sebagai tidak adil kepada orang-orang yang tidak mempunyai rumah yang berhak untuk diberi keutamaan untuk mendapatkan rumah-rumah murah ini. Jadi, sekali lagi saya ucapkan tahniah dan mudah-mudahan kementerian akan dapat mengemaskinikan secepat mungkin.

Saya ingin membawa kembali kepada kenyataan dan turut melahirkan rasa bangga saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana beliau menyarankan agar pemaju-pemaju perumahan menyiapkan rumah terlebih dahulu yang ingin mereka bina dan selepas itu barulah dijual kepada orang ramai. Walaupun dari satu sudut, kita melihat kemungkinan strategi sedemikian akan merugikan, terutamanya kepada pihak pemaju tetapi apabila kita selami, kita lihat bahawasanya ia mungkin akan memberi manfaat yang besar kepada industri perumahan negara, apatah lagi kalau mengikut sistem lama, banyak projek perumahan yang terbengkalai sedangkan orang ramai sudah pun membayar sejumlah wang kepada pemaju perumahan ini.

Maka pembeli sekiranya tidak mendapat pembelaan akan menanggung kerugian yang amat besar. Tetapi sekiranya kita mencuba kaedah yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya fikir ia tidak akan 100% merugikan mana-mana pihak, khususnya pihak pemaju, ia boleh dilihat sebagai *win-win situation* untuk kedua-dua pihak.

Yang penting ialah pemaju mestilah datangnya dari kalangan yang berkemampuan, kalau tidak pun seperti yang dicadangkan, wujudkan konsortium yang mana apabila digabung, mereka bukan sahaja mempunyai jumlah wang gabungan tetapi juga jumlah kebolehan dari segi teknologi, cara bertindak dan sebagainya. Dan mereka tidak terlalu bergantung kepada pinjaman bank yang akan memberi risiko yang tinggi dari sudut faedah yang dikenakan sehingga memberi tekanan kepada margin keuntungan.

Jadi, pengalaman dalam bidang binaan yang membolehkan mereka cekap dalam mengendalikan pekerja, cekap dalam mengetahui bahan-bahan yang termurah, tetapi mempunyai kualiti dengan tidak memberi *jeopardy* kepada kualiti dan inilah di antara *secret* sebenarnya untuk kejayaan yang perlu diamati oleh pemaju-pemaju.

Kalau kita dengar kelmarin, Dewan yang mulia ini telah diberikan penjelasan oleh kementerian, tujuan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dipinda ialah untuk meluaskan pensekuritian daripada mudah tunai kepada tidak mudah tunai dan proses pengsekuritian ini untuk mewujudkan *mortgage backed security* di mana kementerian akan membayar semula kepada penerbit bon, apatah lagi ianya akan diterbitkan dengan cara Islam, saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik untuk kerajaan mendapatkan dana yang cepat dan memudahkan kerajaan untuk menjana dana dan mempertingkatkan usaha untuk memberi kemudahan perumahan untuk kakitangan.

Tetapi saya juga ambil kesempatan ini sama seperti apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, oleh Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak dan juga baru sahaja diusulkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah, betapa pentingnya usaha yang dibuat oleh kerajaan mengambil kira kepada kepentingan kakitangan kerajaan dari pelbagai sudut yang telah disuarakan oleh mereka. Tidak perlulah bagi saya untuk mengulangnya dan memberi ruang kepada rakan-rakan yang lain. Saya berharap apa sahaja teguran dan cadangan yang telah disampaikan, diambil kira sebelum keputusan diambil.

Satu perkara yang ingin saya ambil di antara cadangan-cadangan, pertamanya ialah mewujudkan insurans, konsortium dan sebagainya. Saya ingin menyentuh tentang satu perkara yang saya rasa juga penting kerana hari ini kita tahu bahawasanya keluasan untuk satu unit rumah kos rendah ialah hanya sekitar 725 kaki persegi. Saya sebenarnya dahulu tidak tahu hendak membayangkan 725 kaki persegi ini, "Kak Dayang tidak pandai hendak tengok." Biasanya rumah kita besar sedikit, jadi apabila 725 kaki persegi, nampak-nampak macam *sitting room* kita sahaja – di situlah tiga bilik, di situlah dua tandas, di situlah dapur dan di situlah ruang makan.

Saya inginlah mengambil kesempatan ini, kalau boleh tambahlah $12 \times 12 = 144$ kaki persegi lagi yang mana mungkin memberi jumlah kepada 870 kaki kesemuanya. Kenapa saya kata begini? Kerana dahulu kita cuma ada *two plus one*, sekarang dasar kerajaan memberi *three plus one* iaitu maknanya dua bilik, tambah satu lagi mungkin stor, kalau perlu, kalau tidak, digunakan untuk bilik anaklah. Tetapi kita jangan lupa dalam *society* kita, amalan masyarakat kita, kita selalu ingin seperti slogan dan pepatah yang diluahkan oleh kerajaan sebagai masyarakat penyayang, kita selalu menjemput emak mertua, kalau tidak, saudara-mara yang datang kadang-kadang tidur

semalam hendak menumpang, sampai sudah tidak ada tempat. Untuk anak-anak pun, hari ini apabila kita nampak begitu ramai anak-anak lepak di tempat membeli-belah dan sebagainya, kita tanya: “Awak buat apa? Sepatutnya belajar.” “Tidak ada tempatlah di rumah”. Maknanya tidak ada ruang.

Apatah lagi kalau ada permasalahan keluarga. Kalau emak bergaduh dengan ayah dan kalau dalam satu keluarga, kita ada satu bilik untuk ayah dan ibu, satu bilik kalau boleh dikhususkan untuk anak-anak gadis kita, kalau boleh satu bilik lagi untuk anak lelaki kita, jadi di mana pula hendak letak ruang untuk belajar ataupun kita ada tetamu dan sebagainya. Jadi, kalaulah boleh apalah salahnya kita luaskan sedikit supaya ia boleh memberi keselesaan dan memberi ruang kepada keluarga itu, apa dia hendak gunakan dengan bilik ini. Maknanya sama ada ia akan menjadi ruang tempat belajar ataupun ruang tamu untuk keluarga lain, *extension of family* yang terpaksa tinggal bersama-sama mereka.

Kita mesti lihat negeri kita masih luas dengan tanah. Sungguhpun mungkin rumah-rumah yang akan didirikan atau rumah kos rendah ini, biasanya kerajaan negeri bagi. Kalau saya di Sabah ini, pepatah di Sabah ya, biasanya kalaulah rumah-rumah kos rendah ini dibagi tanah-tanah yang tidak elok, dekat *swamp*lah, jadi bila hendak buat infrastrukturnya menjadi mahal pula. Kalau tidak pun, tempat jin beranak, jin beranak dia sorok dalam hutan belantara, kadang-kadang kemudahan infrastruktur pun tidak begitu mencukupi.

Kita hendak supaya rumah-rumah kos rendah ini mempunyai kemudahan seperti air yang berterusan dan kemudahan elektrik yang tidak tergugat. Ini elektrik ada dua jam, selepas itu sepuluh jam ia mati. Jadi, macam mana? Saya minta supaya kerajaan mengambil pertimbangan kepada perkara-perkara seperti ini.

Semasa tanah masih luas, walaupun terpaksa *high rise*, kalau di Kuala Lumpur flat ya, walaupun terpaksa kita mengurangkan kos dengan tidak melebar, tetapi meninggi maknanya *going high instead of going sideways*. Maknanya kita juga boleh menambah ruang ini sebab kosnya telah dibahagikan, *it has been divided and distributed*. Jadi menambah 100 kaki atau 120 kaki untuk satu ruang, tidaklah begitu memberatkan tetapi ia memberi keuntungan yang luar biasa kepada keutuhan keluarga itu. Dia memberikan keselesaan, kemantapan unit keluarga itu yang di sebaliknya akan memberi keuntungan kepada kerajaan dan seluruh rakyat.

Jadi dengan kata-kata yang sedemikian, saya juga mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada lagi? Okay, sekarang saya minta pihak kerajaan untuk menjawab.

3.01 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971.

Seperti yang saya nyatakan semasa pembentangan akta tersebut, kerajaan berhasrat melaksanakan pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan kerajaan sebagai langkah penting dalam usaha kerajaan memantapkan lagi pembangunan pasaran bon tempatan, terutamanya terbitan yang mempunyai tempoh matang yang panjang. Kerajaan tidak bercadang menerbitkan *Mortgage Backed Security* (MBS) bagi kesemua RM25 bilion dalam satu terbitan, sebaliknya akan menerbitkannya secara berperingkat dengan mengambil kira kedudukan pasaran seperti kadar kecairan pasaran tempatan, kos terbitan semasa dan terbitan bon oleh pihak-pihak lain supaya tidak terdapat kesan *over crowding*, dengan izin di pasaran tempatan. Ia akan dilaksanakan mengikut jadual dari semasa ke semasa mengikut permintaan pasaran.

Terbitan ini akan menyediakan satu tanda aras ataupun *bench marking* bagi terbitan bon oleh penerbit swasta untuk mendapatkan dana dari pasaran modal tempatan. Ini akan membolehkan mereka mendapat pembiayaan jangka panjang dengan kos yang lebih efisien dan rendah. Ini akan mengurangkan *financial mismatches*, dengan izin seperti yang berlaku semasa krisis kewangan dahulu di mana pelabur swasta terlalu bergantung kepada pinjaman jangka pendek dari institusi kewangan untuk membiayai pelaburan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad membangkitkan sama ada peranan Jabatan Perumahan Negara dan Syarikat Perumahan Negara Berhad bertindih? Saya ingin memaklumkan bahawa fungsi mereka tidak bertindih kerana peranan Jabatan Perumahan Negara adalah untuk membina rumah untuk disewakan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR).

Sementara Syarikat Perumahan Negara Berhad berperanan untuk membina rumah untuk dimiliki.

Syarikat Perumahan Negara Berhad membina rumah kos rendah, sederhana rendah dan sederhana dengan harga di bawah RM100,000 di seluruh negara. Tambahan lagi, SPNB juga mengamalkan konsep *build and sell*, dengan izin di mana rumah-rumah yang telah siap sahaja yang dijual.

Selain daripada itu Yang Berhormat juga ada membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Bahagian Pinjaman Perumahan seperti pinjaman kali ketiga, pengurangan kadar faedah dari 4% kepada 2%, gadaian kedua, proses penswastaan Bahagian Pinjaman Perumahan dan bilangan penjawat awam yang belum membuat pinjaman perumahan.

Saya ingin memaklumkan bahawa buat masa ini kemudahan pinjaman perumahan buat kali pertama dan kedua sahaja dibenarkan. Cadangan pinjaman kali ketiga tidak dibenarkan buat masa ini memandangkan had kelayakan yang telah pun mencapai had maksimum apabila mengambil pinjaman kedua. Bagi kadar faedah pinjaman yang sekarang ini adalah pada kadar 4% dan kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar ini buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman selanjutnya, sebenarnya pinjaman daripada Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan ia berdasarkan *monthly rest*, maknanya tiap-tiap bulan apabila dibayar *interest* ataupun faedah yang dikenakan kepada yang belum dibayar. Maknanya pada akhirnya kadar 4% sebenarnya bukan 4% tetapi lebih kurang daripada 4%. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar ini pada masa ini.

Bagi kadar yang kedua, mengikut peraturan sekarang, semua pinjaman mestilah terjamin sepenuhnya dengan cara gadaian harta yang dibeli dan kerajaan didaftarkan sebagai pemegang gadaian pertama. Bahagian Pinjaman Perumahan boleh membenarkan gadian yang kedua kepada mana-mana institusi kewangan tertakluk kepada syarat institusi kewangan tersebut, iaitu hendaklah bersetuju menjadi pemegang gadaian kedua.

Di samping itu pinjaman dengan institusi kewangan tersebut adalah bertujuan seperti berikut:

- (i) untuk mencukupkan harga belian;
- (ii) untuk mengubahsuai rumah yang dibeli melalui pinjaman kerajaan;

- (iii) untuk membiayai kos perubatan peminjam, dan;
- (iv) untuk membiayai kos pengajian anak-anak peminjam.

Walau bagaimanapun bagi kes-kes di mana hak milik individu belum dikeluarkan dan cagaran telah dibuat secara penyerahan hak atau *assignment*. Gadaian kedua tidak boleh dilaksanakan kerana penyerahan hak pertama tidak boleh dilepaskan memandangkan ia merupakan *security* kepada kerajaan untuk pinjaman yang telah dikeluarkan.

Berkenaan dengan cadangan penswastaaan, apabila pensekuritian ini dijalankan, perkara ini tidak lagi relevan. Maknanya kerajaan tidak bercadang untuk hendak menswastakan bahagian perumahan.

Berkenaan dengan bilangan penjawat awam yang belum pernah membuat pinjaman, Bahagian Pinjaman Perumahan hanya mempunyai maklumat berkaitan permohonan yang diterima dan diproses dalam bahagian ini iaitu sebanyak 696,381 permohonan diterima, diproses dan diluluskan. Sementara pinjaman kedua pula ialah sebanyak 8,231 permohonan.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan tentang kelayakan untuk memohon pinjaman perumahan bagi tentera. Saya ingin memaklumkan bahawa kakitangan awam, polis dan tentera adalah layak untuk memohon pinjaman perumahan selepas berkhidmat selama setahun dan setelah disahkan dalam jawatan, bukan selepas umur 35 tahun seperti yang disebut dalam Dewan ini. Maknanya cuma perlu disahkan dalam jabatan dan beliau boleh memohon pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim dan Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff membangkitkan tentang Rumah Mesra Rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, kriteria kelayakan mendapatkan Skim Rumah Mesra Rakyat adalah;

- (i) terdiri daripada nelayan, petani, peladang dan golongan yang berpendapatan rendah atau tidak tetap;
- (ii) tidak mempunyai rumah sendiri;
- (iii) mempunyai rumah yang usang atau tidak sempurna;
- (iv) mempunyai tanah yang belum mereka cagarkan;
- (v) jika tanah bukan kepunyaan pemohon, mesti mendapat kebenaran dari tuan tanah;
- (vi) berkeluarga atau ibu tunggal; dan

(vii) warganegara Malaysia yang berumur tidak melebihi 65 tahun.

Setakat 19 Julai 2004, status permohonan bagi Rumah Mesra Rakyat adalah seperti berikut:

- borang yang dikeluarkan ialah 16,685;
- borang diterima balik 4,040;
- permohonan yang lulus 1,065;
- permohonan yang gagal 1,946; dan
- yang layak tertakluk kepada temu duga dan dokumen sokongan 1,029.

Daripada 1,065 permohonan yang telah diluluskan, 619 unit rumah telah mula dibina di mana 109 unit telah pun siap dan diserahkan kepada pemohon. 510 unit yang di dalam pembinaan dijangka akan siap selewat-lewatnya pada bulan September 2004.

Antara sebab-sebab utama penolakan permohonan ialah:

- (i) pemohon bukan terdiri dari golongan nelayan, petani atau peladang di mana skim ini dikhasakan untuk golongan tersebut atau golongan miskin yang tidak berpendapatan tetap;
- (ii) pemohon gagal untuk mendapatkan surat akaun kebenaran dari kesemua tuan tanah untuk membina rumah; dan
- (iii) tapak cadangan telah dicagarkan atau dikaveat pada institusi kewangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyoal sama ada kaedah pensekuritian ini lebih baik dari sistem yang sedia ada sekarang. Saya ingin memaklumkan bahawa pensekuritian bukanlah merupakan satu pinjaman baru bagi kakitangan kerajaan tetapi memberi *option* kepada kerajaan untuk menukarkan pinjaman perumahan tersebut yang merupakan aset tidak mudah tunai kepada penerimaan mudah tunai secara *upfront*, dengan izin, dan boleh digunakan untuk projek-projek pembangunan kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak membangkitkan tentang kelewatan kelulusan permohonan pinjaman perumahan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengenai tempoh kelulusan pinjaman, Piagam Pelanggan Bahagian Pinjaman Perumahan telah menetapkan bahawa tempoh bagi kelulusan pinjaman pertama adalah 14 hari. Bagi pinjaman kedua pula tempoh kelulusan ialah 22 hari kerana ia memerlukan semakan ke atas kedudukan pinjaman pertama

pemohon. Piagam Pelanggan ini akan hanya dapat dicapai sekiranya pihak peminjam dapat mengemukakan permohonan yang lengkap berserta dengan semua dokumen yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, setelah kelulusan diberikan, proses pengeluaran bayaran ada kalanya mengambil masa memandangkan ianya melibatkan beberapa pihak seperti pemaju, peguam, pejabat tanah dan mahkamah untuk urusan pendaftaran milik gadaian dan perjalanan hak. Kelewatan mengambil tindakan oleh pihak-pihak ini adalah di luar kawalan Bahagian Pinjaman Perumahan dan merupakan faktor utama kelewatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Nor Azah dan Yang Berhormat Wan Ubaidah binti Omar telah membangkitkan tentang bon-bon yang akan diterbitkan. Saya ingin menegaskan bahawa pelaksanaan pensekuritian pinjaman perumahan bertujuan untuk membangunkan dan memantapkan lagi pasaran bon negara terutamanya penggunaan sekuriti berasaskan aset sebagai satu instrumen kewangan baru untuk memperolehi dana di pasaran modal serta mempelbagaikan dan menambah kecanggihan produk di pasaran bon tempatan. Ini bertujuan menampung pelbagai keperluan pelabur dan penerbit bon sejajar dengan teras utama agenda pembangunan pasaran bon tempatan.

Pensekuritian ini hanya melibatkan kerajaan menjual pinjaman perumahan kepada penerbit yang pula akan menerbitkan sekuriti berasaskan aset untuk membiayai pembeliannya. Dalam proses ini tidak ada perubahan terhadap kedudukan kerajaan sebagai pemegang gadaian atau sekuriti ke atas aset yang telah dicagarkan kepada kerajaan. Hasil yang akan diterima bagi setiap penerbitan pensekuritian ini akan digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan negara yang memberikan faedah kepada semua rakyat, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan menerbitkan bon ini berasaskan prinsip syariah dan juga *conventional* berdasarkan kepada kaedah asal pinjaman perumahan berkenaan yang telah dibuat. Perkhidmatan ini juga tidak akan meningkatkan kos kepada kerajaan. Setakat ini kerajaan telah menerbitkan bon sebanyak USD38.5 bilion dan 65 juta Euro di pasaran antarabangsa yang akan matang antara tahun 2005 hingga 2011.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Siti Zailah binti Jusoh telah membangkitkan tentang faedah yang dikenakan ke atas bayaran pinjaman perumahan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemohon pinjaman perumahan boleh memilih kaedah pembiayaan yang diperlukan sama ada mengikut kaedah *conventional* ataupun kaedah pembiayaan perumahan secara Islam (SPPI) mengikut prinsip syariah Al-Ba'i Bithaman Ajil yang tidak dikenakan faedah.

Al-Ba'i Bithaman Ajil bermakna jualan dengan harga tangguh, dengan izin, *deferred payment sale* iaitu menjual harta yang dijual kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran balik sehingga ke satu masa yang ditetapkan dan dengan bayaran beransur-ansur. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Siti Zailah tentang Kerajaan Kelantan menjual rumah tanpa faedah sebenarnya kerajaan, contohnya kalau kos pembiayaan RM35,000 kerajaan jual RM50,000, jadi sudah ada untung di situlah, kalau tidak dia tidak boleh jual.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa pelaksanaan pensekuritian pinjaman perumahan bertujuan untuk membangun dan memantapkan lagi pasaran bon negara terutamanya penggunaan sekuriti berasaskan aset sebagai satu instrumen kewangan baru untuk memperolehi dana di pasaran modal serta mempelbagai dan menambah kecanggihan produk di pasaran bon tempatan. Ini bertujuan menampung pelbagai keperluan pelabur dan penerbit bon sejajar dengan teras utama agenda pembangunan pasaran bon tempatan.

Pensekuritian ini hanya melibatkan kerajaan menjual pinjaman perumahan kepada penerbit. Penerbit pula akan menerbitkan sekuriti berasaskan aset untuk membiayai pembelian ini. Dalam proses ini tidak ada perubahan terhadap kedudukan kerajaan sebagai pemegang gadaian atau sekuriti ke atas aset yang telah dicagarkan kepada kerajaan. Saya juga ingin menekankan bahawa pensekuritian ini tidak akan dilaksanakan sekali gus dengan penerbitan bon sebanyak RM25 bilion. Malahan penerbitannya akan dilaksanakan secara berjadual dan dari masa ke semasa ikut keadaan dan keperluan pasaran.

Mengenai respons dari sektor swasta ianya amatlah menggalakkan dan mereka menyokong terhadap cadangan ini berasaskan kepada manfaat yang mereka akan perolehi dari cadangan ini seperti yang saya nyatakan sebelum ini. Saya ingin memberi jaminan bahawa kepentingan peminjam kakitangan kerajaan dan kedudukan Bahagian Pinjaman Perumahan tidak akan berubah. Syarat dan terma pinjaman

perumahan termasuk kadar faedah serta proses permohonan dan kelulusan akan terus kekal, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2003) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua

3.19 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2003 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ekonomi terkini alhamdulillah kita merasa bersyukur kerana prestasi ekonomi negara kita terus positif dengan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku tahun pertama tahun

2004 telah berkembang pada kadar 7.6% berbanding 4.6% bagi suku tahun pertama 2003.

Kadar ini juga merupakan yang paling tinggi sejak suku ketiga tahun 2000, malah lebih tinggi berbanding dengan negara-negara jiran ASEAN, Korea, Taiwan dan Hong Kong berbanding agregat terus mengukuh dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.0% setahun. Kerancangan pertumbuhan sebahagian besarnya telah diterajui oleh sektor swasta, hasil daripada pengukuhan dalam perbelanjaan pengguna dan peningkatan aktiviti pelaburan swasta. Dalam tempoh yang sama juga kadar inflasi terus kekal pada tahap yang rendah. Kadar Indeks Harga Pengguna bagi suku pertama 2004 adalah pada tahap 1% berbanding 1.2% pada tempoh yang sama pada tahun 2003, manakala prestasi Bursa Malaysia juga menunjukkan lantunan peningkatan yang menggalakkan.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2003 -

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2003. Peruntukan tambahan ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan. Ianya adalah bagi memperolehi kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2003 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Sebelum saya meneruskan ucapan ini, saya mohon memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa Maksud-maksud Bekalan ataupun 'B' untuk Perbelanjaan Mengurus dan Maksud-maksud Pembangunan yakni 'P' untuk Perbelanjaan Pembangunan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2003 (2004) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2003 bagi kementerian dan jabatan yang terlibat dalam anggaran tambahan ini adalah seperti Maksud Bekalan dan Pembangunan Bajet 2003 yang asal.

Oleh kerana itu, nama kementerian dan jabatan bagi Maksud-maksud 'B' dan 'P' yang berkenaan adalah seperti nama yang asal sebelum penyusunan semula kementerian dan jabatan yang berkuat kuasa pada 27 Mac 2004 yang lalu.

Keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2003 yang dibentangkan adalah berjumlah RM21,062,672,329. Daripada jumlah tersebut, hanya RM18,988,403,497 sahaja dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini.

Ini kerana bakinya sebanyak RM2,074,268,832 merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa sejumlah RM17,384,224,417 daripada RM18,988,403,497 keseluruhan anggaran tambahan yang dipohon diluluskan ini merupakan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan yang perlu dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Ini selaras dengan keperluan undang-undang di bawah subseksyen 10(1)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 yang mana lebih hasil yang dipindahkan tersebut boleh ditunjukkan sebagai Perbelanjaan Mengurus di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2003 sebenarnya, masih mempunyai baki peruntukan yang tidak dibelanjakan sebanyak RM1,835,961,041 manakala bagi Belanja Pembangunan pula telah terlebih belanja sebanyak RM661,816,756. Oleh itu secara keseluruhannya, peruntukan tahun 2003 masih mempunyai baki yang tidak dibelanjakan sebanyak RM1,192,144,285. Walau bagaimanapun, oleh kerana pindaan antara Maksud Bekalan tidak boleh dilakukan, maka peruntukan tambahan perlu dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini untuk diluluskan.

Antara sebab utama keperluan tambahan ini adalah untuk menampung pembiayaan Pembayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2003 yang pada asalnya tidak diperuntukkan bagi beberapa kementerian. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, keseluruhan jumlah bayaran bonus bagi kakitangan awam tahun lalu telah melibatkan peruntukan sebanyak RM1,261,111,286 merupakan satu jumlah yang besar. Kerajaan tetap mengambil keputusan untuk membayarnya sebagai tanda terima kasih kerajaan kepada kakitangan awam yang telah bersama-sama membantu melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Ini juga menunjukkan kerajaan kita merupakan majikan yang prihatin dan sayang kepada pekerjanya.

Secara terperinci peruntukan tambahan yang dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:-

Sebanyak RM528.9 juta di bawah Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan bagi tujuan seperti berikut:-

- (i) sebanyak RM508.9 juta adalah untuk membiayai pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia, elaun lebih masa, elaun bertugas atas

panggilan, elaun insentif klinik selepas waktu pejabat dan Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2003; dan

- (ii) sebanyak RM20 juta untuk membiayai Program Kempen Anti Merokok (Tak Nak).

Sebanyak RM174.5 juta di bawah Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan diperlukan untuk tujuan seperti berikut:-

- (i) sebanyak RM126.8 juta bagi membiayai Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2003;
- (ii) sebanyak RM47.7 juta untuk membiayai bayaran perbekalan aktiviti keselamatan dan penyelenggaraan Angkatan Tentera Diraja Malaysia.

Sebanyak RM172.7 juta di bawah Maksud B.28 - Perbendaharaan dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan disebabkan oleh kenaikan gaji, pertambahan perjawatan baru dan bagi membiayai aktiviti pemeriksaan, penyiasatan, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Sebanyak RM170 juta di bawah Maksud B.08 - Jabatan Perkhidmatan Awam bagi membiayai Program Tajaan Pelajar Ke Luar Negara bagi tahun 2003.

Sebanyak RM143.6 juta di bawah Maksud B.35 - Kementerian Dalam Negeri diperlukan bagi menampung emolumen bagi tambahan perjawatan baru pelarasan gaji bagi anggota Polis Diraja Malaysia dan Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2003.

Sebanyak RM100 juta di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun bagi membiayai pinjaman latihan dan kemahiran di bawah Tabung Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

Sebanyak RM74.2 juta di bawah Maksud B.45 Kementerian Sumber Manusia untuk tujuan berikut:

- (i) sebanyak RM70 juta bagi melaksanakan skim latihan graduan bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat, komunikasi dan perakaunan pada graduan menganggur dan
- (ii) sebanyak RM4.2 juta bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003.

Sebanyak RM68.4 juta di bawah Maksud B.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi melaksanakan program kebersihan dan membendung, mengawal dan menghindar dari merebaknya penyakit berjangkit.

Sebanyak RM45.4 juta di bawah Maksud B.44 - Kementerian Penerangan bagi membiayai penajaan siaran langsung Sukan SEA ke-22 di Vietnam serta bayaran sewa dan cukai Telekom.

Sebanyak RM33.7 juta di bawah Maksud B.33 - Kementerian Kerja Raya bagi menampung sebahagian daripada perbelanjaan bayaran pampasan tol kepada syarikat konsesi.

Sebanyak RM26 juta di bawah Maksud B.07 - Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan bagi meneruskan Program Peningkatan Kemahiran Siswazah di bawah Skim Latihan Graduan yang telah bermula sejak tahun 2001.

Sebanyak RM20.8 juta di bawah Maksud B.20 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri diperlukan bagi menampung bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003 untuk Perbadanan Produktiviti Negara dan bagi mewujudkan Tabung Mempromosi Jenama Malaysia di bawah program Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia iaitu MATRADE.

Sebanyak RM19.2 juta di bawah Maksud B.38 - Kementerian Pengangkutan untuk membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003, sewaan bangunan dan bayaran rebet bantuan khusus bayaran pekerja kontrak, utiliti, kos penyelenggaraan dan bayaran kepada Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Sebanyak RM8.1 juta di bawah Maksud B.40 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar diperlukan bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003.

Sebanyak RM5.3 juta di bawah Maksud B.10 - Jabatan Peguam Negara membiayai tambahan perbelanjaan mengurus berikutan penyusunan semula jabatan yang melibatkan pengubahsuaian ruang pejabat, tambahan bayaran emolumen dan saraan hidup kakitangan.

Sebanyak RM4 juta di bawah Maksud B.31 - Jabatan Kastam Diraja Malaysia diperlukan bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003.

Sebanyak RM3.4 juta di bawah Maksud B.11 - Badan Pencegah Rasuah bagi membiayai emolumen pegawai lantikan baru, bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003 dan penyelenggaraan kenderaan.

Sebanyak RM3.1 juta di bawah Maksud B.05 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam diperlukan untuk menampung perbelanjaan bagi menyelaraskan semula Akaun Amanah Jabatan Akauntan Negara, menjelaskan bayaran percetakan borang sistem pengambilan sepanjang masa dan bayaran imbuhan tahunan serta bayaran khas prestasi 2003.

Sebanyak RM1 juta di bawah Maksud B.18 - Kementerian Perusahaan Utama diperlukan bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003 bagi Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Sebanyak RM1 juta di bawah Maksud B.03 - Jabatan Audit Negara bagi membiayai pelaksanaan sistem saraan baru.

Sebanyak RM1 juta di bawah Maksud B.24 - Jabatan Muzium dan Antikuiti Negara diperlukan bagi membiayai bayaran penyelenggaraan makam dan tapak sejarah, bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan dan perkhidmatan pameran.

Tuan Yang di-Pertua, pemindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan. Mengikut subseksyen 10 (1)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 pindaan lebihan amaun dari Akaun Hasil Disatukan ke dalam Kumpulan Wang tertentu termasuk Kumpulan Wang Pembangunan hendaklah dilaksanakan melalui peruntukan undang-undang. Oleh yang demikian, bagi tahun 2003 lebihan dari Akaun Hasil Disatukan yang perlu dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM17,384.2 juta perlu ditunjukkan sebagai perbelanjaan mengurus di bawah Maksud B.30 - Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan Bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2003 ini adalah seperti Dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan kepada Kertas Perintah 15 tahun 2004 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan kepada Kertas Perintah 15A tahun 2004. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2003 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-

maksud yang tertentu bagi tahun ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.38 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam Akta Perbekalan Tambahan 2003 yang dibentangkan itu iaitu Akta 175 dan sekarang A1203 untuk perbekalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua kalau kita gabungkan keseluruhannya jumlah yang perlu di belanja pada tahun 2003 telah meningkat sehingga RM95.4 bilion dan ini adalah satu amaun yang begitu besar dan sungguhpun kerajaan ada sebutkan ia ingin mengurangkan defisit nampaknya setiap kali kita ada perbekalan tambahan itu maka kita perlukan peruntukan-peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh tentang beberapa tajuk yang saya rasa penting memandangkan ramai daripada rakan saya juga ingin memberi pandangan mereka dalam perkara ini. Semua duit yang dipohon itu telah dibelanja dan kita pun boleh lihat akibat daripada perbelanjaannya dan nampaknya dalam banyak aspek mungkin oleh kerana perancangan yang kurang memuaskan dan sebagainya maka maksud-maksud yang asal perbelanjaan itu tidak dapat dicapai. Oleh kerana itu kita perlukan tambahan seperti yang dipohon itu.

Biar saya menghuraikan beberapa maksud supaya kita lebih jelas apa yang saya sebutkan itu.

Yang pertama, B08 untuk Jabatan Perkhidmatan Awam, yang mana dipohon RM170 juta, ini ialah untuk satu Program Pembangunan Sumber Manusia Sektor Awam, iaitu khas untuk tajaan pelajar-pelajar di dalam dan luar negara bagi tahun 2003. Pada pendapat saya memandangkan sekarang sudah ada begitu banyak institusi pelajaran dan pengajaran di Malaysia sendiri termasuk adanya universiti-universiti antarabangsa yang telah membuka cawangan-cawangan di Malaysia, kerajaan harus mengkaji perkara ini, tentang aspek menghantar pelajar-pelajar ke luar negara kerana program ini ialah untuk membiayai tajaan program-program bagi pelajar di dalam dan juga di luar negara.

Kita patut melihat, kalau sesuatu kursus itu sudah ada dalam negara kita, maka kita mesti memberi keutamaan kepada pelajar kita supaya belajar di dalam Malaysia dan bukan di luar. Memandangkan tiap-tiap kali kita menghantar seseorang pelajar itu,

kita perlu menukar wang, mata wang asing itu selalu naik turun dan akibat daripadanya kerajaan kena tanggung banyak masalah dan sebaliknya juga kita mahu menjadikan Malaysia sebagai satu pusat kecemerlangan dalam pendidikan.

Baru-baru ini kita telah diberitahu bahawa universiti-universiti dan institusi-institusi tempatan akan memberi tempat kepada pelajar-pelajar dari negara-negara lain supaya datang ke Malaysia untuk belajar di sini. Jadi, kalau keadaannya sedemikian, mengapa kita masih menghantar pelajar-pelajar ke luar negara. Jadi, itulah satu perkara yang harus dikaji dengan mendalamnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kerana banyak daripada pelajar yang telah belajar itu mungkin tidak dapat balik untuk berkhidmat dengan negara.

Saya juga ingin tahu berapa daripada mereka yang mendapat bantuan sedemikian tidak kembali untuk berkhidmat di Malaysia, kerana ini juga adalah satu perkara yang bagi saya kena diawasi. Sekiranya mereka telah mendapat keputusan yang baik, adakah tajaan-tajaan ini akan ditukar kepada biasiswa atau dermasiswa kepada pelajar-pelajar sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seorang pelajar berasal dari Malaysia, namanya Lennard Lee, telah mencapai sejarah kerana beliau sempat berenang Selat Inggeris, Inggeris Channel yang seluas 33.6 kilometer itu dalam masa 9 jam 45 minit. Rekod berenang ini, ia dipegang oleh seorang dari Amerika Syarikat pada tahun 1986 yang telah berenang dalam masa 8 jam 45 minit. Sebelum Lennard Lee, Datuk Abdul Malik Mydin telah juga berenang dalam masa 17 jam 30 minit.

Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang muda ini telah menunjukkan kebolehan untuk meningkatkan semangat 'Malaysia Boleh'. Tujuan dia melibatkan dalam renang ini ialah untuk mengutip duit bagi satu aktiviti sosial iaitu untuk Tabung Kanser Tokong 'Seck Kia Eenh' di Melaka dan juga Hospital Christie di Manchester dan Kompleks Sukan di Universiti Cambridge.

Memandangkan Datuk Abdul Malik Mydin telah menerima banyak pengurniaan termasuk dikurniakan gelaran 'Datuk' selepas mencapai ini, saya juga berharap Jabatan Perkhidmatan Awam akan memberi biasiswa kepada Lennard Lee, memandangkan beliau ialah seorang pelajar tahun dua dalam bidang perubatan dan beliau patut juga memberi galakan untuk menunjukkan bahawa Malaysia adalah satu negara yang betul-betul menghargai pencapaian warganegaranya. Bila Datuk Abdul

Malik Mydin itu balik, beliau telah dapat sambutan sebagai seorang wira Malaysia, beliau diberi tanah, diberi rumah dan sebagainya.

Saya harap kerajaan juga akan mengguna budi bicaranya supaya menghargai prestasi Lennard Lee ini dengan memberi sebarang bantuan kepada beliau. Baru-baru ini apabila Perdana Menteri

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua,.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin minta maaf, ganggu sedikit. Oleh kerana saya pun ditarik oleh perbahasan Yang Berhormat Dato' tentang ganjaran ataupun *reward* kepada sesiapa juga warganegara Malaysia yang mencapai satu ataupun *achieves*, dengan izin. Saya fikir atau saya berasa bahawa mesti ada satu dasar di mana ganjaran seimbang atau *equal reward*, dengan izin, diberi kepada semua warganegara yang telah mencapai sesuatu.

Contoh, dua warga Malaysia yang pertama sekali berjaya mendaki Gunung *Everest* dan juga dua orang warganegara Malaysia yang pertama sekali dapat melintas Kutub Utara, *North Pole* dan sebagainya, saya rasa kalau kita beri untuk seseorang, semua pun mesti begitu juga. Apa pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin?

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum itu Yang Berhormat, walaupun Datuk Abdul Malik diberi pelbagai ganjaran termasuk pingat, tanah, rumah dan sebagainya tetapi saya pasti isteri yang beliau kahwini selepas daripada itu bukan pemberian sesiapa. Itu sudah hasil carian beliau sendiri. Sila teruskan, Yang Berhormat.
[Ketawa]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, memanglah beliau akan menjaga isteri dengan baiknya, itu adalah tanggungjawab seorang suami, khasnya seorang suami yang begitu termasyhur sekarang.

Tentang pertanyaan Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam itu, memang itu yang saya bangkitkan kerana masalah sedemikian. Tuan Yang di-Pertua, kita telah menyatakan di dalam negara ini, kita menghargai semua rakyat kita, khasnya mereka yang menunjukkan kebolehan dan juga membawa satu imej yang baik kepada Malaysia. Dalam rekod berenang beliau ini, sudah dekat dengan rekod yang dibuat pada tahun 1986, iaitu kurang sejam sahaja. Dahulu 8 jam 45 minit, sekarang 9 jam 45 minit, lebih sejam.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu pencapaian yang besar bagi seorang anak muda yang berharap pada satu hari nanti akan balik ke Malaysia untuk menyumbang jasa kepada pembangunan negara. Jadi, adakah kerajaan menghargai dan memberi ganjaran seperti yang diberi kepada Datuk Abdul Malek Mydin? Ini yang kita kena tunjuk kepada rakyat kita bahawa semua akan dihargai. Kita tidak kira bangsa, tidak kira warna kulit, asalkan dia orang Malaysia kita mesti menghargai.

Saya juga ada lihat, ada membuat perbandingan antara dua orang - yang pertama, yang berjaya mendaki Gunung Everest itu adalah berketurunan India tetapi baru-baru ini pelajar daripada UiTM yang mencapai kejayaan yang sama, tetapi kalau kita lihat dari segi sambutan, dari segi ganjaran dan penghargaan, nampaknya ada perbezaan. *[Memandang ke arah Yang Berhormat Dato' M. Ratnam]*

Dato' M. Ratnam: *[Mengangguk-anggukkan kepala tanda bersetuju]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Y.B. Datuk M. Ratnam pun setuju bahawa ada perbezaan. Jadi macam mana kita boleh membawa satu imej yang baik kepada masyarakat antarabangsa bahawa di Malaysia ini kita ada keadilan, kita memberi peluang yang sama kepada semua rakyat kita. Saya hendak tunggu, saya hendak tengok apa yang akan dibuat dalam kes ini – Lennard Lee. Sekarang beliau berada di universiti dengan tanggungan bapanya, biasiswa bapa. Pada pendapat saya kerajaan perlu menawarkan satu biasiswa kepada seorang yang telah membawa satu imej yang baik kepada generasi muda kita dan kita mesti menunjukkan bahawa di Malaysia kerajaan betul-betul menghargai pencapaian sedemikian.

Saya membawa perkara ini di bawah tajaan program pelajar kita di dalam dan di luar negeri oleh kerana perkara ini baru sahaja dan amaun yang telah dibelanjakan ialah sebanyak RM170 juta. Ini adalah satu amaun yang besar dan kalau kita beri kepada Lennard Lee pun amaunnya sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berjumpa dengan Lennard Lee di London baru-baru ini apabila beliau melawat Tony Blair, tetapi hanya setakat mengucapkan "Tahniah, *well done*". Saya tengok tidak ada apa-apa pengumuman pun! Tidak ada, semua diam sahaja. Saya berharap Timbalan Menteri kita ...

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Chin Fook Weng. Saya terpanggil, Tuan Yang di-Pertua, apabila istilah, ayat yang dipakai "ketidakadilan di dalam layanan oleh kerajaan kepada mereka yang mencipta sejarah" diluahkan. Saya kira segala pengiktirafan sememangnya telah ada dalam makluman pihak kerajaan dan bagi mereka yang telah pun diraikan di mana mencipta sejarah yang lepas tetap diusahakan termasuk oleh pihak NGO sendiri, dan saya dimaklumkan bahawa kita merasa bangga dengan kejayaan yang telah dicapai oleh seorang anak muda kita yang telah berjaya menyeberangi Selat Inggeris baru-baru ini dan saya dimaklumkan pihak kementerian memang telah pun merancang beberapa pengiktirafan yang akan diberi.

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, biasalah prosedur yang akan diambil oleh pihak kerajaan melibatkan kewangan dan mereka akan bertindak bagi memberi pengiktirafan terhadap pencapaian yang serupa juga kepada mereka yang mencipta sejarah walaupun kejayaan anak muda yang baru mencipta sejarah ini *distancenya* lebih pendek daripada *distance* yang dilalui oleh Datuk Malek Mydin, walaupun jangka waktunya adalah lebih pendek daripada Yang Berbahagia Datuk Malek Mydin, dan saya sendiri akui pengiktirafan patut diberi. Cuma kita tidaklah boleh menganggap kerajaan seolah-olah ada diskriminasi dari segi layanan.

Saya hendak sentuh sedikit, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan dengan izin Yang Berhormat Dato' Chin, tadi Dato' ada menyentuh tentang JPA – Jabatan Perkhidmatan Awam tentang dasar pengiriman pelajar ke seberang laut haruslah diteliti dan dihalusi agar jumlah peruntukan untuk menghantar pelajar-pelajar ke luar negara itu dapat digunakan kerana ia melibatkan pertukaran wang asing, patut mereka ini memenuhi matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mempersoalkan sedikit dari segi pelajar-pelajar swasta dan saya juga ingin sentuh dari segi untuk mengimbangi dasar keadilan di negara kita. Jumlah pelajar-pelajar swasta yang belajar di luar negara adalah jauh lebih tinggi daripada pelajar-pelajar tajaan baik oleh kerajaan negeri ataupun JPA yang berada di luar negara. Umpamanya, antara 80 peratus pelajar swasta dan saya tidak mahu mempertikaikan siapa, dan 20 peratus pelajar yang ditaja oleh JPA atau kerajaan negeri adalah terdiri daripada mereka yang kurang mampu, tidak mampu tetapi mempunyai kebolehan, kepintaran, *intelligence*, *genius* dan lantaran itu kita tahu

pusat-pusat pengajian tinggi, produk daripada UK, daripada Russia, France ataupun daripada USA, Australia ataupun New Zealand, setiap produk yang dikeluarkan melalui biasiswa ini berlainan kualitinya – mempunyai kelebihan-kelebihan dari segi *research R&D* apabila mereka pulang dan ada juga yang terus menetap di sana dan tidak kurang juga yang ditaja pihak swasta, hampir 70 peratus daripada mereka terus menetap di luar negara, memberi khidmat kepada negara-negara luar dan inilah yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri galakan-galakan supaya mereka ini pulang. Dan kebanyakan pelajar-pelajar yang ditaja oleh JPA ataupun kerajaan-kerajaan negeri, hampir 90 peratus pulang berkhidmat untuk negara.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita akui pelajar-pelajar yang berada di luar negara, produk daripada luar negara mempunyai, bukan hendak dikatakan sedikit kelebihan, tetapi mempunyai kelebihan di dalam berbagai-bagai bidang dan di dalam negara juga produknya tidak juga kurang kualitinya tetapi mempunyai kelebihan-kelebihan di dalam bidang-bidang tertentu.

Jadi, apakah salahnya kerajaan terus dengan dasar pengiriman pelajar ke luar negara kerana ini adalah di antara salah satu dasar negara agar keseimbangan di dalam menentukan wujudnya perpaduan supaya tidak wujud rasa tertinggal kerana terlalu ramai yang bukan berada di luar negara, ditaja oleh swasta yang mampu, tetapi yang ingin ke luar negara tetapi tidak mampu kalau kerajaan tidak bantu, ertinya mereka akan berada di bawah *cocoon*, dengan izin, berada di bawah tempurung, *knowledgenya* tertutup.

Inilah di antara perkara yang saya ingin minta direnungkan bersama dan saya tidak mahu ada unsur-unsur negatif seolah-olah wujud rasa diskriminasi, terutamanya dalam soal-soal pendidikan, soal-soal seperti pengiktirafan. Tetapi kalau diberi masa, saluran-saluran tertentu memang ada dan saya yakin kerajaan sentiasa sensitif dengan perkara-perkara sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Chin. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Saravanan: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Laluan, laluan.

Tuan M. Saravanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga berasa turut terpanggil untuk memberi sedikit pendapat saya. Saya cukup setuju dengan

kakanda saya Datuk Yaakob, apa yang beliau katakan janganlah perkara-perkara ini ditimbulkan. Akan tetapi saya rasa kita sebagai kerajaan, perlu mengambil kira beberapa faktor yang akan menimbulkan silap faham di antara semua rakyat jelata di Malaysia sebab tadi saudara saya, Dato' Dr. Chin telah membangkitkan isu mengenai saudara yang mendaki Gunung Everest - Encik Mohan Das dan Mahendran tetapi selepas itu Datuk Azhar bin Mansor yang telah mengelilingi dunia ini dan Datuk Abdul Malik, semua ini yang telah memberi imej baru kepada negara kita, telah diberi gelaran 'Datuk' akan tetapi sampai sekarang saudara Morhan Das dan Mahendran sebagai pendaki Gunung Everest yang pertama di Malaysia tidak dapat sebarang ganjaran seumpama itu. Maka saya percaya kerajaan akan mengambil kira perkara ini dan memberi ganjaran yang sepatutnya kepada semua pihak. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua rakan saya di atas pandangan dan juga teguran mereka. Memanglah itu yang kita perjuangkan Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya ingin membangkitkan perkara-perkara perkauman, saya patut tidak menjadi Ahli Parti Gerakan kerana Parti Gerakan adalah untuk semua. Kalau saya mahu membangkitkan isu-isu perkauman, saya patut menjadi Ahli MCA yang memperjuangkan hak-hak rakyat Malaysia keturunan China. Jadi apa yang saya ingin mengingatkan kepada kerajaan ...

Tuan Lee Sing Chooi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak beri laluan?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila, sila.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin kerana memberi laluan. Berkenaan dengan MCA ini yang dicakapkan tadi, Ahli Dewan Negara ini sebagai Senator kita kena *transient racial* dan juga menjadi satu komponen dalam Barisan Nasional. Walaupun ahli setiap parti itu adalah mengandungi satu bangsa atau lebih tetapi bila hendak tengok, hendak meninjau dan juga menganalisis bangsa nasional itu, patutlah dipandang dengan kaca mata sebagai yang terbaik bagi Malaysia, sebagai nasional dan bukan satu kaum sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat menjawab dan mengupas, dan sebelum kita ditenggelami oleh retorik politik, isu yang khususnya ialah 'Pengiktirafan dan Ganjaran Terhadap Kecemerlangan'. Jangan menampakkan perbezaan mengikut kaum dan keturunan. Isunya penghargaan dan pengiktirafan terhadap kecemerlangan. Lain-lain perkara sudah pun dijadikan sasaran di bawah 20 tahun Dasar Ekonomi Baru dan pelbagai lagi. Perkara yang dibincangkan hanyalah 'Ganjaran dan Pengiktirafan Terhadap Kecemerlangan'. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang kita mahu capai. Itulah yang saya ingin perjuangkan supaya setiap pencapaian itu kita memberikan pengiktirafan dan penghargaan. Kalau kita berbuat demikian tanpa mengira keturunan, asal dan juga warna kulit seseorang itu, maka kita sudah mencapai keseimbangan. Itu yang patut kita lakukan. Sungguhpun Perdana Menteri telah berpeluang berjumpa dengan pelajar ini di London dan telah memberi ucapan tahniahnya sendiri kepada pelajar ini, tetapi setakat ini kita belum lihat.

Tadi rakan saya Yang Berhormat Datuk Yaakob telah menyatakan bahawa ada dalam rancangan. Itu baik. Itu memang satu perkara yang baik dan saya tunggu Tuan Yang di-Pertua, tunggu dan lihat. Kalau pada sidang Disember itu saya tidak lihat apa-apa, saya berpeluang lagi membangkitkan perkara ini di bawah Bajet untuk tujuan-tujuan B.08 ini. Saya berpeluang lagi Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Saya berharap selepas ini kita akan melihat di Malaysia ini semua pencapaian dan sebagainya seperti yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua itu akan diberi penghormatan, penghargaan dan juga ganjaran yang berpatutan demi menggalakkan lagi rakyat kita mencapai kecemerlangan bagi negara kita. Ini yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada B.11 iaitu BPR – Badan Pencegah Rasuah. Mereka telah diperuntukkan sebanyak RM3.378 juta untuk Emolument dan juga Bayaran Khas Prestasi 2003. Dengan adanya penggalakan, pengambilan pegawai baru dan sebagainya, saya berharap BPR ini akan membantu kerajaan dalam memajukan lagi maksud kerajaan untuk mencegah rasuah. Saya yakin dengan peruntukan yang diberi kepada mereka ini, mereka dapat memainkan satu peranan yang lebih aktif dalam mencegah rasuah itu supaya ia tidak menjadi satu isu di negara kita.

Di Dewan Rakyat, di Dewan Negara, semua Ahli Parlimen telah memberi sokongan sebulat suara terhadap tindakan kerajaan untuk menghapuskan perkara

rasuah ini dan saya berharap bahawa usaha mereka itu akan mencapai hasrat-hasrat yang telah diharapkan oleh rakyat. Dalam pilihan raya yang lalu itu, kerajaan telah berjanji bahawa isu ini akan diatasi dan langkah-langkah telah diambil tetapi oleh sebab *complexity* perkara ini, maka ia mengambil masa.

Mereka yang dibawa ke mahkamah pada hari ini pun masih belum dibicarakan, kita tidak lihat ada kejayaan dalam perkara ini. Saya berharap dengan penambahan RM3.378 juta ini, maka usaha mereka akan ditingkatkan dan saya juga sangat berharap bahawa apabila mereka berjaya mengambil tindakan-tindakan yang tegas, maka imej kita di kalangan masyarakat antarabangsa akan naik dan juga kedudukan kita dalam indeks ketelusan atau *transparency index* itu akan juga meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk B.14 iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM68.44 juta telah digunakan sebagai pendahuluan keperluan wang luar jangka bagi maksud kebersihan, membendung, mengawal dan menghindar dari merebaknya penyakit berjangkit. Bagi saya usaha kebersihan biarlah satu usaha yang berterusan. Kita jangan tunggu sampai ada penyakit-penyakit berjangkit baru bagi satu peruntukan yang begitu besar ini untuk tujuan menghapuskan penyakit ini. Kita patut sentiasa mengawasi keadaan supaya tidak wujudnya penyakit yang berjangkit seperti ini. Bila sudah berlaku baru kita ada peruntukan untuk mengatasinya.

Jadi, saya kurang puas hati dengan mereka yang telah diberi tanggungjawab untuk menjaga kebersihan tetapi tidak berbuat demikian dengan baik dan tunggu sampai ada masalah atau tunggu sehingga sesuatu itu telah berlaku baru kita bertindak. Pada jangkaan saya ini kurang memuaskan. Saya berharap bahawa tiap-tiap kali kementerian ini mengadakan program-program dan kempen-kempen, itu mesti telah dirancang untuk segenap masa dan bukan tiba-tiba sahaja dilaksanakan.

Di bawah Maksud B.07 iaitu RM26 juta bagi Jabatan Perdana Menteri bagi maksud Peningkatan Kemahiran Siswazah Di bawah Skim Latihan Graduate. Nampaknya duit ini telah diperuntukkan tiap-tiap tahun sejak 2001 bagi meningkatkan kemahiran siswazah. Jadi, saya ingin tanya adakah siswazah-siswazah yang berijazah dari universiti dan institusi-institusi pendidikan tinggi itu diberi latihan yang tidak mencukupi sehingga kerajaan kena masuk campur tangan untuk meningkatkan kemahiran siswazah-siswazah ini. Kalau ini berlaku maka saya dapati ada kekurangan dalam sistem pelajaran kita. Kalau seorang itu keluar dari universiti dengan ijazah yang

diiktiraf oleh kerajaan, oleh JPA dan sebagainya, maka kalau kita masih perlukan program kemahiran siswazah ini nampaknya pelajaran kita ada kekurangan.

Jadi, saya ingin tahu adakah JPM berpuas hati dengan kursus-kursus yang kita sedia ada dan sama ada perlukah kita berterusan dengan satu peruntukan sebanyak ini tiap-tiap tahun. Ini adalah satu perkara yang saya harap pihak yang berkenaan dapat memberi penjelasan.

Tentang Maksud B.20 untuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak RM20.787 juta ini, banyak daripada peruntukan ialah untuk imbuhan bangunan, tetapi sebahagian itu ialah untuk MATRADE iaitu satu Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. Setahu saya mereka ini ada program tertentu di luar Malaysia untuk menggalakkan lebih pelaburan kepada Malaysia dan sebagainya. Tetapi nampaknya kebelakangan ini kita tidak ada banyak FDI yang masuk ke Malaysia.

Jadi, adakah usaha MATRADE ini sudah berjaya dan kita gunakan sebahagian daripada peruntukan ini untuk satu tabung yang dinamakan Tabung Mempromosi Jenama Malaysia di bawah MATRADE itu. Nampaknya kejayaan itu sangat berkurangan kerana kita diberitahu oleh MITI bahawa kebelakangan ini sedikit sahaja FDI yang masuk ke Malaysia. Kita memerlukan pelaburan itu untuk memajukan lagi industri-industri kita dan juga untuk memajukan lagi kilang-kilang yang sedia ada supaya kita dapat memberi pekerjaan kepada rakyat kita dan juga produktiviti dan juga barangan kita dapat dijual di pasaran antarabangsa dengan harga yang baik dan juga ia mempunyai kualiti yang baik. Tetapi kalau kita tidak ada *Foreign Direct Investment* (FDI) yang masuk, adakah MATRADE tidak menjalankan fungsinya dengan baik. Saya berharap dengan tabung ini maka usaha-usaha MATRADE itu akan mencapai kejayaan yang telah diharapkan.

Kemudian, satu perbelanjaan di bawah Maksud B.28 untuk Perbendaharaan sebanyak RM172.7 juta itu. Antara lain ialah untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu untuk pemungutan, penaksiran, penyiasatan, pemeriksaan dan juga penguatkuasaan. Kita akan melaksanakan Sistem Nilai Sendiri pada tahun hadapan. Memandangkan dengan cara menjalankan tugas yang baru itu, LHDN patut mengkaji cara bekerjanya kerana banyak daripada kerja-kerja untuk menilai hasil pendapatan dan sebagainya dan juga amaun cukai yang dibayar dipertanggungjawabkan kepada sipembayar cukai sendiri.

Memandangkan demikian, adakah kita perlu lagi memberi begitu banyak tumpuan kepada pemeriksaan atau kita hanya menumpukan kepada pemungutan dan juga penguatkuasaan sekiranya *samples* yang kita periksa itu didapati ada masalah. Patut kita menukar skop pekerjaan kita supaya kita dapat mengurangkan lagi perbelanjaan untuk tujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Maksud B.33, Kementerian Kerja Raya sebanyak RM33.7 juta itu saya telah menyentuh perkara ini semasa kita membincangkan Rang Undang-undang Pinjaman Perumahan Kerajaan sebagai contoh, kita telah menswastakan banyak daripada projek lebuhraya kita dan maksud amaun ini ialah supaya kita dapat membayar pampasan tol kepada syarikat-syarikat konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyoalkan kenapa kita ada satu sistem yang diguna pakai di Malaysia yang mana kita tidak tahu, kita tidak dapat umumkan berapa banyak tol akan dikutip apabila kita menandatangani perjanjian dengan pihak konsesi. Kita mahu tunggu sampai siap lebuhraya itu dan selepas itu mula beroperasi baru satu cadangan dibentangkan kepada Kabinet untuk kelulusan dan kemudian dilaksanakan.

Kenapa kita tidak dapat memutuskan pada awalnya dan kenapa kita tidak menggunakan satu formula yang mana kerajaan tidak perlu mengeluarkan duit untuk bayaran pampasan tol ini.

Kita patut mengadakan satu formula yang dapat membantu para pengguna jalan raya serta juga kerajaan dan kalau pihak konsesi itu membuat pengiraan yang silap, mereka telah melakukan sesuatu kesilapan perniagaan dan biarlah mereka yang menanggung kos itu dan bukan kerajaan yang patut menanggung kos ini dan setiap kali kita kena bayar pampasan. Setiap kali sejak saya berada di Dewan ini, kita kena keluarkan duit pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi ini. Adakah ini berpatutan Tuan Yang di-Pertua?

Kerajaan harus mengkaji sistem yang diguna pakai sekarang supaya perkara semacam ini jangan wujud dan kalau ada, kita patut *negotiate* semula dengan pihak ini, mengadakan rundingan sekarang di bawah tajuk air, kita sedang berbuat demikian. Menteri yang baru itu didapati bahawa bayaran yang dibuat kepada konsesi itu terlalu tinggi hingga menjadi suatu kebimbangan yang begitu sukar kepada pengguna-pengguna air.

Akibat daripada itu, maka mereka telah kata akan mengkaji semula kadar-kadar itu dan akan merunding semula kadar-kadar itu supaya kadar itu dapat diturunkan tetapi ganjaran-ganjaran yang berpatutan atau projek-projek yang lebih besar itu mungkin akan ditawarkan kepada mereka ini. Ini adalah satu jalan keluar supaya tidak membebankan rakyat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah tol ini dikenakan juga di negara-negara maju di negara lain sebab saya tengok di Thailand tidak ada tol ini dan begitu juga di England. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Setahu saya bukan semua

Tuan Ismail bin Kasim: Kebetulan Tuan Yang di-Pertua. Tol di Thailand ini

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belum

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Apa?

Tuan Ismail bin Kasim: Tol di Thailand ada di Bangkok.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri laluan kepada Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya sila, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Puan Siti Zailah, di Bangkok ada tol. Di Jakarta pun ada tol juga.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, memang itu betullah. Setahu saya di PRC (Peoples Republic of China) juga ada tol. Di India juga ada tol dan di banyak tempat pun ada tol. Ini kerana rakyat ingin menggunakan satu lebuh raya yang lebih canggih dan lebih selamat dengan ciri-cirinya kalau dibandingkan dengan jalan-jalan lama.

Dahulu saya sudah katakan di sini bahawa dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa lapan jam. Sekarang saya boleh sampai di sini mengikut had laju bukan melebihi had laju dalam masa tiga setengah jam (Pulau Pinang ke Kuala Lumpur) mengikut had lalu tidak melebihi 110 kilometer sejam Tuan Yang di-Pertua, boleh sampai. Dahulu saya mengambil masa lapan jam tetapi saya

kena bayar RM15.30 sehingga Ipoh dan kemudian dari Ipoh Selatan ke Kuala Lumpur RM24. Jadi itu jumlah yang saya kena bayar.

Tetapi itu sudah meningkat Tuan Yang di-Pertua. Dahulu kurang tetapi sudah meningkat dan saya diberitahu tahun depan mungkin akan meningkat lagi. Jadi, adakah kita melaksanakan satu sistem yang betul-betul menguntungkan rakyat ataupun menguntungkan PLUS sahaja dan juga konsesi-konsesi tol yang lain? Itu yang saya tanya di sini kenapa ada formula yang setiap kita kena ada bayaran pampasan tol? Ini tidak akan habis Tuan Yang di-Pertua.

Kenapa kita tidak ada satu fasal dalam perjanjian itu supaya kita dapat merunding semula harga ini dan mungkin bagi mereka satu jangka masa yang lebih panjang untuk mengutip top tetapi jangan setiap kali membebankan rakyat. Ini adalah suatu perkara yang saya harus

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini bermakna pada prinsipnya Yang Berhormat tidak bangkang diadakan tol.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tidak, tidak kerana itu adalah satu kemudahan. Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar menghargai keadaan tandas di tempat-tempat rehat itu, betul-betul bagus, betul-betul bersih. Dahulu, semasa saya naik bas, bas bawa saya ke satu pondok di luar dan lepas itu, bila saya masuk ke tandas, begitu berbau.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya beli makanan dari sana, saya kena bayar begitu tinggi dan saya lihat *driver* saya masuk ke satu bilik berdinging untuk makan makanan yang istimewa dan kemudian diberi dua paket rokok setiap orang. Semua itu saya bayar atau semua penumpang yang menggunakan kemudahan itu bayar. Tetapi kita tidak ada pilihan kerana bas itu membawa kita ke tempat itu dan kalau kita lapar, kita kena makan.

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat yang mohon laluan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya hendak mohon penjelasan atau hendak mohon laluan, sila bangun dan sebutkan ungkapan 'Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan'. Dengan itu menarik perhatian Ahli yang sedang bercakap.

Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon laluan.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat. Apabila kerajaan bayar pampasan tol ini, kemudian pun bayar. Adakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya bahawa rakyat telah membayar dua kali. Satu bayar tol dan wang kerajaan itu juga adalah wang rakyat, jadi dua kali bayarlah. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu yang saya bangkitkan sekarang kenapa kita perlu berbuat demikian. Adakah dalam perundingan perjanjian itu kita telah silap dan kita telah memberi syarikat konsesi ini terlalu banyak kemudahan. Itu yang kita patut mengkaji semula dan di Kementerian Kewangan itu ada pakar-pakar yang mahir dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak ini akan membantu Kementerian Kerja Raya itu supaya mengkaji semula perkara ini, kalau tidak ini akan berterusan. Tetapi kemudahan-kemudahan itu seperti yang saya terangkan Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Sekarang saya sempat mandi di tempat rehat dan rehat dan makan di dalam tempat yang selesa dan bersih dan sebagainya.

Itu sangat dihargai tetapi kita kena bayar, tetapi kita kata bukan kita tidak mahu bayar tetapi amaun yang kita bayar itu mestilah berpatutan dan juga kita mampu membayarnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kempen 'Tak Nak' – kempen anti merokok itu 'Tak Nak' di bawah maksud B.34 yang diuruskan oleh Kementerian Kesihatan, maka RM20 juta telah diperuntukkan dan sasaran kempen ini ialah terhadap golongan remaja berumur 15 hingga 18 tahun. Saya ingin tahu setakat ini berapa kempen yang telah diadakan dan sama ada kita juga berjaya dalam mengatasi segala masalah ini.

Sungguhpun tiap-tiap kali dalam perbelanjaan, kerajaan telah menaikkan harga rokok, harga samsu dan sebagainya, nampaknya golongan remaja ini masih berminat untuk membeli rokok dan kemudian telah berbelanja banyak.

Dahulu dalam ingatan saya, Tuan Yang di-Pertua, semasa saya kecil, kita boleh beli satu batang rokok dari kedai. Kalau kita perlu rokok, satu batang sahaja sudah dapat dibeli. Tetapi selepas itu dirasakan bahawa itu adalah menggalakkan ramai orang merokok dan kemudian telah diputuskan, bahawa boleh beli satu paket

sahaja dan sekarang saya diberitahu bahawa kerajaan sedang mengkaji, kalau hendak jual, jual paket besar sahaja dan mungkin dengan harga yang begitu tinggi sehingga ramai orang tidak dapat beli. Tetapi sama ada itu akan mencapai hasrat kerajaan...

Puan Jaya Partiban: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato'. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Dato' bahawa buat masa sekarang pun di kedai-kedai runcit terutamanya di kawasan luar bandar dan juga di sektor perladangan, budak kecil pun boleh beli satu batang atau dua batang rokok, bukan satu paket. Dan juga mereka yang di bawah umur 18 tahun ataupun 15 tahun pun boleh beli minuman arak dan juga rokok dengan harga yang rendah berbanding dengan kedai-kedai besar, di bar-bar ataupun tuan punya kedai itu ada mempunyai lesen untuk menjual arak. Walaupun kedai-kedai runcit tidak mempunyai lesen untuk menjual arak, tetapi ada juga dijual.

Saya ingin tahu pandangan Yang Berhormat Dato', apakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ataupun Kementerian Dalam Negeri mengharamkan kedai-kedai runcit yang tidak mempunyai lesen daripada menjual arak dan juga menjual arak dan rokok kepada mereka yang di bawah umur. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersetuju bahawa usaha kita dalam bidang ini nampaknya tidak mencukupi. Sungguhpun kerajaan telah memerintahkan semua syarikat rokok itu supaya pada paket itu ada disebutkan "Merokok Membahayakan Kesihatan" dan sebagainya, sungguhpun itu diperingatkan, tetapi nampaknya tidak begitu berkesan.

Membenarkan kedai-kedai runcit itu menjual arak dan sebagainya, setahu saya adalah satu perkara yang tidak harus berlaku kerana mereka mesti mempunyai lesen arak dan saya berharap mereka yang diberi kuasa di bawah perkara ini supaya lebih mengawasi perkara ini dan mengadakan satu sistem tinjauan dan kemudian penguatkuasaan yang lebih baik supaya kita dapat mengatasi masalah ini. Saya memang setuju bahawa ini adalah satu kekurangan yang patut diatasi.

Satu lagi amaun, RM508.86 juta itu ialah untuk menanggung sistem saraan, elaun lebih masa, elaun bertugas dan panggilan, elaun insentif klinik selepas waktu kerja dan sebagainya bagi kakitangan-kakitangan di bawah Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah mendengar bahawa Menteri Kesihatan yang baru itu telah bercadang untuk mengadakan satu program untuk

membuka wad swasta di hospital-hospital kerajaan yang terpilih, beberapa hospital kerajaan di tempat-tempat yang sesuai. Saya berharap kalau kita melaksanakan satu sistem sedemikian, kita tidak akan menjejaskan servis dan juga perkhidmatan yang diberi setakat ini kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan hospital kerajaan, khasnya golongan yang berpendapatan rendah ini.

Adakah kita memberi ruang dengan mengadakan wad-wad swasta ini di hospital kerajaan, bahawa kakitangan Kementerian Kesihatan akan menumpukan masa mereka di sini kerana mereka dapat bayaran tambahan, tetapi kerja-kerja biasa mungkin tidak dilakukan dengan baik. Itu pun kita telah mempersoalkan.

Kalau kita ada satu sistem tuisyen sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, guru-guru mungkin enggan mengajar dengan baik kerana dia kata selepas waktu sekolah itu datang ke rumah saya dan dapat tuisyen dan dia memperolehi bayaran tambahan. Dan sekarang kita lihat bahawa amalan sedemikian akan diperkenalkan kepada hospital-hospital dan sebagainya.

Saya minta supaya satu kajian yang betul-betul baik dan mendalam dijalankan sebelum melaksanakan cadangan ini, kerana ia ada banyak implikasi, kerana kemudahan-kemudahan yang dikhaskan kepada mereka yang berpendapatan rendah itu akan diguna untuk mereka yang perlu bayar dan kemudian servis yang diberi kepada pesakit-pesakit am itu sudah kurang baik.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud B.35 iaitu di bawah kementerian yang lama, Kementerian Dalam Negeri, sekarang dipecahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri diperuntukkan sebanyak RM143.557 juta dan banyak daripada ini ialah untuk emolument.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa tiap-tiap kali kita ada peruntukan-peruntukan yang besar, tetapi dari segi pencapaian pihak polis untuk mengatasi masalah-masalah jenayah itu nampaknya masih berkurangan dan tiap-tiap kali apabila ditanya kenapa, mereka kata ini adalah kerana kekurangan kakitangan, kekurangan kemudahan, kekurangan kereta dan sebagainya. Adakah semua ini betul, Tuan Yang di-Pertua?

Kementerian Dalam Negeri harus mengkaji perkara ini. Kalau kita lihat sekarang, kes-kes jenayah ragut itu pun sudah meningkat, kes-kes rogol, kes-kes pembunuhan, semua itu sudah meningkat. Kalau pihak polis dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih baik, maka mungkin masalah-masalah ini dapat dikurangkan.

Jadi, kita telah memberi satu peruntukan yang begitu besar kepada Kementerian Dalam Negeri untuk tujuan emolument dan saya berharap dengan adanya peruntukan ini, maka prestasi dan produktiviti mereka akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud B.40, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebanyak RM8.116 juta diperuntukkan bagi bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2003.

Pagi tadi saya sempat berjumpa dengan menteri yang baru dan nampaknya usaha untuk membasmi kemiskinan itu adalah dilaksanakan tetapi jauh daripada mencapai hasratnya. Saya berharap dengan Imbuhan Tambahan dan juga Bayaran Khas Prestasi 2003 ini, kakitangan di bawah kementerian ini akan lebih berusaha supaya kita dapat mencapai kemiskinan sifar di Malaysia.

Kita masih sedih melihat di tempat-tempat tertentu, penduduk-penduduk masih tidak ada perlindungan yang mencukupi, masih ada masalah sungguhpun kita tidak ada kes-kes kelaparan yang berlaku di Malaysia tetapi masih ada di banyak tempat yang mana penduduk-penduduknya betul-betul miskin. Jadi banyak usaha perlu ditumpukan kepada menghapuskan perkara kemiskinan ini. Saya berharap dengan peruntukan baru bagi Imbuhan Tambahan dan juga Bayaran Khas Prestasi ini, maka pegawai-pegawai yang bertugas itu akan memberi perhatian kepada usaha menghapuskan kemiskinan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Sumber Manusia yang diberi di bawah Maksud B.45 sebanyak RM74.207 juta itu dan RM70 juta daripada peruntukan ini ialah bagi melaksanakan Skim Latihan Graduan untuk meningkatkan kemahiran graduan yang menganggur itu dalam dua bidang - satu ialah bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (IT) dan satu lagi ialah dalam bidang Perakaunan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita dapati para graduan kita itu selalu ada masalah mendapat pekerjaan, kenapa pada mulanya kita membenarkan kursus-kursus sedemikian yang akhirnya mereka tidak dapat mencari pekerjaan? Kenapa kita tidak mulakan dengan kursus Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan juga Perakaunan serta menggalakkan lebih pelajar itu masuk ke dalam kedua-dua kursus ini? Apabila dia mendapat ijazah, dia sudah dapat kepakaran dalam kedua-dua bidang ini dan tidak perlu lagi Kementerian Sumber Manusia memberi satu peruntukan sebanyak RM70

juta untuk melatih orang-orang ini. Adakah selepas latihan ini, mereka akan dapat pekerjaan? Itu yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, kalau didapati kursus-kursus yang diambil oleh pelajar itu kurang sesuai yang mengakibatkan mereka tidak dapat pekerjaan, maka kita hentikan kursus-kursus itu dan memperkenalkan kursus-kursus di universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi yang mana lakunya pelajar selepas mereka berijazah untuk mendapat pekerjaan. Kalau tidak ada kursus-kursus yang mana industri telah menunggu pelajar ini menghabiskan pelajaran mereka ataupun sudah menawarkan pekerjaan kepada mereka semasa menjalankan latihan perindustrian di kilang-kilang tertentu, itu pada saya lebih baik.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidakkah mungkin di universiti, mereka diberi ilmu dan pengetahuan sedangkan peruntukan yang diminta itu digunakan untuk mencanai keterampilan atau *skill*?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, memang itu ada kerana dari segi akademik, banyak dari latihan yang diberi di universiti-universiti itu ditumpukan kepada membuka pemikiran pelajar itu dan mendedahkan pelajar itu kepada perkara-perkara baru, teori-teori baru dan prinsip-prinsip baru, dan akhirnya melatih seorang yang apabila siap sahaja, keluar daripada universiti sudah sempat mengambil alih sebarang tugas yang diberikan kepadanya sebagai seorang yang terlatih.

Itu ialah hasrat pendidikan di peringkat tinggi. Kalau di peringkat politeknik dan peringkat rendah, maka tumpuan adalah khusus kepada kemahiran-kemahiran. Kalau dikatakan seorang operator mesin, tumpuannya ialah kepada bagaimana mengoperasikan mesin tersebut dan bukan kepada teori-teori yang begitu rumit dan kompleks, itu tidak perlu. Tetapi di peringkat universiti, maka itu perlu.

Jadi, akibat daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, adakah kita mengeluarkan terlalu banyak graduan di peringkat tinggi tetapi di peringkat pertengahan dan bawahan itu, kita kurang orang. Kalau kita kena latih orang yang berkelulusan tinggi itu untuk menjalankan tugas-tugas yang boleh dijalankan di peringkat bawahan itu, adakah kita membelanjakan duit kita dengan bijaksana?

Ini adalah isu-isu yang patut dikaji dengan mendalam oleh pihak Kementerian Sumber Manusia supaya kita betul-betul menawarkan kursus-kursus yang akan menghasilkan seorang pelajar yang ada kebolehan dan kita tidak perlu lagi memberi

latihan-latihan tambahan sebagai persediaan tambahan. Adakah ini bermakna apabila seseorang itu berijazah, dia masih tidak tahu apa. Kalau demikian, mungkin kita harus mengkaji semula adakah sistem pelajaran kita memang menumpukan kepada menghasilkan seorang yang berguna ataupun hanya memberi pendedahan-pendedahan yang luas kepada orang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi kita sudah pun ada kolej-kolej universiti yang menggunakan model Jerman yang menekankan soal-soal kemahiran.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itu memang ada tetapi dari segi sama ada itu mencukupi, jadi kita kena tengok apa tumpuan kita. Kalau tidak, tiap-tiap tahun kita akan diminta memberi satu peruntukan di bawah Skim Latihan Graduan ini, setiap kali kita diperlukan memberi satu peruntukan. Jadi kita kena mengkaji, bukan sahaja setiap kali minta tetapi kita harus mengkaji sama ada peruntukan ini digunakan dengan sebaiknya dan sama ada kita patut tukar cara kita supaya peruntukan itu tidak perlu lagi. Ini adalah perkara-perkara yang pokok bagi saya yang harus dikaji dengan mendalam.

Kalau kita dapati sekarang sudah ada terlalu banyak institusi-institusi bertaraf akademik dan kita sebenarnya memerlukan mereka yang ada kemahiran, mungkin kita patut wujudkan lebih politeknik dan juga kolej-kolej yang lain yang memberi latihan dalam aspek-aspek yang dikaji itu kerana semua ini akan menyumbang kepada pembangunan sumber manusia untuk negara. Kerajaan memang memainkan peranannya dalam mengatasi masalah ini tetapi kalau kita dapat maklum balas daripada industri dan majikan, mungkin kita dapat memperbaiki lagi keadaan yang wujud sekarang.

Jadi, itulah komen-komen saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang Di-Pertua: Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

4.50 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua di atas kebenaran yang diberi kepada saya untuk membahas rang undang-undang (DR 1/2004) bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan.

Tuan Yang Di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua (2003) 2004 jumlahnya RM18.9 bilion hampir RM19 bilion. Ini satu amaun yang besar dan saya merayu kepada pihak kerajaan mengambil kira apa yang rakan-rakan saya dan saya akan berucap di dalam Dewan yang mulia ini, dan memberi pertimbangan yang sewajarnya oleh kerana ada banyak perkara yang boleh disentuh.

Tuan Yang Di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan tersebut ialah di atas nama kementerian-kementerian dahulu dan sekarang ada juga wujud kementerian-kementerian baru dan disusun semula jabatan-jabatan. Walaupun ada juga kementerian-kementerian mengikut nama di sini yang dikekalkan pada masa ini, apakah garis-garis panduan yang akan diikuti untuk membahagikan wang peruntukan tersebut kepada kementerian-kementerian baru. Sebagai contoh Kementerian Dalam Negeri sekarang ada satu dahan baru iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Yang Di-Pertua, saya terus kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, oleh kerana Timbalan Menteri pun hadir yang diperuntukkan jumlah wang RM20.7 bilion.

Tuan Yang Di-Pertua, izinkanlah saya menyebut sedikit di sini daripada satu artikel yang ditulis oleh seorang penulis yang terkenal, di atas satu keadaan baru yang wujud dan akan berkembang lagi di rantau ini. Pada awal bulan ini lebih daripada 500,000 warga Hong Kong berkumpul di jalan-jalan raya di bandar raya tersebut menunjukkan perasaan di atas kegagalan kebebasan demokrasi di sana. Oleh kerana situasi di Hong Kong membawa perasaan was-was kepada pelabur-pelabur dengan suasana yang tidak stabil, dengan masa hadapan yang tidak cerah, bukankah ini satu peluang emas untuk Malaysia dan juga jiran kita Singapura bersama-sama merampas inisiatif ekonomi daripada kawasan pengalir atau muara Sungai Pearl, *Pearl River Delta*, dengan izin iaitu Hong Kong dengan Shanzen *the People's Republic of China*. Di sana ada suasana ketidakstabilan politik tetapi di sini kita dengan sukacitanya melihat peningkatan perhubungan baik kedua-dua buah negara di seberang selat Johor.

Oleh kerana demikian, banyak peluang komersial di kedua-dua negara telah dibuka termasuk pembelian dan gabungan syarikat-syarikat. Sebagai contoh Tuan Yang Di-Pertua, syarikat pelaburan Kerajaan Singapura iaitu Temasek Holdings telah membeli saham 5%, Telekom Malaysia. Saya difahamkan bahawa ada juga pada

masa ini perbincangan untuk pembelian sebuah bank dan gabungan-gabungan di sektor logistik, harta dan pengangkutan.

Peningkatan perhubungan di sektor perdagangan di antara Malaysia dan Singapura begitu penting. Dengan mengambil kira keadaan di Hong Kong dan perhubungannya dengan Beijing. Di situ ada kebimbangan di atas peningkatan kos dan harga, keadaan kesihatan ekonomi mikro negara China dan masalah-masalah infrastruktur. Gabungan rantau *economic* integrasi penuh Malaysia-Singapura, yang berdekatan dengan saluran perkapalan yang paling sibuk di dunia iaitu Selat Melaka tidak boleh dilawan oleh sesiapa pun. Firma-firma antarabangsa seperti BMW, MISC Shipping, Hewlett Packard dan baru-baru ini telah meningkatkan pelaburan mereka di kedua-dua negara kita.

Risiko politik di Malaysia sangat kecil berbanding dengan Hong Kong terutama sekali selepas satu kemenangan Barisan Nasional yang begitu cemerlang baru-baru ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Di Singapura juga peralihan kuasa daripada Encik Goh Chok Tong kepada Brigadier General Lee Hsien Loong juga akan berjalan dengan licin tanpa masalah. Kita baca baru-baru ini ia akan dijalankan pada 12 Ogos kalau tak silap saya. Pandangan seorang perunding *business* di Singapura, Encik Manu Baskaran berkata: "Kedua-dua negara harus bekerjasama dan bersama boleh bersaing dengan sesiapa pun".

Tuan Yang Di-Pertua, Malaysia dan Singapura mempunyai infrastruktur yang cemerlang termasuk sistem jalan raya, lapangan-lapangan terbang yang canggih dan pelabuhan-pelabuhan yang moden dengan semua kemudahan zaman sekarang. Kos perkapalan dan pembayaran pelabuhan pun rendah. Tetapi di Hong Kong segala kos dan harga barangan telah meningkat sehingga banyak kilang terpaksa berpindah ke luar bandar di pedalaman negara China. Bersama-sama ini adalah peningkatan gaji minimum di Shanzen, China ke US\$73.71 sebulan berbanding dengan kawasan pedalaman atau gaji dua atau tiga tahun dahulu. Saya percaya ini akan naik lagi.

Tuan Yang Di-Pertua, satu lagi manfaat yang dipunyai oleh Malaysia dan Singapura ialah satu sistem undang-undang yang tepat dan jelas. Semua perbincangan-perbincangan komersial ada juga undang-undang dan garis-garis panduan yang mudah diikuti. Pelabur-pelabur pun senang hati dengan pengurusan hak-hak harta yang wujud di kedua-dua negara jika berbanding dengan negara-negara lain di Asia Tenggara.

Akhir sekali tidak dilupakan bahawa taraf dan mutu bahasa antarabangsa iaitu bahasa Inggeris boleh dikatakan tinggi dan baik di Malaysia, Singapura termasuk juga golongan rakyatnya yang fasih di dalam bahasa Mandarin, Kantonis, Hokkien, Tamil, Hindi dan Urdu. Semua ini adalah kelebihan-kelebihan yang dipunyai oleh kedua-dua negara dan sebab itulah kerajaan harus mengkaji dan melaksanakan satu kerjasama perdagangan dengan Singapura pada masa ini untuk kebaikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pengilang-pengilang kereta Malaysia harus mengambil perhatian selepas nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan janganlah bersembunyi di belakang ibunya. Mereka mesti berani untuk menghadapi pasaran tempatan dan pasaran dunia tanpa perlindungan kerajaan. Masanya sudah sampai, perkara ini sangat penting dengan mengambil kira pematuhan selepas implementasi AFTA dan kebebasan perdagangan di bawah persefahaman WTO. Pada tahun hadapan tarif-tarif harus dikurangkan mengikut AFTA dan pada tahun 2008 pula cukai-cukai import terpaksa dikurangkan. Tidak boleh lari daripada kewajipan-kewajipan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pembuat-pembuat kereta tempatan mesti memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan iaitu R&D, dengan izin. R&D yang intensif meningkatkan reka bentuk dan teknologi supaya dapat bersaing dengan pembuat-pembuat kereta asing. Untuk tujuan tersebut Proton telah membeli saham majoriti di Lotus Cars United Kingdom dengan bayaran yang begitu tinggi dan Lotus terkenal untuk kecemerlangan teknologi automobil.

Kita mesti mengikut negara-negara seperti Jepun dan Korea yang memulakan industri keretanya dari asas. Pada masa kegawatan ekonomi yang teruk selepas Perang Dunia Kedua, pada hari ini mereka memainkan peranan yang besar di industri automobil sedunia. Pengilang-pengilang kereta Malaysia mesti juga berkeyakinan yang mereka boleh. Baru-baru ini sebuah kereta Proton Sateria telah menghabiskan satu lumba kereta sukar dan payah dari London ke Sydney tanpa tergendala atau kerosakan. Ada banyak kereta import yang telah rosak dan tidak dapat menghabiskan perlumbaan kereta tersebut, tetapi Proton boleh. Ini satu bukti bahawa mutu kereta-kereta Proton amat tinggi.

Saya merayu kepada pengilang-pengilang kereta kita meningkatkan sedikit strategi pasarannya dan mempunyai lebih penglibatan ataupun *commitment*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pertahanan yang diperuntukkan RM174 juta. Saya dengan sukacitanya mengambil perhatian bahawa Malaysia telah menjadi salah satu daripada pembuat atau pengilang senapang serang (*assault rifle*), dengan izin dan juga senapang tangan *handgun*, dengan izin.

Satu syarikat pengilang senjata termasyhur iaitu *Steyr Mannlicher* dari Austria telah memindahkan semua kilang senjatanya ke Malaysia. Senapang-senapang penyerang jenis *Steyr* akan dibuat oleh SME *Technology* di Sungai Buluh, selepas lesen pembuatannya akan ditukar tangan. Keperluan senjata-senjata amat tinggi di kawasan-kawasan tertentu di dunia seperti Rantau Timur Tengah dan juga di Afrika. Satu lagi Syarikat MMC di Nilai pun terlibat di dalam pembuatan kereta kebal ataupun *army tank*, dengan izin dan kereta pembawa askar '*armoured personnel carrier*' dengan izin. Ada juga satu syarikat yang bernama 'Pestaka Astana Sdn. Bhd' yang membuat kereta-kereta Angkatan Tentera dan saya difahamkan bahawa mereka sekarang akan membuat peluru roket untuk menyerang kapal terbang ataupun *anti-aircraft missile*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengambil perhatian bahawa Malaysia tidak boleh bergantung kepada industri-industri pembuatan tradisi seperti alat-alat elektronik kain dan baju ataupun *textile* dengan izin, benda-benda pengguna yang lain *consumer products* dengan izin, untuk hasil eksport. Ini adalah oleh kerana kebanyakannya akan berpindah ke negara-negara di mana gaji pekerja-pekerja lebih rendah seperti China, Vietnam, India dan Indonesia.

Sekarang ialah masa mempelbagaikan tapak asas pengilang kita ataupun *diversify the manufacturing base*, dengan izin. Kepada barang-barang yang jarang dibuat di semua negara dan salah satunya ialah pengilangan senjata.

Tuan Yang di-Pertua, pengurus-pengurus dan pekerja-pekerja di Malaysia mempunyai kelebihan di dalam kemahiran, kebolehan dan pendidikan teknikal. Mereka mudah diajar teknologi pengilangan senjata. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Pertahanan bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan menggalakkan dan mempromosikan pembuatan senjata. Kita boleh meningkatkan taraf sedikit kepada pembuatan bot-bot ronda tentera laut ataupun *naval patrol vessels* dan meriam moden. Dengan kepakaran pekerja-pekerja kita di dalam bidang elektronik, mereka boleh juga dilatih untuk

pembuatan sistem-sistem perang elektronik, '*electronic warfare system*' dengan izin termasuk radar dan *avionics*.

Saya percaya pada satu tahap yang akan datang selepas lima atau 10 tahun Malaysia mampu mengilang kapal terbang-kapal terbang perang yang sederhana, yang tidak beberapa *high-tech* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, negara Brazil telah menjadi sebuah negara yang berjaya di dalam bidang pembuatan dan eksport senjata. Kalau Brazil negara yang masih sedang membangun boleh, kita percaya Malaysia lagi boleh.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Kesihatan anggaran perbelanjaannya ialah lebih daripada RM528 juta.

Saya ingin berucap satu atau dua perkara. Saya bimbang di atas perkembangan rawatan perubatan alternatif di negara. Apakah rawatan alternatif ini? Adakah ia tulen atau palsu? Adakah rakyat kita tidak sedar sedikit pun ditipu oleh pengamal-pengamal perubatan alternatif tersebut? Mereka berjanji macam-macam dengan sembuh-sembuh ajaib dan mengutip bayaran tetapi kesihatan dan nyawa pesakit terlibat terjejas dan berbahaya. Masa yang dibuang mengejar rawatan-rawatan alternatif mengakibatkan penyakit tersebut menjadi teruk lagi dengan satu kesudahan yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ada satu rencana atau artikel dari majalah *Journal of The Royal Society of Health United Kingdom* yang minta rakyat mengambil perhatian di atas memberi terlebih tumpuan kepada rawatan alternatif atau *complementary*. Kes-kes yang tersebut ialah berkenaan dengan penyakit barah payu dara ataupun *breast cancer*, dengan izin, di mana satu golongan daripada pesakit-pesakit ada harapan palsu di atas kesan vitamin antioksidan cendawan, tulang ikan yu dan sebagainya. Ada juga pengamal-pengamal rawatan alternatif yang menasihatkan pesakit-pesakit tersebut berhenti ubat-ubat hospital seperti *Thermoksifan*, semua ada di sini, Tuan Yang di-Pertua. *Thermoksifan* ini sangat perlu dan penting untuk rawatan sakit barah payu dara.

Tuan Yang di-Pertua: Apa Yang Berhormat cakapkan masuk dalam *Hansard*. Apa yang ditulis di situ tidak masuk dalam *Hansard*. Kita lebih pakai apa Yang Berhormat nyatakan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih. Saya ingin tunjuk buktinya sahaja. Nasihat seperti ini sangat bahaya dan harapan palsu akan membunuh pesakit

berkenaan. Di sini juga ada satu rencana pengarang ataupun *editorial* dari surat khabar *The Nation* di Bangkok, surat khabar Thailand, yang menyebut bahawa persepsi cara-cara perubatan alternatif termasuk akupunktur, ubat-ubat herba dan benda tambahan makanan ataupun *food supplements*, dengan izin, boleh digunakan tanpa batasan, ini adalah satu persepsi yang salah, sama ada dipakai sendiri ataupun bersama dengan perubatan moden.

Mengikut kenyataan Organisasi Kesihatan Dunia ataupun WHO kegunaan perubatan alternatif tanpa kawalan akan membawa kesan-kesan buruk yang kadangkala mengakibatkan maut. Masalahnya ialah pesakit-pesakit yang memakai ubat-ubat rawatan alternatif kebanyakannya tidak memberitahu itu kepada doktor biasanya.

Walaupun benda-benda rawatan alternatif itu mahal, ia bukan bermakna selamat. Saya merayu kepada rakyat kita berwaspada apabila mencari rawatan-rawatan perubatan alternatif. Saya minta pihak Kementerian Kesihatan mengawal pengamalan perubatan alternatif dengan tegas dan juga menjalankan kempen untuk mendidik orang-orang awam di atas bahayanya.

Saya harap juga Kementerian Kesihatan akan menjalankan satu kempen untuk menasihati orang ramai memberi kepercayaan mereka kepada rawatan Barat atau *allopathy* yang boleh di dapati di semua klinik dan hospital-hospital kerajaan. Ini adalah sistem yang sah dan boleh dipercayai di asaskan daripada kolej-kolej....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya ingin penjelasan, tadi Yang Berhormat menyebut tentang perubatan *allopathy*. Bagaimana pandangan Yang Berhormat dengan perubatan *homeopathy*?

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri. *Homeopathy* itu kita terima. Ini diberi pengiktirafan oleh kerajaan sebagai satu cara perubatan. Apa yang saya rujuk di sini ialah pelbagai rawatan yang tidak berlesen. Ada juga pengamal-pengamal yang kata saya boleh buat ini, saya boleh buat itu. Ini tidak ada lesen dan tidak diiktiraf serta tidak ada sijil. Itu yang saya sentuh.

Rawatan *homeopathy* walaupun saya tidak berapa tahu apa *homeopathy* itu tetapi itu diterima, tidak ada hal. Ini adalah sistem yang sah dan boleh dipercayai di

asakan daripada kolej-kolej dan universiti-universiti perubatan yang terkenal yang membuat penyelidikan dan percubaan rawatan yang terkawal (*controlled clinical trial*), dengan izin, untuk menubuhkan ubat dan rawatan yang selamat dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan pada awal bulan ini ada kewujudan lebih daripada seribu pengamal ubat tradisi Cina haram di negara kita ini. Ini adalah satu perkara yang membimbangkan. Mengikut pandangan Persatuan Pengamal Perubatan Tradisi Cina mereka yang berkenaan masuk ke tanah air menggunakan kebenaran lawatan sosial (*Social Visit Pass*), dengan izin. Kemudian mereka kerja di kedai-kedai perubatan tradisi Cina yang tertentu. Oleh kerana gaji yang diminta amat kecil, mereka tidak didaftarkan dengan persatuan rasmi yang saya sebut tadi dan tidak mempunyai akreditasi yang betul.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ramai di antaranya yang mempunyai ijazah-ijazah dan sijil-sijil tiruan. Persatuan telah pun mengenal pasti satu rancangan haram di mana ijazah-ijazah dan sijil-sijil tiruan itu dapat dibeli. Yang lebih membimbangkan ialah janji sinseh-sinseh palsu yang mereka boleh merawat dan menyembuhkan penyakit-penyakit teruk dan serius seperti sakit barah, kencing manis, penyakit lemah sebelah badan ataupun *stroke*, dengan izin, dan juga sakit jantung.

Ada juga yang cuba menjalankan pembedahan-pembedahan kecil malangnya ada golongan rakyat dari semua kaum yang percaya dan ditipu oleh pengamal-pengamal palsu ini. Pengawasan ubat termasuk ubat tradisi dimulakan pada tahun 1984 dan undang-undang kawalan ubat-ubat dan alat-alat solek diwartakan. Proses pendaftaran ubat-ubat tradisi dimulakan pada tahun 1992 untuk memastikan keselamatan dan keberkesanan ubat-ubat tersebut.

Lebih kurang 70% permohonan untuk pendaftaran ialah ubat-ubat tradisi Cina. Kelayakan untuk pendaftaran bergantung kepada kebebasan ubat-ubat berkenaan daripada bahan-bahan bahaya, beracun dan yang boleh memudaratkan kesihatan. Ia patut juga dilabel dengan jelas dengan garis panduan kegunaan.

Tuan Yang di-Pertua, pemantauan semua syarat ini harus dikuatkuasakan dengan tegas, di atas segala aduan dan amaran yang diberi oleh Persatuan Pengamal Perubatan Tradisi Cina, pihak-pihak berkuasa termasuk Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di minta menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon laluan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Ya.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih, Yang Berhormat yang berucap, yang membahaskan usul ini, beliau adalah seorang doktor, maka sebagai seorang doktor, dia tidak boleh lari daripada ubat-ubat. Begitulah juga dengan bekas Perdana Menteri kita yang lalu, juga seorang doktor. Di samping itu juga kita mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kepada salah seorang lagi doktor yang ada dalam Dewan ini, selamat hari jadi yang ke berapa, saya terlupa iaitu Tuan Yang di-Pertua kita menyambut hari jadinya pada hari ini. *[Tepuk]* Sekian, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak termasuk dalam Peraturan Mesyuarat. *[Ketawa]*

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya, *I have the floor*, dengan izin, saya pun mengucapkan Selamat Hari Jadi, *Many Happy Returns*.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan izin, *you have the floor, I have the Rule Book*. *[Ketawa]*

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, saya ke Kementerian Kewangan. Di bawah kementerian tersebut

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pun sudah tersasul ya? *[Ketawa]*

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Ya, ya, okey, sudah fokus, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bila sudah hampir pukul 5.30 itu masing-masing tersasul. *[Ketawa]* Sila teruskan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Saya ingin berucap sedikit tentang Pulau Labuan. Tuan Yang di-Pertua, Labuan diakui dan dikenali sebagai sebuah pusat kewangan luar pantai antarabangsa ataupun *International Offshore Financial Center*, dengan izin, tetapi mengikut satu kajian atau tinjauan yang baru-baru ini dijalankan, pihak kerajaan dan pentadbiran di situ harus mengambil langkah-langkah tambahan untuk menarik lebih bank-bank, syarikat pinjaman atau *leasing company*, dengan izin, dan syarikat-syarikat insurans.

Di antara keperluan-keperluan yang disebut oleh mereka yang ditemu duga adalah *wireless broadband*, dengan izin, untuk laman *web*, pesawat penerbangan terus ke Labuan dari ibu kota-ibu kota negara Asia dan untuk hotel-hotel dan pusat-pusat pelancongan sentiasa dipelihara dengan baik. Mereka berkata juga,

pergantungan Labuan kepada Sabah untuk bekalan elektrik dan air tidak berapa sesuai dan mereka risau di atas tergendalanya bekalan-bekalan tersebut.

Selain dari itu, dikatakan juga, kekurangan tempat-tempat hiburan dan selepas pukul 7.00 malam, kedai-kedai pun sudah tutup. Infrastruktur yang dibina untuk pelancong-pelancong seperti merina di situ telah roboh dan penyelenggaraannya kurang memuaskan. Oleh yang demikian, ramai eksekutif, pengarah-pengarah dan pengurus-pengurus sentiasa berada di bandar-bandar lain seperti Kota Kinabalu, Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura di pejabat-pejabat pasaran syarikat masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, pihak mana yang bertanggungjawab untuk membangunkan Labuan? Adakah ini kerja pihak berkuasa Perkhidmatan Kewangan Luar Pantai Labuan ataupun *Labuan Offshore Financial Services Authority* (LOFSA), atau adakah ini tanggungjawab Labuan *Cooperation* atau Kementerian Wilayah Persekutuan? Mengikut kenyataan Encik Patrick Harvey, seorang Pengarah Pembangunan Strategi dari EURO Bank *Consultants*, Labuan adalah suatu tempat yang cantik dan indah tetapi beliau berkata, banyak lagi harus dijalankan dari segi pembinaan dan pembangunan infrastruktur dan juga promosi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Pulau Labuan mempunyai potensi besar untuk menjadi satu Pusat Kewangan Luar Pantai Antarabangsa yang terkenal dan masyhur. Kerajaan Pusat dan negara boleh mendapat keuntungan dan manfaat yang begitu besar daripadanya jika dibangunkan, diuruskan dengan sebaiknya dan segala kekurangan di situ dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri meminta anggaran perbelanjaan sebanyak RM140 juta. Satu perlakuan di mana seorang yang baik hati ditikam dan dibunuh oleh seorang pencuri ragut ataupun *snatch thief*, dengan izin, tidak boleh diterima oleh masyarakat kita. Sudah pun cukup mengecewakan apabila seorang lagi mangsa pencuri rampas meninggal oleh kerana kecederaan kepala semasa jatuh, tetapi di sini yang dibunuh iaitu mendiang Encik Rosli Mohamad Saad telah cuba menolong mangsa perampasan itu. Keadaan seperti ini membimbangkan.

Saya diingatkan kepada satu ayat daripada George Bernard Shaw, dengan izin, "*He, who bares the brand of cane shall rule the earth*". Nampaknya sesiapa yang jahat akan memerintah dunia. Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis diminta berwaspada apabila mereka menyuruh rakyat melaksanakan ketahanan awam ataupun *citizens arrest*,

dengan izin, seperti yang dinasihatkan oleh pegawai-pegawai kanan Polis tertentu baru-baru ini. Apa yang telah dilakukan kepada Encik Rosli Mohamad Saad, walaupun diterima sebagai seorang perwira yang berani, boleh berlaku kepada sesiapa pun .

Penjahat-penjahat tersebut adalah orang-orang bahaya dan terdesak, *desperate individuals*, dengan izin, mereka mudah membuat ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung semula esok.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan, Dewan akan bersidang semula pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.